

**Jilid II
Bil. 13**



**Hari Khamis
3hb April, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KEDUA
*Second Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1633]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) [Ruangan 1679]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEDUA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” Menteri Luar Negeri, **Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” Menteri Kewangan, **Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).

- Yang Berhormat** **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).**
- ” **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- ” **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- ” **DR TAN TIONG HONG (Kepong).**
- ” **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- ” **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- ” **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- ” **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- ” **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).**
- ” **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).**
- ” **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- ” **DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).**
- ” **TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).**
- ” **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- ” **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- ” **TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- ” **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 3hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

BAS SEKOLAH YANG BURUK

1. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat banyak bas-bas sekolah yang berada dalam keadaan buruk yang mengancam nyawa murid-murid sekolah dan sama ada Kerajaan akan menimbang mengurangkan bayaran lesen dan cukai jalan bas-bas tersebut supaya membolehkan menggalakkan pengusaha-pengusaha bas-bas sekolah untuk menyelenggarakan bas-bas mereka dengan baik.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang terdapatnya banyak bas-bas sekolah yang berada dalam keadaan sebegitu buruk hingga boleh mengancam nyawa murid-murid sekolah seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya. Jika ada saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu Kementerian saya atau pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan tentang bas sekolah yang sebegitu

buruk keadaannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiap-tiap kenderaan perdagangan adalah dikehendaki diperiksa sekurang-kurangnya enam bulan sekali oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat supaya dikurangkan bayaran lesen dan cukai jalan bas-bas sekolah; ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kewangan. Bagaimanapun bolehlah saya sebutkan di sini bahawa bayaran cukai jalan yang ada sekarang ini sudah pun rendah dan bagi masa ini tidaklah difikirkan patut dikurangkan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bayaran cukai jalan bagi bas sekolah yang membawa kurang daripada 30 orang murid sekolah adalah cuma \$52.50 setahun dan bas sekolah yang membawa murid antara 30 hingga 45 orang hanya diluluskan bayaran sebanyak \$75 setahun.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau teksi ada limitnya iaitu motokar-motokar tidak boleh dipakai lebih daripada 10 tahun tetapi bagaimana pula kalau sekiranya bas-bas yang digunakan oleh kompeni ini bagi mengangkut pengangkutan awam selama manakah bas-bas itu boleh digunakan untuk dijadikan pengangkutan awam terutama digunakan bagi mengangkut budak-budak sekolah.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, bagi bas-bas untuk kegunaan perkhidmatan awam juga ada limitnya ada tempoh bagi kegunaan boleh digunakan. Yakni bas-bas yang tidak melebihi umurnya 12 tahun. Walau bagaimanapun, adalah juga diberi tempoh jika sekiranya pihak Jabatan Pengangkutan Jalan berpuas hati bas-bas yang lebih daripada 12 tahun boleh juga dipertimbangkan tetapi tidak boleh melebihi 15 tahun.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Timbalan Menteri berkenaan ada mengatakan beliau tidak sedar bahawa terdapatnya bas-bas sekolah yang berada dalam keadaan yang buruk sehingga mengancamkan nyawa murid-murid sekolah dan beliau juga telah mengatakan bahawa bas-bas hendaklah diperiksa enam bulan sekali oleh pihak Pemeriksa dan Pendaftar Kereta Motor. Soalan saya, adakah selain daripada pemeriksaan yang dijalankan enam bulan sekali itu pihak Pemeriksa dan Pendaftar Kereta Motor membuat pemeriksaan mengejut sekali-sekala terhadap bas-bas sekolah di tempat-tempat yang tertentu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan secara mengejut ke atas kenderaan-kenderaan awam khususnya memang setiap masa dijalankan oleh kakitangan-kakitangan penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Au How Cheong.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

HARGA BARANG KELUARAN PERUSAHAAN TEMPATAN

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkaitan dengan kenyataannya pada 18-2-1980 bahawa Kerajaan mengawal peng-

importan beras untuk melindungi perusahaan beras tempatan dan kepentingan pengguna-pengguna sama ada langkah-langkahnya yang sama diambil untuk menentukan bahawa pengilang-pengilang tempatan yang mengeluarkan bahan-bahan keperluan seperti besi, simen, tepung, dll. mengeluarkan barang-barang mereka dengan harga yang tidak lebih tinggi daripada harga pasaran rantau ini dan nyatakan berapa jenis barang-barang yang dikeluarkan oleh perusahaan-perusahaan kita yang harganya adalah lebih tinggi daripada harga pasaran dalam rantau ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan mengenai harga ialah untuk mengadakan harga yang berpatutan kepada pengguna-pengguna dan pengeluar-pengeluar. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan salah satu langkah yang utama adalah pengawalan harga barang-barang perlu keluaran tempatan seperti gula, simen, tepung gandum, batang-batang keluli dan barang-barang petroliaam.

Mengenai harga barang-barang keluaran tempatan yang lebih tinggi daripada harga pasaran rantau ini, adalah mustahil bagi saya untuk menyatakan kedudukan harga tiap-tiap satu jenis barang oleh kerana seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia pada masa ini mengeluarkan beribu-ribu jenis barangan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya boleh memberi maklumat mengenai harga beberapa barang-barang perlu di Malaysia dibandingkan dengan harga barang-barang itu di negara-negara lain di rantau ini.

Maklumat-maklumat ini adalah seperti berikut:

	<i>Semenanjung</i>			
	<i>Malaysia</i>	<i>Thailand</i>	<i>Singapura</i>	<i>Filipina</i>
Tepung Gandum (sekati)	45 sen	N/A	50 sen	61 sen
Simen (setan) Ex-factory	\$130	\$140	\$141	\$179
Batang-batang Keluli (setan)	\$738- \$870	\$897- \$1,023	\$850	\$992- \$1,240
Gas Pemasak (32 paun)	\$14.90	\$17.45	\$20.70	N/A
Minyak Diesel (segelen)	\$1.30	\$3.28	\$2.86	\$3.29
Minyak Tanah (segelen)	\$1.30	\$2.93	\$3.60	\$3.29
Petrol (Premium) (segelen)	\$3.69	\$4.86	\$4.55	\$6.15

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kawalan atas harga tepung gandum, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas apa-apa sebabkah pihak Kementerian yang berkenaan telah meluluskan satu permintaan yang dibuat oleh pengilang-pengilang tepung untuk menaikkan harga baru-baru ini dan adakah beliau sedar bahawa oleh kerana harga tepung telah naik, maka pembuat-pembuat roti pun telah mengambil kesempatan itu untuk menaikkan harga roti.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, salah satu unsur bagi kos pengeluaran tepung gandum ialah gandum (wheat). Harga gandum di pasaran dunia telah naik kalau dibandingkan purata dalam enam bulan ini sudah naik 40%, jadi kita terpaksa membenarkan kenaikan harga 5 sen satu kati bagi kilang yang mengeluarkan tepung gandum. Jika tidak kilang-kilang itu tidak boleh menyerapkan kos yang tinggi ini.

Kementerian saya sedar juga bahawa kalau harga tepung gandum naik, roti mesti ikut kos yang mana saya rasa 60% daripada kos itu datang daripada tepung gandum yang telah naik dan pada masa ini Persatuan Pengeluar Roti pun telah membuat permohonan untuk menaikkan harga roti.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menghuraikan akan perbandingan harga-harga barang-barang di dalam negeri ini dengan harga di rantau ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kemampuan kita menahan atau kemampuan kita meletakkan harga begitu rupa, apakah ia beralasan bahawa kerana kestabilan politik kita, kestabilan ekonomi kita dan adanya hubungan yang harmoni di antara pekerja dan majikan yang tidak diganggu oleh gangguan-gangguan yang lain dan apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bersetuju bahawa harga-harga ini akan terganggu dan akan melompat naik sekiranya berlaku gangguan-gangguan hubungan di antara kaum pekerja dan majikan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju penuh dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa kejayaan Malaysia untuk mengawal harga, untuk mena-

hankan tekanan inflasi di Malaysia ini terdiri daripada kestabilan politik dan juga kerjasama dan persefahaman di antara majikan dan pekerja-pekerja yang telah wujud sejak beberapa tahun ini dan juga pengeluaran Malaysia kita ini baik dalam bahan-bahan barang-barang perlu seperti barang makanan, baik barang-barang yang mana kita boleh memperoleh matakawang ringgit luar ialah bertambah naik dari satu tahun ke satu tahun. Dengan ini kita ada kemampuan untuk memberi subsidi kepada barang-barang keperluan supaya kita boleh mengawal harga ini. Harga barang-barang seperti petroleum, diesel, minyak tanah, kalau dibandingkan dengan harga di negara jiran kita rasa saya di negara jiran harganya dua kali ganda atau tiga kali ganda. Ini disebabkan oleh subsidi yang diberi oleh Kerajaan seperti diesel dan minyak pada tahun yang lalu \$340 juta dan ini ialah satu langkah yang mana kita boleh mengawal dan saya rasa yang penting sekali ialah kestabilan politik, kestabilan ekonomi dan juga kestabilan di antara pekerja-pekerja dengan majikan yang mana kita boleh menggalakkan pengeluaran lebih tinggi pada masa yang dahulu.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri berkenaan adakah beliau sedar bukan masalah harga masa ini tetapi masalah di Malaysia ialah mengenai perkara-perkara yang beliau sebut tadi susah dapat. Misalnya besi, walaupun harganya di Malaysia adalah lebih murah daripada di negeri-negeri lain tetapi orang hendak membeli besi tidak boleh dapat.

Yang kedua, besi ini bukan sahaja tidak boleh didapati tetapi ada dua jenis, MM saiz dan Standard saiz dan jikalau orang hendak beli Standard Size dia beri MM saiz. Ini pun satu masalah besar. Adakah beliau sedar dan jikalau sedar apakah tindakan yang boleh diambil untuk membetulkan perkara ini.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya bekalan barang-barang yang saya sebutkan tadi bukan ada masalah seperti angka-angka yang telah saya beri di Dewan yang mulia ini pada masa yang lalu. Bekalan barang-barang ini cukup tetapi ada

terjadi kekurangan yang dikatakan sporadic disebabkan daripada gangguan dalam pengedaran dan ini diatasi dengan Kementerian saya mengambil langkah untuk mengarahkan pengeluar-pengeluar menyampaikan barang-barang itu kepada tempat yang menghadapi kekurangan. Khususnya bagi batang-batang keluli ini Kementerian saya sedar bahawa pengeluaran di Malaysia ini pada tahun yang lalu adalah tidak cukup, maka dengan ini Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengimport. Pada tahun yang lalu boleh dikatakan banyak iaitu kira-kira 80,000 tan batang keluli telah diedarkan kepada kontraktor-kontraktor yang menggunakan bahan ini untuk projek Kerajaan dan pada tahun ini pun kalau tidak cukup langkah-langkah seperti ini akan diambil. Jadi, pada keseluruhannya tidak ada kekurangan dalam negara kita ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maklumat-maklumat perbandingan harga barang-barang perlu yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu pada pandangan saya sangatlah berguna dan memberi faedah besar terutama kepada rakyat kita di luar bandar. Ada banyak anasir-anasir yang menggunakan tentang kenaikan harga ini memburuk-burukkan Kerajaan. Oleh yang demikian, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak menyebarkan maklumat perbandingan harga ini kepada rakyat melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung atau lain-lain Jabatan Penerangan yang boleh sampai kepada orang ramai?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dan saya fikir pada hari ini saya telah mengumumkan harga-harga di Malaysia berbanding dengan harga barang-barang ini di negara lain di rantau ini, maka saya harap mass media akan menggunakan maklumat itu untuk menyibarkannya, sebab banyak rakyat Malaysia kita tidak mengetahui bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional yang mana dengan pengurusan yang baik dan juga langkah seperti saya katakan tadi, subsidi dan sebagainya kita boleh mengawal harga barang-barang itu. Dan kita mesti menghapuskan apa yang dikatakan "inflation psychology" yang ada di kalangan rakyat kita ini yang mana kalau kita tidak perlu barang-barang itu tidak

perlu beli lebih daripada apa yang digunakan dan juga kita mesti kawal harga barang-barang itu seperti minyak disel dan minyak tanah yang mana harga bahan itu sangat murah jika dibandingkan dengan harga yang ada sekarang di negara lain dan mencegah penyeludupan yang akan berlaku. Ini adalah langkah-langkah yang mustahak dan Kementerian saya telahpun berhubung dengan Kementerian Penerangan untuk menyebarkan maklumat seperti ini.

Tuan Yusof bin Malik Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di atas penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa harga besi, simen, tepung dan lain-lain lebih murah dalam negeri kita daripada negara lain di rantau ini dan saya ucapkan tahniah. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu sama ada pengusaha-pengusaha berkenaan itu ada menulis surat atau memohon kepada Kementerian hendak menaikkan lagi harga barang-barang tersebut, tetapi Kementerian terpaksa menolak untuk kepentingan rakyat?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ada juga permohonan yang dibuat oleh pengeluar-pengeluar barang seperti tayar, spark plug dan berbagai barang jenis keluaran kilang yang mana Kementerian saya selepas mengkaji tidak puas hati atas permohonan menaikkan harga itu, maka permohonan itu telah ditolak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila menjawab soalan tambahan saya ada menyatakan bahawa Persatuan Pembuat Roti telah membuat permohonan kepada Kementerian untuk menaikkan harga roti, tetapi adakah beliau sedar bahawa sungguhpun permohonan itu belum diluluskan oleh Kementerian berkenaan akan tetapi harga roti telah naik, misalnya, di dalam kawasan saya. Adakah beliau sedar, dan jika beliau sedar, apakah tindakan yang beliau akan ambil terhadap perkara ini.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, roti ialah satu benda di dalam senarai yang diisytiharkan sebagai controlled item dan Kerajaan telah menghadkan harga roti itu pada masa sekarang tidak melebihi 50 sen satu paun atau 350 miligram dan jika ada orang menjual dengan harga lebih daripada harga yang ditetapkan itu, ini adalah melanggar peraturan itu dan menjadi satu

kesalahan. Siapa yang telah membeli roti itu boleh buat laporan kepada Kementerian saya dan kita boleh ambil tindakan, pegawai-pegawai Kementerian saya telah memanggil wakil-wakil daripada Persatuan Pembuat Roti itu untuk berunding atas permohonan itu yang telah dibuat untuk menaikkan harga roti itu.

TEKSI—LESEN MILIK PEMANDU

3. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah bilangan teksi berlesen yang dimiliki oleh pemandu tuannya, syarikat-syarikat dan syarikat-syarikat kerjasama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, jumlah lesen teksi dan kereta sewa yang telah dikeluarkan setakat ini 31hb Mac, 1980 adalah sebanyak 12,612 buah. Dari jumlah itu sebanyak 7,587 buah dikeluarkan kepada orang-orang perseorangan. 3,581 buah dikeluarkan kepada perkongsian dan 1,444 dikeluarkan kepada syarikat-syarikat, termasuk 338 buah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat kerjasama.

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan sama ada lesen teksi yang telah dikeluarkan kepada bukan pemandu atau tuannya dan jika ada sama ada Kerajaan bercadang untuk mengambil balik supaya lesen-lesen itu dapat diberikan kepada orang-orang yang benar-benar memandu teksi?

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sebelum dasar pemandu pemilik teksi itu dijalankan memang ada didapati orang-orang yang tidak memandu teksi sendiri mendapat permit-permit teksi sejak 1hb Julai, 1979, iaitu sejak pelaksanaan dasar berhubung dengan pemandu pemilik teksi, tidak seorangpun yang diberi permit yang mana pemohon itu tidak memandu teksi.

Berhubung dengan soal penarikan balik teksi—iaitu permit-permit yang diberikan, berdasarkan kepada beberapa tahun iaitu selama 7 tahun. Setelah permit itu tempohnya selesai iaitu untuk pembaharuan maka pada masa itu kalau didapati orang yang hendak membaharui lesen itu bukan pemandu teksi, maka pembaharuan itu tidak akan diberikan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar 13,000 lesen teksi yang diluluskan saya rasa sangat kurang oleh sebab banyak teksi haram sekarang ada di mana-mana pekan diceruk rantau Malaysia. Ini menunjukkan lesen teksi sangat kurang. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi lebih lesen teksi?

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dengan dasar yang ada sekarang iaitu sesiapa yang hendak memandu teksi sendiri maka pihak Lembaga Pelesenan Jalan di bawah Kementerian Perusahaan Awam akan memberikan pertimbangan.

MAHKAMAH RAYUAN

4. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan dalam kes-kes sivil seorang mempunyai hak untuk merayu kepada Majlis Privy di London tetapi dalam kes-kes perlembagaan dan jenayah hak itu tamat di peringkat Mahkamah Persekutuan sama ada Kerajaan akan menimbang semula keputusannya itu dan mengadakan sebuah Mahkamah Rayuan untuk menggantikan Majlis Privy supaya membolehkan kes-kes perlembagaan dan sivil diulang bicara.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah keadaan yang ada sekarang.

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana Kerajaan tidak bercadang adakan satu mahkamah lain untuk mendengar rayuan-rayuan daripada Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes jenayah dan kes-kes constitutional, bolehkah saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan ada cadangan mengadakan 5 Hakim dalam Mahkamah Persekutuan untuk dengar kes-kes itu. Apa yang ada sekarang 3 hakim. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan 5 Hakim dan bukan 3 untuk perkara seperti kes jenayah dan kes perlembagaan.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan ditimbang dengan mendalam dan teliti pada masa yang akan datang sama ada kita hendak tambah bilangan Hakim Mahkamah Persekutuan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 20 tahun dan keadaan mahkamah kita tidak dipengaruhi oleh ahli politik dan ini selalu ditegaskan oleh Ketua Hakim kita. Jadi adakah Kerajaan bercadang hendak menamatkan kes-kes sivil itu dibawa ke Privy Council?

Tuan Yang di-Pertua: Kes yang mana?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Kes-kes sivil.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Kes Perlembagaan dan jenayah sememang tidak dibawa ke Privy Council.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau bertanya kes-kes sivil, sebab itu saya tanya tadi.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Kes sivil belum ada cadangan hendak menahan daripada dibawa ke Privy Council dan Kerajaan masa ini masih meneruskan kes sivil itu diberi rayuan kepada Privy Council. Belum ada lagi cadangan hendak mengubah dasar yang ada sekarang.

JALAN BANGSAR—KELEWATAN PERLAKSANAAN

5. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah sebabnya kelewatan menyiapkan pembesaran jalanraya baru di Jalan Bangsar memakan masa lebih daripada jadual yang ditetapkan, adakah oleh kerana "land acquisition", "temple" yang menghalang siapnya jalan batu tersebut.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kelewatan pelaksanaan meluaskan Jalan Bangsar adalah disebabkan oleh beberapa faktor.

Yang Pertama, kawasan ini telah lama terdiri rumah-rumah pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu, rumah-rumah setinggan dan dua buah kuil, bangunan-bangunan itu telah wujud selama lebih 20 tahun.

Yang kedua, Kementerian saya terpaksa mencari jalan untuk mengosongkan kawasan itu dengan bantuan Keretapi Tanah Melayu, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya.

Yang ketiga, pemindahan setinggan-setinggan adalah satu perkara yang perlu dikaji dengan teliti kerana ia melibatkan faktor-faktor ekonomi dan sosial dan ianya harus dikendalikan mengikut nasihat Jawatankuasa Tertinggi.

Keempat, masalah gantirugi untuk separuh bangunan-bangunan terlibat harus juga berteliti dengan sewajarnya sebelum ianya dirobohkan.

Kelima, dua buah kuil di kawasan ini mempunyai sejarah yang lama sebagai tempat beribadat dan pemindahan harus dibuat mengikut prinsip-prinsip Rukunegara dan sekarang kuil tersebut telahpun dipindahkan tanpa apa-apa kesulitan.

Keenam, sebenarnya kuil yang akhir dirobohkan telah dipindahkan ke lain kawasan dengan persetujuan pihak Jawatankuasa tersebut dan tidak melibatkan kelewatan.

Dengan ini faktor yang sebenarnya ialah jalan ini ialah jalan yang sangat sibuk dan kesesakan lalulintas menyebabkan projek-projek JKR sukar melaksanakannya dengan sempurna. Walau bagaimanapun saya ingin meyakinkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu walaupun masalah-masalah ini timbul kerja-kerja membina jalan sedang dan masih lagi berjalan dan dijangka siap dalam beberapa bulan lagi.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang lalu-lalang di jalan itu tiap-tiap hari saya dapati jawapan itu kurang tepat jikalau sebabnya rumah dan temple, sebab di mana rumah-rumah ini terdiri dan di mana temple itu berada sudah lama dirobohkan dan jalan sudah lama dibuat. Tetapi apa yang menjadi soal di sini ialah jalan itu dibuat sebelah sahaja iaitu sebelah rumah dan temple itu sudah siap dua kaki tinggi, tetapi jalan yang sebelah lagi bermakna jalan itu sebelah sahaja yang siap.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalan tambahnannya apa?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Kerja yang terganggu barangkali sudah berlarutan selama 2-3 bulan dan sekarang ini tidak ada tanda-tanda bahawa kerja-kerja itu berjalan dengan pesat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan sebab-sebabnya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu baru sahaja saya beri sebab-sebabnya dan saya telah memberi enam faktor untuk kelewatan dalam projek itu, tetapi jikalau Yang Berhormat tidak puas hati saya boleh beri keterangan lagi. Ada juga satu masalah kesulitan daripada rumah berhala itu dan saya baru terangkan iaitu apabila kita pindahkan rumah berhala kita ikutlah prinsip Rukunegara dan apabila kita ikut prinsip Rukunegara kita akan menyelesaikan masalah-masalah itu dengan teliti dengan tidak kira apa kaum yang menggunakannya tanah itu. Sebab itu sahajalah timbul kelewatan.

STRATEGI PERINDUSTRIAN MALAYSIA

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah strategi perindustrian Malaysia untuk tahun lapan puluhan dan bagaimana strategi ini akan membantu memperbaiki iklim pelaburan di negara ini.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun lapan puluhan, Negara kita akan menghadapi berbagai masalah perdagangan seperti kekurangan tenaga di dunia, inflasi, "protectionism" dan kekurangan keupayaan perindustrian di negara-negara maju, yang mana akan menjejaskan pembangunan perindustrian mereka. Masalah-masalah ini merupakan masalah-masalah tambahan kepada apa yang sedang dihadapi oleh Negara dalam mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi-kan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Strategi-strategi dalam tahun lapan puluhan mestilah mengambil kira masalah-masalah ini.

Dalam jangka masa sepuluh tahun yang lepas, strategi-strategi perindustrian digubal untuk menggalakkan pelaburan asing, mengadakan peluang pekerjaan, menggalakkan penyertaan Bumiputra dalam perindustrian, menggalakkan kegunaan bahan-bahan tempatan, membetulkan ketidakseimbangan

antara wilayah dan menggalakkan perusahaan-perusahaan yang berorientasikan eksport. Strategi-strategi dalam tahun lapan puluhan adalah digubal untuk mencapai tujuan-tujuan yang sama. Walau bagaimanapun, memandangkan industri kita telah berkembang maju dan kita mempunyai potensi tenaga yang besar serta bahan mentah yang sesuai untuk petro-kimia dan lain-lain, strategi lapan puluhan akan merangkumi support dan basic industries seperti besi waja, aluminium, petro-kimia dan parts and components fabrication untuk membekal perusahaan yang sedia ada atau yang akan diadakan. Memandang bahawa kerap kali basic dan support industries ini memerlukan keluaran yang besar dan pasaran tempatan tidak mencukupi, kita akan memasuki pasaran dunia untuk membantu pasaran tempatan. Dengan tambahan strategi ini kita mungkin mencapai satu tahap industrialisasi yang lebih penuh. Iklim pelaburan tidak menjadi masalah sekarang.

PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI)

7. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail dapat memajukan penyelidikan, latihan dan kajian perubatan dalam usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan kesihatan rakyat.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam hal-hal penyelidikan, latihan dan kajian perubatan dalam usaha-usaha meninggikan taraf hidup dan kesihatan rakyat.

Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) ditubuhkan untuk memaju dan meluaskan penggunaan sains dan teknologi nuklear secara aman dalam usaha-usaha pembangunan negara. Bagi mencapai tujuan ini, PUSPATI akan menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan di dalam bidang sains dan teknologi nuklear untuk kegunaan penyelidikan pertanian, perubatan dan perindustrian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek PUSPATI yang sedang dibina di Bangi dan dijangka siap pada akhir tahun

1981 akan dilengkapkan dengan makmal-makmal khas, peralatan yang mencukupi serta kakitangan yang terlatih di dalam berbagai bidang yang diperlukan. Reaktor yang telah dipilih itu adalah yang paling sesuai untuk berbagai kegunaan yang diperlukan, iaitu penyelidikan, latihan dan pengeluaran radioisotop.

PUSPATI sedang merancangkan beberapa strategi tertentu supaya teknik-teknik nuklear dapat digunakan dalam penyelidikan dan pengeluaran dalam bidang-bidang pertanian, perindustrian dan perubatan.

Dalam bidang pertanian, PUSPATI menggalakkan penggunaan teknik nuklear dalam penyelidikan mencari dan mendapatkan baka tanaman-tanaman yang mempunyai sifat-sifat yang baik supaya dapat mengeluarkan hasil yang banyak dan tahan dari serangan penyakit dan serangga. Penggunaan teknik ini dimulakan secara kecil-kecilan dalam satu projek yang sedang dijalankan bersama oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan MARDI. Teknik ini mempunyai kelebihan daripada teknik kacukan biasa kerana ianya boleh memberikan hasil yang lebih cepat dan dengan itu akan membantu meninggikan lagi pengeluaran hasil petani-petani.

Dalam bidang perindustrian pula, PUSPATI akan menumpukan perhatian kepada penyelidikan dan penggunaan teknik nuklear untuk meninggikan mutu pengeluaran barang-barang perindustrian. Untuk maksud ini PUSPATI akan mengembangkan dua kaedah pengawalan mutu berasaskan teknik nuklear. Satu daripadanya akan digunakan untuk pengawalan mutu barang pengeluaran yang kecil-kecil, dan satu lagi iaitu teknik radiography akan digunakan dalam industri berat. Dengan penggunaan teknik ini akan dapat meninggikan lagi mutu pengeluaran barang-barang perindustrian negara ini.

Dalam bidang perubatan pula, PUSPATI akan memainkan peranan penting untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada Kementerian Kesihatan dalam mengembangkan perubatan nuklear di negara ini. PUSPATI akan mengeluarkan radioisotop-radioisotop yang diperlukan untuk perubatan nuklear itu dan juga menjalankan penyelidikan untuk mencari jenis-jenis ubat radioisotop (radiofarmasi) yang baharu. Khidmat piawaian "dose" ini akan dapat menentukan

ukuran-ukuran sinaran yang dikeluarkan oleh alat-alat yang digunakan dalam perubatan nuklear. Ini akan menjauhkan daripada berlakunya pemberian sinaran yang berlebihan kepada pesakit-pesakit dan dengan itu akan dapat memperbaiki lagi perkhidmatan perubatan pada keseluruhannya.

Untuk mengembangkan penggunaan teknik-teknik nuklear dalam beberapa bidang seperti yang disebutkan tadi negara ini akan memerlukan pegawai-pegawai dan juruteknik-juruteknik yang mahir dalam penggunaan teknik-teknik tersebut. Oleh itu PUSPATI akan mengadakan latihan-latihan teknikal di peringkat iktisas dan separa iktisas untuk membolehkan agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang berkenaan menggunakan teknik-teknik baru itu dengan baik.

Dengan rancangan-rancangan seperti yang dinyatakan tadi, adalah dijangkakan PUSPATI akan dapat memberi sumbangan yang sewajarnya ke arah meninggikan lagi taraf hidup dan kesihatan orang ramai di negara ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah Kementerian beliau mengambil kira bahawa penyelidikan yang dibuat oleh PUSPATI (Pusat Tenaga Atom Tun Dr Ismail) lebih murah belanjanya dengan membeli pattern atau design yang ada di seluruh dunia daripada membuat penyelidikan sendiri?

Yang kedua, apakah jaminan dari segi keutamaan (priority) bahawa PUSPATI membuat penyelidikan yang mesti difollow-up, bukan penyelidikan yang hanya dibuat untuk academic experiment.

Yang ketiga, apakah

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat soalan tambahan ini. Cukuplah itu dahulu! Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama iaitu berkenaan dengan harga kalau dibandingkan dengan membeli barang dari luar daripada penyelidikan sendiri, boleh dikatakan kita perlu membuat penyelidikan kita sendiri bukan dari segi kewangan tetapi juga dari segi kemajuan negara kita sendiri.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sains dan teknologi nuklear ini iaitu yang dijalankan oleh PUSPATI adalah merupakan satu bidang baru kepada negara ini, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan adakah pihak PUSPATI mendapat bantuan kepakaran daripada pihak-pihak luar negeri umpamanya pihak UNESCO?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setelah kita rancangkan PUSPATI ini kita telah dapat bantuan yang banyak daripada IAEA (International Atomic Energy Agency).

Tadi saya telah silap kerana tidak menjawab soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat dari Pontian berkenaan dengan penyelidikan yang akan diadakan oleh PUSPATI bukan akademik tetapi untuk kegunaan biasa. Jadi saya boleh beri jaminan penyelidikan yang akan dibuat oleh PUSPATI itu akan ditumpukan kepada penyelidikan yang ada guna semasa.

PROJEK PEMBANGUNAN DI KAMPUNG BARU KUALA LUMPUR

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat segoongan penduduk-penduduk Kg. Bahru (Hale Road) Kuala Lumpur telah diberi notis meninggalkan kampung halaman mereka—setelah diketahui bahawa Kerajaan memerlukan tanah-tanah kepunyaan mereka untuk pembangunan. Jika sedar, apakah tindakan yang Kementerian beliau akan ambil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa ada terdapat beberapa orang penduduk di sekitar Jalan Hale yang terlibat dengan projek pembangunan yang sedang dilaksanakan. Projek-projek itu ialah:

- (1) Inner Ring Road Improvement Scheme (Skim Memperbaiki Jalan Lingkaran Dalam).
- (2) Jalan Stony Tambahan di antara Jalan Pekeliling ke Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Kawasan yang terlibat dengan "Inner-Ring Road Improvement Scheme" ialah Kampong Chendana dan Kampong Hujung Pasir. Di

Kampong Chendana sebanyak 4 lot kepunyaan orang Melayu terlibat. Semua tuan tanah telah bersetuju dengan pampasan yang ditawarkan dan masalah perpindahan dan pembelian rumah akan diuruskan oleh Dewan Bandaraya. Di Kampong Hujung Pasir sebanyak 5 lot terlibat dalam Projek Jalanraya. 3 lot melibatkan rumah kediaman dan 2 lot tidak melibatkan bangunan. Tuan tanah sedang menimbang tawaran yang dibuat oleh Kerajaan.

Bagi projek Jalan Stony Tambahan iaitu dari Jalan Pekeliling ke Jalan Tuanku Abdul Rahman melalui Kampong Bharu belum diluluskan oleh Pihak Berkuasa iaitu Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan.

PENCEN SUKARELA

9. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan bahawa golongan Bumiputra yang pandai dan bijak kebanyakannya terdiri dari Pegawai-pegawai Kerajaan, oleh itu bagi menjamin tercapainya 30% Bumiputra menyertai dalam sektor perniagaan, apakah Kerajaan bercadang meminda undang-undang pencen supaya membolehkan guru-guru dan pegawai-pegawai Kerajaan yang benar-benar berminat dan cuba hendak menceburkan diri dalam perniagaan mengambil PENCEN SUKARELA lebih awal daripada umur yang diperuntukkannya iaitu umur 40 tahun atau selepas berkhidmat selama 15 tahun, kerana sekurang-kurangnya tenaga perkhidmatan mereka mendapat penghargaan dari Kerajaan melalui pencen yang diterima, selain daripada menjadi penggalak dan tidak membimbangkan sekiranya usaha perniagaan mereka menemui kegagalan kelak.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak meminda Akta Pencen dengan menurunkan umur bersara secara pilihan sendiri iaitu 50 tahun kepada 40 tahun seperti Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan semata-mata untuk membolehkan pegawai-pegawai bumiputra bersara dari perkhidmatan Kerajaan bagi tujuan menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Perkhidmatan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan terlatih adalah juga amat diperlukan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang memerlukan perkhidmatan awam yang berkesan.

Ahli Yang Berhormat itu tentu sedar bahawa baru-baru ini dalam sidang Parlimen yang lepas Kerajaan telah memutuskan untuk menarik balik pengecualian cukai pendapatan ke atas pencen dan ganjaran pegawai-pegawai yang bersara sebelum mencapai umur bersara wajib. Keputusan ini telah dibuat untuk tidak menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan bersara lebih awal daripada umur 55 tahun.

Kerajaan adalah yakin bahawa matlamat 30% penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan akan dicapai tanpa menarik keluar pegawai-pegawai bumiputra yang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, bahkan khidmat mereka sangat-sangat dikehendaki dalam jentera Kerajaan untuk mencapai hasrat Kerajaan dari segi penglibatan bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Walau bagaimanapun saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu jika dari segi kepentingan negara seseorang bumiputra dianggap perlu berkhidmat dalam sektor swasta, Kerajaan boleh menyarakan pegawai berkenaan pada bila-bila masa pun setelah beliau dimasukkan ke dalam jawatan berpencen dan syarat ini ada diperbekalkan dalam Akta Pencen yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam sidang yang lepas.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pencen sukarela sebagaimana yang saya sebutkan tadi, tetapi tidakkah ini akan merugikan pihak Kerajaan dari segi kurangnya kecekapan guru-guru ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang berminat dan telah menjalankan perniagaan tetapi masih dibiarkan mereka itu berkhidmat dengan Kerajaan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan awal-awal tadi perkhidmatan mereka ini masih diperlukan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sekiranya terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak menjalankan tugasnya dengan betul kerana ada gangguan tertentu maka Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu untuk mengelakkan perkara itu berlaku.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan ada jalan-jalan lain untuk mencapai 30% bumiputra menyertai sektor perniagaan. Saya ingin bertanya kepada beliau apakah tindakan yang akan dibuat untuk melipatgandakan pengeluaran golongan semi professional dan technician yang bukan professional selengkapnya kerana kekecilan bilangan professional itu telah menjadikan mereka merupakan golongan professional salaried group, tetapi kalau bilangan jumlah itu banyak mereka akan merupakan golongan yang entrepreneurship dan boleh melipatgandakan kekuatan untuk mencapai 30% target kita tanpa meminda usia bersara pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sudah keluar daripada soalan asal.

IKAN AIR TAWAR/LAUT

10. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan-kemajuan yang didapati sehingga ini dalam usaha memelihara ikan air tawar dan memelihara ikan laut dalam sangkar dan apakah langkah yang akan diambil bagi menjamin harga pasarannya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, ternakan ikan air tawar dan ternakan dalam sangkar telah mendapat sanjungan baik daripada petani-petani. Bilangan kolam-kolam ikan yang dibina telah meningkat dua kali ganda dari 6,754 dalam tahun 1970 meningkat menjadi 12,078 dalam tahun 1979. Jumlah luas kawasan kolam juga telah meningkat dari 6,335 ekar pada 1970 menjadi 12,150 ekar pada tahun 1979.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$120,000 telah diperuntukkan untuk subsidi rancangan ini. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga pula peruntukan ini telah bertambah menjadi \$2.7 juta. Selepas kajian Semula Separuh Penggal Ketiga peruntukan ini telah bertambah lagi \$6.4 juta.

Adalah dianggarkan seorang petani yang menguruskan ternakan ikan air tawar akan mendapat pendapatan bersih lebih kurang \$1,840 setahun dari seekor kolam ikan. Bagi petani-petani yang menguruskan ternakan ikan dalam sangkar pendapatan bersih

mereka dari satu unit sangkar dianggarkan kira-kira \$3,000 setahun. Pihak Majuikan juga sedang berusaha untuk menjayakan projek ini di Semenanjung Malaysia. Memandangkan kepada sambutan dan kejayaan yang telah dicapai sektor perusahaan ini akan lebih dipergiatkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Untuk memastikan harga yang baik, simpanan benih ikan dan pengeluaran dilakukan secara berperingkat supaya ikan akan dapat dibekalkan sepanjang tahun dan tidak membanjiri pasaran pada satu masa. Selain daripada itu, Majuikan akan juga mewujudkan satu sistem pemasaran ikan hidup untuk mendapat harga ikan yang baik untuk ikan-ikan yang diternak.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian beliau ada bercadang untuk menjalankan satu rancangan ternakan ikan air tawar di kawasan ampangan Temenggor.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya minta notis.

FILEM-FILEM ASING

11. Tuan Alias bin Mohd. Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) jumlah filem-filem asing yang diimport ke negeri ini bagi tuntutan awam dalam masa setahun sejak lima tahun yang lalu dan jumlah filem-filem tempatan yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama;
- (ii) sama ada Kementerian puashati dengan "ratio" antara filem asing dan filem tempatan yang ditunjukkan di panggung-panggung wayang di negeri ini. Kiranya tidak apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (i), saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah filem asing yang diimport ke negara ini bagi tuntutan awam dalam tempoh 5 tahun yang lalu, iaitu dari tahun 1975 hingga 1979

ialah sebanyak 3,895 berbanding dengan 27 filem-filem tempatan yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama. Butir-butir adalah seperti berikut:

Tahun	Filem Asing	Filem Tempatan
1975	905	27
1976	680	27
1977	713	27
1978	689	27
1979	908	27

Bagi menjawab soalan (ii), daripada data-data yang saya kemukakan tadi jelaslah menunjukkan bahawa "ratio" di antara filem asing dan filem tempatan yang ditunjukkan di panggung-panggung wayang negara ini tidaklah memuaskan. Perlu kita memahami bahawa masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk dan mempunyai berbagai sikap kesukaan terhadap hiburan berbentuk filem. Ada yang menyukai, mengikut selera masing-masing, filem-filem Inggeris dan ada pula yang menyukai filem-filem asing yang lain seperti Cina dan Hindustan. Oleh kerana pelbagai keseleraan ini terdapatlah sambutan yang tinggi kepada filem-filem asing di negara ini. Namun demikian Kerajaan memandang berat terhadap perusahaan perfileman tempatan di negara ini dan telahpun mengambil langkah-langkah untuk memajukannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan telah menggalakkan Badan-badan Kerajaan seperti UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mendirikan panggung-panggung wayang sama ada secara bersendirian ataupun dengan usahasama dengan Bumiputra dan lain-lain pihak. UDA umpamanya sedang mengadakan rancangan memperbanyakkan pawagam-pawagam di negara ini. Setakat hari ini, satu pawagam di Taman Tun Dr. Ismail telahpun siap. Sejumlah lima pawagam sedang dalam proses pembinaan, iaitu 2 di Telok Wanjah, Alor Setar; 1 di Kuala Kedah; 1 di Rompin dan lagi 1 di Maran, Pahang. UDA juga sedang merancang membina pawagam-pawagam di Subang Jaya dan Bandar Baru Kuala Kangsar, Perak. Dengan adanya panggung-panggung wayang ini nanti, mendapatkan panggung-panggung wayang pengeluar-pengeluar atau pengedar filem-filem tempatan akan dapat mengatasi masalah mendapatkan untuk menayangkan filem-filem mereka.

Dalam lapangan pengeluaran filem pula Kerajaan sedia menimbangkan galakan-galakan tertentu bagi membantu syarikat-syarikat bumiputra. Setakat ini Kerajaan telahpun memberi kelulusan dengan galakan Taraf Perintis atau Kredit Cukai Pelaburan kepada tujuh buah syarikat bumiputra dan bersedia menimbangkan pengecualian cukai Kastam terhadap alat-alat atau perkakas yang diimpot oleh pengeluar-pengeluar filem bagi kegunaan pengeluaran filem.

Selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, Kerajaan sedang menyediakan satu Rang Undang-undang untuk menubuhkan Perbadanan Filem National dengan tujuan di antara lain untuk mempergiatkan lagi perusahaan filem tempatan.

BIRO SIASATAN NEGARA

12. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Biro Siasatan Negara (BSN) menghadapi kekurangan pekerja-pekerja dan penyiasatan dan aduan mengenai korupsi, perbuatan jahat dan salah dan lain-lain tidak dapat dijalankan dengan puashati atau menyelesaikan. Jika sedar, sama ada beliau ingin menambahkan bilangan pegawai-pegawai di Biro Siasatan Negara.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Menteri Undang-undang dan Peguam Negara memang sedar yang Biro Siasatan Negara masih lagi kekurangan pegawai-pegawai penyiasat dan tindakan sedang diambil untuk mengisi jawatan-jawatan yang masih kosong itu dan juga untuk menambah lagi bilangan pegawai-pegawai yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

(Soalan No. 13 Y. B. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ampong Puyon.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sekarang ialah atas nama Yang Berhormat dari Parit.

PENGINTIP NEGARA ASING DI SABAH

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pengintip negara asing bekerja sebagai pekerja kontrak di projek lebuhraya di Sabah, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka dan jika tidak, adakah Kerajaan akan menjalankan penyiasatan rapi mengenai perkara tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, sehingga pada hari ini tidak ada bukti apa-apapun yang menunjukkan bahawa adanya pengintip-pengintip daripada negara asing yang bekerja sebagai pekerja di projek lebuhraya di Sabah, sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit (*Ketawa*).

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan yang seperti itu bukan sahaja di Sabah, di Parit pun (*Ketawa*) ataupun di mana-mana dan kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sekiranya berjumpa dengan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chieng Tiong Kai.

Tuan Richard Damping anak Laki: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 16.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Yang Berhormat dari Serian.

SUNGAI SARAWAK—HAKISAN

16. Tuan Richard Damping anak Laki (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tebing-tebing Sungai Sarawak berhampiran dengan bandar-bandar terutama Sarikei dan Binatang telah dihakis, dan jika ya, apakah langkah yang diambil oleh J.K.R. untuk mengelakkan hakisan ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansu!): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa tebing-tebing sungai Sarawak berhampiran dengan bandar-bandar, terutama Sarikei dan Binatang telah dihakis. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak J.K.R. Sarawak telah menjalankan langkah perlindungan tebing sungai (river protection works) untuk mengelakkan hakisan tersebut melalui berbagai cara terutama dengan mengguna steel sheet piles. Selain daripada itu kerjasama dari pihak Marine Department Sarawak dalam menghadkan kuasa enjin terhadap boat express bagi mengurangkan lajunya juga merupakan langkah mengurangkan hakisan di tebing sungai tersebut.

PESAKIT-PESAKIT JANTUNG

17. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar tentang bertambahnya bilangan pesakit-pesakit jantung di Malaysia sekarang khususnya di kalangan kanak-kanak dan jika sedar sama ada Kementerian ini mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah hospital khas untuk rawatan penyakit jantung di negara ini supaya pesakit-pesakit jantung tidak payah lagi dihantar ke Manila untuk mendapat rawatan dan jika ya, bilakah rancangan ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar tentang bertambahnya bilangan pesakit-pesakit jantung di Malaysia sekarang khususnya di kalangan kanak-kanak akan tetapi ianya tidak bermakna bahawa masalah ini telah bertambah rumit malahan ianya membuktikan bahawa perkhidmatan perubatan dan kesihatan telah maju kerana dapat mengesan lebih banyak lagi kes-kes penyakit jantung seawal-awalnya.

Pada masa ini kemudahan rawatan pembedahan untuk kes-kes yang memerlukan pembedahan ada di Universiti Hospital. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu bahawa Kementerian ini akan mendapatkan persetujuan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah lagi Pusat Cardio-Thoracic di negara kita ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menyedari hakikat yang ramai di antara kanak-kanak kita terlibat di dalam penyakit jantung ini atau jantung berlubang, banyak di antaranya tidak berkemampuan untuk menghantar ke luar negeri untuk dirawat. Tidakkah perkara ini menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan sendiri mengaturkan urusan untuk pesakit-pesakit jantung ini dihantar ke luar negeri, tidak payahlah macam sekarang menunggu bantuan daripada orang ramai dan sebagainya. Tidakkah boleh ini menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan sendiri mengaturkan urusan-urusan ini sebagai perbelanjaan daripada pihak Kerajaan sendiri.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian Kesihatan tidak ada peruntukan untuk menghantarkan pesakit-pesakit ini di seberang laut. Walau bagaimanapun, pakar-pakar kita memberi nasihat (konsultasi) yang percuma kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13, 14, 18 hingga 44 adalah diberi di bawah ini)

AHLI FREEMASON

13. Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan ahli Freemason dalam tahun 1978 dan 1979 dan di antara mereka berapakah bilangan orang-orang asing, berapakah orang Islam yang terlibat dengan badan Freemason ini; adakah Menteri-menteri kita yang terlibat dan berapa orang yang sudah bertaubat sebagai menuruti nasihat Y. A. B. Perdana Menteri.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jumlah ahli Freemason bagi tahun 1978 ialah seramai 1,771 orang. Dari jumlah tersebut 809 orang darinya ialah orang-orang asing, 928 orang rakyat tempatan dan 136 orang Islam. Bagi tahun 1979 pula jumlah ahli-ahli Freemasons ialah 1937 orang. Dari angka tersebut jumlah orang asing ialah 930 orang, orang-orang tempatan 936 dan orang-orang Islam pula seramai 71 orang.

Pada masa ini hanyalah terdapat seorang sahaja Menteri yang masih menjadi ahli Freemason dan sehingga 1-1-79 seramai 65 orang ahli-ahli Freemason yang beragama Islam telah mengundurkan diri tetapi tidaklah diketahui sama ada mereka telah bertaubat atau tidak kerana soal bertaubat adalah urusan peribadi antara orang yang berkenaan dengan Tuhan.

TANAH SAWAH TERBIAR

14. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar keabaian (keengganan) J.P.T. mengambil tindakan segera terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum tani adalah di antara beberapa sebab penanam padi meninggalkan dan tidak menanam padi di beberapa kawasan di Seberang Prai seperti kawasan Penaga/Bakau Tua seluas lebih 500 ekar dan MK 4 dan 5 di Seberang Prai Tengah seluas lebih 1,000 ekar dan akhirnya oleh serangan tikus tanah sawah yang tidak diusahakan sekarang meningkat lebih 4,000 ekar.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Kementerian memang sedar bahawa ada beberapa kawasan sawah di Seberang Prai telah tidak diusahakan. Ini bukan disebabkan keengganan J.P.T. Pulau Pinang untuk mengambil tindakan segera. Pihak J.P.T. sentiasa berusaha untuk mengatasi sebarang kesulitan. Tanah sawah yang terbiar di Seberang Prai adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah faktor-faktor sosial. Kementerian Pertanian telahpun mengkaji masalah ini dan akan melaksanakan beberapa projek jangka pendek. Di antaranya ialah rancangan saluran Sungai Tembus, pembinaan parit-parit tambahan di Seberang Prai Tengah, dan pembinaan empang lebar di Sungai Perai.

Di bawah rancangan Pembangunan Pertanian Yang disatukan Seberang Prai/Balik Pulau kebanyakan kawasan-kawasan taliair dan saluran akan dibaiki lagi dengan kemudahan-kemudahan yang lebih moden. Adalah diharapkan rancangan ini akan berjaya meninggikan pendapatan kaum petani dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sekarang ini.

PENGANGKUTAN AWAM DI JOHOR BAHRU

18. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar atau tidak bahawa Pengangkutan Awam di Johor Bharu tidak memuaskan dan jika sedar apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Soalan ini terlalu umum kerana tidak dapat dipastikan dari segi apakah yang dikatakan pengangkutan awam di Johor Bahru tidak memuaskan. Jika dari segi bilangan kenderaan untuk orang awam saya fikir adalah memadai. Sekarang ini ada tiga kompeni bas dengan jumlah 148 buah bas yang memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan pekan Johor Bahru. Ini tidak termasuk 255 buah kereta sewa dan 335 buah kereta teksi yang berpangkalan di Pekan Johor Bahru.

KES DI MAHKAMAH PERUSAHAAN

19. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan kes perusahaan yang dibicarakan oleh Presiden Mahkamah Perusahaan Encik Mathew Abraham, dalam (i) Disember, 1979 (ii) Januari 1980, (iii) Februari, 1980 dan (iv) Mac, 1980, dengan memberi bilangan hari pembicaraan dijalankan dalam setiap bulan yang tersebut di atas oleh Encik Mathew Abraham.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Di sepanjang tempoh mulai daripada 1hb Disember 1979 hingga 15hb Mac 1980, Yang di Pertua, Mahkamah Perusahaan, Encik Mathew Abraham telah membicarakan 8 kes dalam 11 hari. Di sepanjang tempoh yang sama juga, beliau telah mengumumkan keputusan-keputusan di dalam 12 kes.

Berikut ini adalah pecahan angka-angka dengan bulanan tersebut:

PERBICARAAN

Bulan	Bil. Hari Perbicaraan	Bil. kes-kes yang dikendalikasikan
Disember 1979	3 hari	2 kes
Januari 1980	2 hari	1 kes
Februari 1980	4 hari	4 kes
Mac 1980 (sehingga 15-3-1980) ..	2 hari	1 kes
Jumlah ..	11 hari	8 kes

MAJLIS SYURA DAKWAH MALAYSIA

20. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan bilangan anggota yang menduduki 'Majlis Syura', dan nyatakan juga format kegiatannya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Majlis Syura Dakwah Malaysia dianggotai oleh seramai 15 orang ahli yang mewakili pegawai-pegawai Pertubuhan Dakwah peringkat kebangsaan dan institusi-institusi Islam di Malaysia. Format kegiatan Majlis Syura ini akan diumumkan oleh pengerusinya tidak beberapa lama lagi.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

21. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Kementerian akan membuat satu kajian yang menyeluruh ke atas tanah-tanah yang tidak dimajukan kepunyaan badan-badan berkanun dengan tujuan mengadakan satu projek perumahan harga murah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Sungguhpun hasrat Kerajaan ialah untuk membina lebih banyak rumah awam kos rendah yang memerlukan lebih banyak tapak-tapak yang sedia ada, Kementerian saya tidak bercadang menjalankan kajian menyeluruh ke atas tanah-tanah kepunyaan badan-badan berkanun yang tidak dimajukan, untuk tujuan projek perumahan harga murah oleh kerana ini adalah di luar bidang tugas Kementerian saya. Lagipun besar kemungkinannya tanah-tanah tersebut adalah untuk kegunaan tertentu yang sedang dirancangkan. Hanya tanah-tanah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk projek

perumahan awam kos rendah sahaja akan dikaji oleh Kementerian saya untuk menentukan samada tapak tersebut adalah sesuai untuk rancangan tersebut.

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT— PROJEK PEMBANGUNAN

22. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah rancangan-rancangan besar akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat, apakah projek-projek pembangunan sosio-ekonomi akan diadakan untuk mengikis masalah kemunduran dan kemiskinan di negara kita, khasnya masyarakat luar bandar, dan apakah tindakan telah diambil oleh beliau untuk memperseimbangkan kadar pendapatan yang jauh berbeza di antara golongan atasan dan golongan bawahan terutamanya dalam masyarakat Melayu, berapakah persen kemiskinan akan diturunkan dalam tempoh Rancangan tersebut.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Berhubung dengan bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu awal bagi Kerajaan untuk menyatakannya kerana agensi-agensi pusat yang bertanggungjawab buat masa ini sedang menjalankan pemeriksaan dan penilaian yang teliti ke atas tiap-tiap cadangan projek bagi mengetahui kesan tiap-tiap projek yang dicadangkan ke atas golongan berpendapatan rendah. Walaupun demikian, dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan akan melanjutkan dan memesatkan lagi usaha-usaha dalam bidang menyusun semula masyarakat dan membasmikan kemiskinan serta memperbaiki mutu hidup rakyat jelata. Di samping itu pelaksanaan program-program sosio-ekonomi yang baru untuk golongan miskin di bandar dan di luar bandar akan merupakan dasar Kerajaan yang penting dan utama dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai bahagian kedua dan ketiga soalan Ahli Yang Berhormat itu sistem ekonomi negara kita menggalakkan setiap individu untuk mengambil kesempatan meniggikan taraf hidupnya selagi usaha itu tidak bertentangan dengan undang-undang dan dasar Kerajaan. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang menyekat kenaikan pendapatan golongan atasan. Sebaliknya, atas kesedaran bahawa pembahagian pendapatan yang seimbang adalah satu faktor yang penting bagi pembangunan dan kestabilan

negara, Kerajaan akan terus membantu golongan yang tidak berada supaya dapat menikmati bersama pembangunan ekonomi negara. Langkah-langkah positif telah dan akan terus dijalankan bagi meningkatkan daya pengeluaran serta pendapatan golongan tersebut di samping disediakan berbagai-bagai kemudahan sosial seperti persekolahan, kesihatan, bekalan air dan elektrik. Selain daripada itu program-program utama di dalam Rancangan Malaysia Keempat akan dikaji dan dinilai bertujuan untuk menambah peluang-peluang yang lebih kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Bagi menjawab bahagian keempat soalan tersebut, Kerajaan adalah berkeyakinan bahawa kadar kemiskinan menjelang penghujung Rancangan Malaysia Ketiga akan berkurangan kepada 32% berbanding dengan kadar tersebut iaitu 36.7% dalam tahun 1978. Pada masa ini langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentu dan memastikan matlamat (target) dalam mengurangkan kadar kemiskinan bagi Rancangan Malaysia Keempat. Walau bagaimanapun, Kerajaan percaya menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelima kadar kemiskinan di negara ini akan dapat dikurangkan kepada 17% berdasarkan kepada prestasi yang ditunjukkan di dalam program pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

LEBUHRAYA TIMUR-BARAT— KELAMBATAN

23. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah Lebuhraya Timur-Barat menghubungkan Perak dengan Kelantan akan siap. Kenapakah projek Lebuhraya tersebut memakan masa yang lama untuk menyiapkannya.

Dato S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jawapan pada soalan seperti ini telahpun saya berikan di Dewan yang mulia ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pada 24-3-1980.

PENERBANGAN ANTARABANGSA DI PULAU PINANG

24. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan purata penerbangan dalam dan luar negeri setiap

hari yang mendarat di Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan lebih banyak penerbangan antarabangsa singgah di sana.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Secara purata jumlah penerbangan yang mendarat setiap hari di Lapanganterbang Pulau Pinang ialah :

Penerbangan dalam negeri ...	8 penerbangan sehari
Penerbangan antarabangsa ...	10 penerbangan sehari

Selain dari MAS terdapat 4 buah syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang menjalankan perkhidmatan ke Pulau Pinang iaitu, Cathay Pacific Airways, Thai International, Thai Airways dan Merpati Nusantara.

Kementerian saya sentiasa mengawasi perkembangan Lapanganterbang Pulau Pinang. Bagi menggalakkan lagi aktiviti-aktiviti penerbangan antarabangsa, Kementerian saya bersedia menimbangkan permohonan-permohonan dari syarikat-syarikat penerbangan untuk mengadakan perkhidmatan ke Pulau Pinang. Mengenai terafik-terafik pelancungan pula, Kementerian saya sedia memberi peluang kepada pengendali-pengendali penerbangan charter menggunakan Lapanganterbang Pulau Pinang. Dalam hal ini Kementerian saya berusaha rapat dengan pihak Pelancungan Malaysia bagi menarik dan menghebahkan galakan ini di luar negeri.

KUASA PENDAFTAR KESATUAN SEKERJA

25. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja adalah arbitrary dan absolute yang melemahkan asas Kebebasan untuk Bersekutu yang dinikmati di lain-lain negara; apakah beliau akan menimbang untuk menarik balik kuasa-kuasa seumpama itu seperti kuasa untuk menolak pendaftaran sebuah Kesatuan Sekerja supaya membolehkan Kesatuan Sekerja menjalankan fungsi-fungsinya tanpa sebarang gangguan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat itu mempunyai banyak perkara yang akan diperkatakannya

mengenai perkara ini semasa perbincangan Rang Undang-undang Pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja pada petang ini. Oleh kerana satu kenyataan penuh mengenai perkara ini akan dibuat oleh Y.B. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, saya tidak berhasrat untuk menyentuh perkara ini di peringkat ini.

Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan bahawa kuasa pendaftar dalam undang-undang ini tidaklah muktamad. Keputusan-keputusan pendaftar tersebut boleh dirayu di bawah Undang-undang kepada Y.B. Menteri.

HARGA SIMEN/BESI KELULI

26. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menguasai harga simen dan juga lain-lain barang perumahan supaya dapat menguasai harga penjualan rumah-rumah.

Dato Lew Sip Hon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang bahan-bahan binaan utama seperti simen dan batang-batang besi keluli adalah tertakluk kepada kawalan harga. Pengilang-pengilang simen dan batang-batang besi keluli tidak dibenarkan menaikkan harga barang-barang keluarannya tanpa kelulusan Kementerian saya. Kebenaran kenaikan harga hanya akan diberi kepada pengilang sekiranya terdapat sebab-sebab yang berpatutan seperti kenaikan kos pengeluaran atau bahan-bahan mentah. Kenaikan-kenaikan yang diluluskan adalah seminima yang mungkin untuk membolehkan syarikat-syarikat menampung kenaikan kos yang tidak dapat dielakkan atau diserapkan oleh mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, penguasaan harga bahan-bahan binaan tidaklah dapat mengawal harga rumah pada keseluruhannya kerana tidak semua impot dapat ditentukan harganya. Tanah umpamanya mempunyai harga yang berbeza-beza mengikut tempat dan luas tanah, dan begitu juga harga upahan.

MAS—PEMBUANGAN KERJA

27. Tuan V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar perkhidmatan seramai 31 orang telah dihenti-

kan akibat pertikaian di antara Sistem Penerbangan Malaysia dan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Penerbangan Malaysia dalam tahun 1979; adalah nyata dari "facts" bahawa pekerja-pekerja berkenaan telah menjadi mangsa kerana penglibatan mereka dalam pertikaian tersebut, dan apakah pihak pertikaian tersebut, dan apakah pihak penguasaan MAS akan mengambil balik pekerja-pekerja tersebut seperti dijanjikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Setiausaha Agung Gabungan Pekerja-pekerja Pengangkutan Antarabangsa (International Transport Workers Federation), Encik Harold Lewis, di London pada tahun 1979.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Perkara pembuangan kerja adalah perkara menyentuh hubungan di antara MAS dengan kakitangannya dan undang-undang yang berkaitan. Mereka itu dibuang kerja mengikut peraturan Syarikat itu dan juga undang-undang tersebut; dan Kerajaan tidak ada hak mencampur tangan dalam hal itu. Jika mereka itu tidak puas hati dengan keputusan Syarikat, mereka berhak mengambil tindakan undang-undang mengikut aturan yang ditetapkan.

PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA DALAM PRA-SAINS DI UNIVERSITI

28. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang membuka peluang kepada pelajar-pelajar bukan Bumiputra untuk memasuki Kursus Pra Universiti dalam Universiti-universiti yang sedia ada di negara kita.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kerajaan telahpun membuka peluang kepada pelajar-pelajar bukan Bumiputra untuk mengikuti kursus Pra-Sains di Universiti-universiti tempatan, tetapi bilangannya adalah terhad. Ini dilakukan sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan menyusun semula masyarakat dan merapatkan jurang antara kaum di negara ini.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—JUMLAH TANGKAPAN

29. Tuan Haji Ibrahim Muhammad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa orangkah yang telah ditangkap di bawah undang-undang keselamatan negeri

tahun lalu dan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh Pasukan Keselamatan kita di dalam membentasi anasir-anasir komunis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dalam tahun 1979, seramai 532 orang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Dari jumlah ini seramai 418 orang ditangkap kerana kegiatan subversif komunis yang mengancam keselamatan negara.

Sepanjang tahun 1979, Pasukan Keselamatan telah berjaya membunuh seramai 29 orang pengganas komunis dan berjaya merampas barang-barang berikut:

- (i) 32 pucuk senjata api
- (ii) 7,313 butir peluru
- (iii) 50 biji bom tangan

Seramai 9 orang pengganas telah menyerah diri.

Pihak Polis juga telah berjaya merampas barang-barang berikut dari anasir-anasir komunis:

- (a) 4 pucuk pistol
- (b) 8 alat jerangkap samar
- (c) 228 butir peluru
- (d) 45 detonator
- (e) 3 walkie-talkie
- (f) 2 mesin taip China
- (g) 2 motosikal
- (h) 2 motokar
- (i) 1 van

PENYELUDUPAN DADAH DAN BIJIH TIMAH

30. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penyeludupan dadah dan bijih timah masuk ke negara kita masih meningkat naik jika dibandingkan pada masa yang lampau dan jika ya, sama ada Kerajaan akan menguatkan pasukan Kastam, Polis, Imigeresen, Unit Pencegah Penyeludupan kerana pagar duri di sempadan tidak begitu berkesan sekali ke atas kegiatan mereka yang menjadi pengkhianat kepada negara; dan sejauh mana pula

peranan dan kesannya PEMADAM main bagi mengurangkan penyalahgunaan dadah dalam negara kita selama ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shaffe: Pada masa ini penyeludupan dadah telah dapat dibendung walaupun ianya tidak dapat disekat sama sekali. Bagaimanapun Kerajaan terus gigih berusaha mencegah penyeludupan dadah ini dengan berbagai-bagai cara. Satu daripadanya ialah mengukuhkan Pagar Keselamatan Sempadan di Kedah dan Perlis yang sejak dibina telah menunjukkan penyeludupan dapat dikurangkan bila ditinjau hasil cukai yang bertambah. Anggota-anggota Kastam, Polis Imigeresen dan LPN di dalam Unit Pencegah Penyeludupan juga ditambah dari 800 anggota dalam tahun 1978 kepada 1,081 anggota dalam tahun 1980 ini. Keputusan juga telah dibuat untuk menubuhkan Cawangan Anti Narkotik di bawah Jabatan Polis dan sebanyak 2,038 jawatan telah diluluskan. Jabatan Kastam pula akan menambah bilangan anjing-anjing pengesanan dan bot-bot ronda.

Penyeludupan bijih timah masuk ke negara ini tidaklah besar dan kemasukan bijih timah tidaklah memudaratkan negara. Yang membimbangkan kerana merugikan negara ialah penyeludupan bijih timah ke luar negara.

Pada keseluruhannya Kerajaan berpuashati setakat ini dengan langkah-langkah anti penyeludupan yang sedang dijalankan itu.

Berkaitan dengan PEMADAM pula peranan dan kesan PEMADAM bagi mengurangkan penyalahgunaan dadah adalah menggalakkan. PEMADAM berjaya menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelarasan PEMADAM di semua negeri di Malaysia dan juga terdapat 71 buah cawangan PEMADAM di peringkat daerah dengan mempunyai lebih 10,000 ahli. PEMADAM juga berjaya membuka 3 buah pusat harian dan sebuah rumah perantaraan (half-way house) di Wilayah Persekutuan dan Selangor untuk memberi khidmat kepada bekas penagih-penagih dadah. PEMADAM juga menumpukan perhatian dan tenaga di bidang pencegahan awal untuk menentukan belia-belia yang tidak terlibat akan terus membenci dadah. Usaha ini dibuat melalui kempen-kempen poster, seminar, ceramah, kursus dan dailog.

DOKTOR-DOKTOR HAIWAN DI PULAU PINANG LETAK JAWATAN

31. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar yang Pemangku Pengarah Haiwan di Pulau Pinang hanya mempunyai Diploma sahaja dan nyatakan bilangan dan sebab-sebab doktor-doktor haiwan di Pulau Pinang telah meletakkan jawatan mereka di bawah Pemangku Pengarah itu.

Dato' Shariff Ahmad: Saya sedar bahawa pemangku Pengarah Haiwan di Pulau Pinang hanya mempunyai Diploma sahaja. Diploma beliau adalah diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan dan beliau juga adalah didapati layak memangku jawatan tersebut.

Semasa tempoh pemangkuan beliau semenjak 1972, hanya seorang sahaja Penolong Pegawai Haiwan yang meletakkan jawatannya. Tidakkah menjadi satu perkara luar biasa bagi pegawai-pegawai Kerajaan meletakkan jawatan kerana pelbagai sebab.

PELABUR KECIL DALAM PASARAN SAHAM

32. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kewangan menyatakan adakah langkah-langkah telahpun diambil bagi mengadakan peraturan-peraturan dan perintah-perintah untuk mengawasi Pasar Saham supaya dapat diperlindungi kepentingan pelabur-pelabur yang kecil daripada cengkaman mereka yang memanipulasi cara besar-besaran dan Pasar Saham tiada dijadikan suatu "KASINO YANG BESAR".

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Memang Kerajaan akan melindungi kepentingan pemodal-pemodal yang melabur di dalam Pasaran Saham. Jual-beli di dalam Pasaran Saham adalah dikawal dan tertakluk di bawah Akta Perusahaan Sekuriti 1973. Adalah juga disedari tentang pentingnya dilindungi kepentingan pembeli-pembeli saham supaya mereka ini tidak akan dipermainkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dalam Pasaran Saham.

Akta Perusahaan Sekuriti, 1973 telah dikuatkuasakan pada 27hb Disember 1976 untuk mengawal perusahaan sekuriti supaya peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur mendapat perlindungan dan boleh menjalankan

perusahaan sekuriti dalam suasana yang baik. Pelaksanaan Akta ini diawasi oleh Pendaftar Syarikat yang mana beliau boleh berhubung dengan Jawatankuasa Pengeluaran Modal (Jawatankuasa CIC) untuk mendapat nasihat dan sebagainya demi untuk kepentingan perusahaan sekuriti. Jawatankuasa CIC ini terdiri daripada pakar-pakar yang bersidang dari semasa ke semasa. Pengerusi CIC ialah Gabenor Bank Negara. Oleh kerana perusahaan sekuriti ini disifatkan sebagai suatu institusi kewangan, maka Menteri Kewangan bertanggungjawab atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akta ini.

Pentadbiran harian Perusahaan Sekuriti di Malaysia dikelolakan pula oleh satu badan yang dinamakan Badan Pertukaran Saham Kuala Lumpur (KLSE) yang telah ditubuhkan pada 14hb Disember, 1976 sebagai satu syarikat berhad mengikut jaminan (a company limited by guarantee) di bawah Akta Syarikat, 1965. Mengikut perlembagaannya semua urusan KLSE akan diselenggarakan oleh satu jawatankuasa yang dilantik daripada ahli-ahlinya dan jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menguatkuasakan semua peraturan-peraturan KLSE. Pada masa ini KLSE ada mempunyai 90 orang ahli. Meskipun pengurusan perusahaan sekuriti pada tiap-tiap hari dikelolakan oleh KLSE, pengawasan perusahaan ini pada keseluruhannya dijalankan oleh Pendaftar Syarikat mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta ini.

Langkah-langkah telah pun dijalankan untuk meminda Akta Perusahaan Sekuriti, 1973 demi untuk melicinkan pentadbiran dan pengawasan perdagangan saham tempatan.

Pindahan-pindahan perlu dibuat bagi melindungi kepentingan peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur dan juga memberi peruntukan baru kepada Pendaftar Syarikat untuk mentadbir Akta tersebut dengan lebih berkesan.

BANK RAKYAT—UMNO SELANGOR MEMULANGKAN \$82,500

33. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada pihak penguurusan baru Bank Rakyat telah mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan balik \$82,500 yang telah dibayar dengan tidak menasabah kepada UMNO Selangor

sebagai faedah tambahan 1/2 peratus atas simpanan tetap berjumlah \$26.5 juta yang disimpan di Cawangan Bank Rakyat Kuala Lumpur oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 1974.

Dato' Shariff Ahmad: Tindakan undang-undang tidak perlu diambil oleh kerana UMNO Selangor telahpun memulangkan wang sebanyak \$82,500.

PINJAMAN KERETA/PERUMAHAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

34. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pinjaman Motor-car dan Perumahan kepada Pegawai-pegawai (kakitangan) Kerajaan tidak mencukupi seperti mana yang diterima sekarang. Adakah beliau bercadang hendak menaikkan pinjaman-pinjaman tersebut pada masa yang akan datang. Jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Suka-cita memberitahu bahawa mengenai pinjaman kereta, dasar Kerajaan ialah semata-mata untuk menampung kemampuan pegawai-pegawai Kerajaan membeli kereta dan tidaklah dihajati memberikan pinjaman bagi membiayai sepenuhnya harga kereta yang hendak dibeli itu.

Berkaitan pinjaman perumahan bagi pegawai Kerajaan, kuantum pinjaman adalah berdasarkan kepada peratus potongan gaji yang berpatutan di kenakan ke atas pegawai-pegawai Kerajaan. Sekiranya diberi pinjaman yang terlampau banyak, maka pegawai Kerajaan akan mengalami kesusahan untuk membayar balik.

Namun pun begitu Kerajaan sentiasa mengkaji pinjaman ini supaya kemudahan-kemudahan ini dapat dinikmati dan betul-betul berfaedah kepada pegawai Kerajaan.

KES ANAK LELAKI MENTERI PERUSAHAAN AWAM—HASIL SIASATAN

35. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar pada hujung tahun lalu anak lelaki

Menteri Perusahaan Awam, Datuk Abdul Manan bin Othman telah bermain di kawasan rumahnya dengan sepucuk revolver yang mengeluarkan peluru yang membunuh anak lelaki jirannya berumur 11 tahun, jika ya, nyatakan hasil siasatan polis terhadap kejadian tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Penyiasatan pihak polis telahpun selesai dan Kertas Siasatan telahpun dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara.

WANG TAK DITUNTUT

36. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlah kutipan wang tidak dituntut dari:

- (i) Bank-bank.
- (ii) Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
- (iii) Lain-lain punca, dan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk menghubungi penyimpan-penyimpan/ penyumbang-penyumbang sebelum wang tersebut dimasukkan ke dalam kira-kira wang tidak dituntut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Jumlah Wang Tak Dituntut yang dikutip sehingga akhir bulan Februari, 1980 adalah seperti berikut:

- (i) Dari bank-bank berjumlah \$7,975,493.13.
- (ii) Dari Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah \$1,071,182.26.
- (iii) Dari lain-lain punca berjumlah \$8,830,958.73.

Pengendalian Wang Tak Dituntut adalah tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut, 1965 yang telah dikuatkuasakan pada 1hb Jun, 1975. Di bawah Akta tersebut, syarikat-syarikat, bank-bank dan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah dikehendaki menghubungi penyimpan-penyimpan/ penyumbang-penyumbang melalui surat dan setelah usaha ini tidak berhasil maka nama penyimpan/penyumbang dan jumlah wang yang tak dituntut akan disiarkan dalam Warta Kerajaan. Jika wang tersebut masih tidak dituntut dalam tempoh 12 bulan selepas ianya diwartakan jumlah wang ini akan

diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut untuk dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah. Semua Wang Tak Dituntut yang dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Amanah itu akan dipindahkan ke Akaun Hasil Kerajaan dalam masa 6 tahun dari tarikh wang itu dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Amanah. Wang Tak Dituntut yang dimasukkan sama ada ke dalam Akaun Amanah Disatukan atau Akaun Hasil Disatukan masih boleh dikeluarkan untuk pembayaran sekiranya ada tuntutan-tuntutan yang sah diterima.

DATUK HARRIS SALLEH—SIASATAN MENGENAI RASUAH

37. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada benar iaitu BSN telah diarahkan untuk memberhentikan penyiasatan terhadap dakwaan yang dibuat oleh United States Securities and Exchange Commission iaitu Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh telah menerima bayaran yang berupa "rasuah", menyalahi undang-undang, yang tidak sepatutnya dan tidak terkira berjumlah US\$900,000 dari Perbadanan Grumman kerana membeli 2 buah kapalterbang jet bagi Kerajaan Negeri Sabah dalam tahun 1971 - 1972, jika tidak, nyatakan sebab mengapa BSN mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan penyiasatan tersebut.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Adalah tidak benar yang Biro Siasatan Negara telah diarah supaya memberhentikan penyiasatan ke atas toman-toman yang dibuat oleh United States Securities and Exchange Commission yang mengatakan Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh telah menerima bayaran yang berupa "rasuah", menyalahi undang-undang, yang tidak sepatutnya dan tidak terkira berjumlah US\$900,000 dari Perbadanan Grumman untuk membeli 2 buah kapalterbang jet bagi Kerajaan Negeri Sabah dalam tahun 1971-1972. Walau bagaimanapun memang ada tuduhan yang sebegitu dibuat di Amerika Syarikat tetapi belum ada sesuatu tuduhan yang dibuat kepada Kerajaan Malaysia oleh sesiapa jua. Sungguhpun demikian Biro Siasatan Negara telah mengambil perhatian terhadap pertuduhan itu dan keterangan-keterangan selanjutnya untuk membuktikan pertuduhan itu masih lagi dalam siasatan. Oleh kerana kebanyakan dari keterangan-

keterangan yang dikehendaki itu akan didapati di luar negeri maka Biro Siasatan Negara terpaksa mengambil masa yang panjang. Bukanlah satu perkara yang mudah untuk mendapatkan saksi-saksi dari luar negeri untuk memberi keterangan dalam hal ini, lebih-lebih lagi sekiranya mereka itu dikehendaki memberi keterangan di Mahkamah pada akhirnya, oleh sebab undang-undang kita tidak berkuasa untuk memaksa saksi-saksi dari luar negeri untuk memberikan keterangan-keterangan yang kita kehendaki itu.

JALAN KEPONG—KELEWATAN PEMBESARAN

38. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan tempoh yang akan diambil untuk menjayakan projek memperluaskan Jalan Kepong, adakah beliau sedar sejak kerja memperluaskan jalan tersebut dimulakan satu tahun setengah yang lalu kemalangan jalanraya, banjir, kesesakan lalulintas dan lubang-lubang di jalan itu telah bertambah buruk. Jika ada, apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah diambil oleh Kementeriannya dalam perkara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum kerja-kerja melebarkan Jalan Kepong sedang berjalan. Jangkamasa yang ditetapkan untuk kerja-kerja ini ialah dua tahun iaitu dari 1-9-78 hingga 28-8-80. Bagaimanapun, oleh kerana beberapa masalah terutama masalah kerja-kerja tambahan dan pengalihan paip air, kebel LLN dan Telekom serta ruang-ruang "manhole" peraksanaan projek tersebut dijangka akan terlewat kira-kira enam (6) bulan dari tarikh asal. Lain-lain kerja tambahan yang terlibat termasuklah pembinaan dua pemetong dan pembinaan paip air (water supply mains) yang merentasi Pekan Kepong.

Kementerian ini memang menyedari bahawa sejak projek tersebut dimula ianya telah banyak mendatangkan kesan buruk terutamanya kemalangan jalanraya, banjir, kesesakan lalulintas serta lubang-lubang pada jalan tersebut. Menyedari hakikat inilah maka tindakan-tindakan/langkah telah, sedang dan akan diambil bagi mengurangkan kelewatan penyediaan projek tersebut, dan juga masalah kesesakan lalulintas dengan

mengadakan Polis/Warden Traffic yang disediakan oleh Dewan Bandaraya serta menimbus lubang-lubang pada jalan tersebut.

WISMA NEGERI KEDAH—KEROSAKAN AKIBAT TUNJUK PERASAAN

39. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar rusuhan kecil di Wisma Negeri di Alor Setar pada 23hb Januari, 1980 yang lalu yang menyebabkan kerosakan bangunan tersebut adalah akibat daripada provokasi polis dan anggota polis yang tidak beruniform merosakkan bangunan tersebut untuk dijadikan alasan bagi mereka bertindak menyuraikan tunjuk perasaan petani-petani dengan kekerasan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling ini adalah suatu tuduhan yang liar dan tidak berasas sama sekali. Apa yang sebenarnya berlaku di dalam tunjuk perasaan tersebut ialah perusuh-perusuh yang telah merempuh masuk ke dalam bahagian hadapan Wisma Negeri dan telah memecahkan kerusi-kerusi, meja penyambut tetamu dan tingkap cermin bangunan tersebut. Ini memaksa pihak polis mengambil tindakan menyuraikan penunjuk-penunjuk perasaan tersebut dan akhirnya Perintah Berkurung diistihbar bagi kawasan Majlis Perbandaran Kota Setar.

“BEER DAN SHANDY” DALAM SENARAI MINUMAN KERAS

40. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Ghazali minta Menteri Kewangan sama ada beliau bercadang untuk memasukkan penjualan beer dan shandy ke dalam senarai minuman yang dijual mengikut Akta Minuman Keras, Seperti Brandy, Whisky dan sebagainya.

Tengku Tan Sri Razalegih Hamzah: Pada masa sekarang penjualan bir dalam keadaan seperti berikut adalah tertakluk kepada pelesenan di bawah Peraturan-peraturan Eksais (Penjualan Liquor yang memabukkan) 1977:

- (i) Penjualan bir secara borong;
- (ii) Penjualan bir secara runcit;
- (iii) Penjualan ‘draft beer’ bir dalam botol dan bir dalam tin yang dihidangkan di dalam gelas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Shandy tidak diperjeniskan di bawah tafsiran ‘liquor yang memabukkan’ oleh kerana kandungan alkoholnya kurang dari 2%, dan oleh itu penjualannya tidak perlu dilesenkan.

Berkenaan dengan penjualan bir di dalam botol dan bir bertin yang belum dibuka di kedai-kedai kopi, Kerajaan tidak ada cadangan melesenkan penjualannya.

ANUGERAH SASTERA

41. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Pelajaran menerangkan setakat mana usaha mengadakan anugerah sastera telah dijalankan dan bilakah anugerah tersebut akan dimulakan.

Dato’ Musa bin Hitam: Sebenarnya Anugerah Sastera telah ada dan diwujudkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melantik Pengerusi iaitu saya sendiri dan anggota-anggota Panel Anugerah Sastera dalam bulan Julai, 1979 dan Sekretariatnya ditempatkan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Setakat ini Panel Anugerah Sastera telah selesai menyiapkan suatu Kertas Dasar Anugerah Sastera untuk dijadikan rujukan dalam tugas dan kerja penyelenggaraan Anugerah Sastera. Kertas Dasar Anugerah Sastera yang disiapkan itu meliputi hal-hal mengenai:

- (i) Isi dan Erti Anugerah
- (ii) Bidang Tugas Panel
- (iii) Prosedur Pemilihan (yang mencakup syarat-syarat bagi seorang calon dan syarat-syarat si pencalon)

dan lain-lain yang ada berkaitan dengan soal Anugerah Sastera.

Insya Allah, dalam seminggu dua ini akan saya umumkan asas-asas pemilihan Anugerah Sastera, tarikh penerimaan dan penutup penerimaan calon.

Pihak Panel Anugerah Sastera menaruh keyakinan bahawa penyampaian Anugerah Sastera yang pertama akan dapat dikalungkan kepada tokoh sasterawan tanahair pada tahun 1981.

KAUM BURUH MALAYSIA BEKERJA DI ARAB BERSATU

42. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) angka dan pecahan kaum buruh-buruh rakyat Malaysia yang telah mengikat kontrak untuk membina pembangunan di negara-negara Arab Bersatu; dan
- (ii) adakah mereka ini dilindungi oleh sebarang insuran jika berlakunya kemalangan atau kecederaan atas diri mereka di sana.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Sehingga ini Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidaklah terlibat menghantar pencari-pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan di negara-negara Arab Bersatu. Mereka yang telah pergi ke negara tersebut adalah dengan daya usaha mereka sendiri ataupun melalui agensi-agensi pekerjaan swasta. Pada masa ini Kerajaan belum ada satu sistem pengawalan yang rapi berkenaan dengan agensi pekerjaan swasta. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya tidaklah dapat memberi angka-angka yang diminta itu. Kementerian saya tidak mempunyai rekod berkenaan dengan kontrak yang telah digunakan untuk pekerja-pekerja Malaysia di negara tersebut dan oleh hal yang demikian, saya tidak dapat mengesahkan sama ada mereka itu dilindungi sebarang insuran.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kementerian sekarang ini telah pun menyediakan satu Rang Undang-undang untuk mengawal agensi-agensi pekerjaan swasta dalam negeri ini dan salah satu peruntukan yang telah dicadangkan di bawah undang-undang tersebut ialah semua agensi-agensi pekerjaan swasta yang akan menjalankan aktiviti untuk menghantar pekerja-pekerja ke luar negeri hendaklah mendapat kelulusan dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sewajarnya. Adalah diharapkan dengan adanya undang-undang agensi pekerjaan swasta ini, Kementerian saya akan dapat mengesan dengan teratur penghijrahan pekerja-pekerja kita ke luar negeri.

PEMEGANG PASPORT TERHAD SINGAPURA

43. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah benar sebilangan besar pemegang-pemegang pasport terhad (Singapura) telah pulang ke negeri masing-masing dari Singapura; jika benar, nyatakan bilangan mereka dalam tahun-tahun 1978 dan 1979 bagi Negeri-Negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan tidak menyimpan rekod mengenai kemasukan balik warganegara-warganegara kita ke negeri ini. Dengan yang demikian, Kerajaan tidak mempunyai angka-angka dikehendaki itu.

JALAN-JALAN DI KAWASAN PENGUASA TEMPATAN— PENYELENGGARAAN

44. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar ramai pihak-pihak berkuasa tempatan khususnya Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak mahu mengambil alih penyelenggaraan jalan-jalan di banyak kawasan-kawasan perumahan yang mana mutu jalan-jalan tersebut tidak memenuhi taraf yang ditetapkan oleh pihak JKR dan juga kerana kekurangan wang; dan sama ada Kerajaan akan membuat satu keputusan dasar untuk memberi pemberian-pemberian kepada pihak-pihak berkuasa tempatan untuk membolehkan mereka meninggikan mutu jalan-jalan tersebut kepada taraf yang dikehendaki oleh pihak JKR supaya jalan-jalan tersebut boleh diambil alih oleh pihak-pihak berkuasa demi kepentingan penduduk-penduduk yang terlibat itu.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun memberi geran-geran pelancaran kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula untuk membolehkan penguasa-penguasa tempatan tersebut membeli kenderaan-kenderaan dan alat-alat kelengkapan serta membiayai projek-projek kemudahan-kemudahan asas seperti membina jalan-jalan, parit-parit, tandas-tandas am, lampu-lampu jalan di kawasan-kawasan

masing-masing. Di samping itu, juga memberi geran tahunan kepada Kerajaan Negeri/penguasa tempatan.

Saya sedar tentang masalah pengambilan alih penyelenggaraan jalan-jalan yang sub-standard oleh beberapa pihak-pihak penguasa tempatan. Berikutan dengan penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan, pihak-pihak berkuasa tempatan menghadapi masalah untuk mengambilalih menyelenggarakan jalan-jalan tersebut yang mana telah pun dibina oleh pemaju-pemaju perumahan. Kenaikan mutu jalan-jalan itu adalah bergantung besar kepada kemampuan tiap-tiap pihak berkuasa tempatan dan oleh kerana itu akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Pihak berkuasa tempatan adalah tidak berupaya berbuat demikian.

Soal sama ada Kerajaan akan membuat satu keputusan dasar untuk memberi pemberian-pemberian kepada pihak berkuasa tempatan untuk membolehkan mereka meninggikan mutu jalan-jalan tersebut perlulah terlebih dahulu dikaji dengan mendalam oleh Kementerian saya bersama dengan Kementerian Kewangan.

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN) 1980

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 dibacakan buat kali kedua.

Rang Undang-undang ini telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini sejak 21hb Mac, 1980, iaitu lebih kurang dua minggu dahulu, bersama-sama dengan satu Rang Undang-undang lain untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun berpeluang mengkaji fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang ini secara terinci, dan juga dapat membanding di antara satu sama lain, maka di sini saya akan cuba memberi alasan-alasan (rationale) secara am sahaja.

Tidak syak lagi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rang Undang-undang ini menganjungi cadangan-cadangan yang penting, maka tidak hairanlah jika ia telah menarik perhatian serta komen yang meluas. Inilah pertama kalinya, sejak Merdeka, satu cadangan perundangan telah dibentangkan di Dewan ini, hasil daripada kajian semula yang lama, mendalam dan lengkap meliputi keseluruhan bidang perhubungan buruh. Ordinan Kesatuan Sekerja yang menyediakan rangka-rangka asas berkaitan dengan penubuhan Kesatuan Sekerja dan mengatur serta mengawasi aktiviti-aktivitinya, telah pertama kalinya diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1959, iaitu tidak berapa lama selepas Merdeka, dan yang mendahului perancangan usaha-usaha giat kita terhadap pembangunan sosio-ekonomi dan perindustrian. Akta Perhubungan Perusahaan, yang mengendalikan perhubungan bersama kesatuan sekerja dan majikan serta memperuntukkan jentera runding damai dan timbangtara yang timbul dari perhubungan ini, telah diluluskan buat pertama kalinya oleh Parlimen pada tahun 1967.

Undang-undang adalah diperbuat untuk melayani keperluan rakyat dan negara. Keperluan yang sedemikian tidaklah pula statis. Sambil negara mencapai kemajuan keadaan ikut bertukar. Yang demikian mereka yang di dalam keadaan baru akan berkehendakkan keperluan-keperluan yang baru. Ini tidaklah dapat dielakkan. Yang demikian Undang-undang akan menjadi lapuk jika tidak dipinda untuk mencerminkan keperluan-keperluan yang baru ini. Undang-undang ini tidak dapat bersaing dengan kemajuan. Oleh itu pindaan kepada Undang-undang adalah perlu dari semasa ke semasa.

Undang-undang Buruh juga tidak terkecuali. Malaysia adalah dalam proses perindustrian. Sambil banyak perusahaan-perusahaan dibangunkan bertambah ramai pula pekerja yang digaji. Apabila bilangan pekerja-pekerja meningkat pergerakan kesatuan sekerja kita sepatutnya berkembang dari segi saiz dan kualiti. Saiz hanya merupakan kuantiti. Saiz tanpa kualiti akan mengakibatkan kehilangan panduan dan kekurangan pertimbangan yang diperlukan untuk kepentingan awam dan negara yang mesti didahulukan daripada kepentingan kesatuan sekerja.

Trade Unionisma mempunyai potensi yang besar sebagai satu kuasa bagi pembangunan sosial yang mesti dipupuk dan diawasi. Ini hendaklah dijalankan untuk faedah pekerja-pekerja kita yang telahpun menjadi ahli kesatuan sekerja dan juga mereka yang tidak mempunyai kesatuan. Di negara ini sekarang terdapat 3.3 juta yang digaji di dalam sektor ekonomi. Daripada jumlah ini sebanyak 567,000 adalah diorganisasikan ke dalam 374 buah kesatuan sekerja. Dari segi peratusan bermakna 17% daripada penduduk Malaysia yang digaji adalah berkesatuan sementara 83% lagi tidak. Lebih kurang 32% dari jumlah 374 kesatuan sekerja itu adalah bergabung dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia. Jika dikira dari angka-angka ini bererti bahawa hanya 226,800 pekerja sahaja atau 40% dari jumlah 567,000 yang bergabung. Trade Unionisma mempunyai sama potensi menghancurkan jika diletakkan di bawah pimpinan yang tidak bertanggungjawab. Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa trade unionisma tidak melarat menjadi satu alat bahaya bukan sahaja kepada orang-orang lain, tetapi juga kepada trade unionisma sendiri, dan pada akhirnya kepada kepentingan pekerja-pekerja kita juga.

Satu Kerajaan yang berdemokrasi yang dipilih oleh rakyat seperti kita, mestilah secara jujur mengambil langkah untuk memimpin dan mengatur pertumbuhan trade unionisma kita. Yang demikian Undang-undang buruh hendaklah dipinda dari masa ke semasa sejajar dengan keperluan-keperluan yang timbul sepertimana dipastikan oleh Kerajaan. Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 adalah merupakan dua perundangan buruh kita yang besar dalam mana pindaan-pindaan sedang dipertimbangkan sekarang.

Undang-undang ini belum pernah dipinda secara menyeluruh buat beberapa tahun bahawa perlu undang-undang ini dipinda telah lama dirasakan. Urusan pindaan akan terus diamalkan. Tiada sebarang keputusan tergesa-gesa atau gopoh-gapah untuk membuat pindaan ini seperti dituduh oleh setengah-setengah pihak.

Pertukaran lazimnya tidak membawa kesenangan. Peraturan-peraturan baru yang diambil dalam bentuk undang-undang akan mengakibatkan perasaan kurang senang. Dalam kes ini perubahan akan memberi

kesan kepada sikap dan pandangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, pekerja dan majikan. Mereka hendaklah diberi masa untuk menyesuaikan diri kepada perubahan ini. Akan tetapi sebelum mereka dapat menyesuaikan diri dalam suatu masa, sudah semestinya terdapat penentangan terhadap perubahan tersebut dan juga bangkangan akan berterusan. Ini adalah menimbulkan pendapat-pendapat berlainan yang akan seterusnya dipergunakan oleh setengah-setengah pihak untuk dijadikan isu kontroversi.

Tuan Speaker, kontroversi dalam etikata ini bukanlah merupakan satu perkara yang buruk jika sekiranya pendapat-pendapat yang pro dan kontra dikemukakan secara jujur dan bukan sebagai barisan hadapan (fronts) untuk motif-motif sepertimana kadangkala berlaku. Apakala ini berlaku maka kontroversi itu akan merupakan perkara-perkara yang tidak benar. Isu-isu diputar-belitkan. Motif-motif dicurigai. Dan ribut dan riuh dan kemarahan yang dilahirkan oleh setengah-setengah pihak itu nampaknya tidak memberi sebarang bantuan malah mengelirukan.

Kerajaan mempunyai tugas yang sulit dalam memperimbangan kepentingan kapital dan buruh. Kapital tidak akan ujud tanpa buruh, begitu juga buruh tidak akan ujud tanpa kapital. Kerajaan akan terus menjadi sasaran kritik dari kedua-dua pihak kapital dan buruh. Kapital menegaskan bahawa Kerajaan terlampau melindungi pihak buruh sementara buruh pula menyatakan sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan berusaha memberi perseimbangan di antara kapital dan buruh ini seberapa adil tanpa berat sebelah.

Tidak dapat dinafikan bahawa sebagai negara yang membangun Malaysia menganggap keperluan untuk menghadapi pembangunan dan matlamat pelaburan adalah merupakan keutamaan yang tinggi. Akan tetapi adalah salah sama sekali menganggap bahawa ini akan pula mengorbankan kepentingan buruh kita. Buruh memainkan peranan yang penting terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan dan pelaburan. Ia akan terus memainkan peranan yang sama di bawah pimpinan kesatuan sekerja yang positif lagi bertanggungjawab dengan bantuan Kerajaan

dan pihak kapital yang memahami perjuangan mereka. Apa sahaja cadangan yang boleh menjejaskan kepentingan buruh untuk mencapai matlamat tersebut adalah sekali-kali tidak diterima.

Usaha-usaha Kerajaan dalam konteks ini adalah memberi penekanan yang sama terhadap aspek-aspek sosial dan pembangunan yang dinamis. Tidak ada erti jika hanya matlamat ini hendak dicapai, kiranya kebajikan dan taraf hidup pekerja-pekerja kita tidak dapat diperbaiki bersama-sama. Kerajaan tidak pernah dan tidak akan menganggap keperluan asas, harapan dan aspirasi pekerja-pekerja kita sebagai satu perkara yang boleh ditolak ansur.

Seerti ditekankan demikian, maka perlulah memperingati diri kita supaya bersikap lebih realistik terhadap pindaan yang ada di hadapan kita sekarang. Kita tidak harus lupa walau sesaat pun bahawa apabila kita membincangkan trade unionisma atau perhubungan perusahaan pada hakikatnya kita membincangkan hal pekerja-pekerja, kebajikan mereka, hasrat mereka, keinginan dan aspirasi mereka. Janganlah kita sekali-kali lupa bahawa trade unionisima itu adalah melayani pekerja kita, bukan sebaliknya. Oleh itu kesejahteraan pekerja-pekerja kita akan bergantung kepada trade unionisma yang berkembang mengikut garis-garis yang bebas yang tidak terjejas dan tidak dieksploitasi oleh pengaruh-pengaruh yang bukan berunsur trade unionisma dan juga bergantung kepada perhubungan perusahaan yang teratur, adil serta berupaya pula memberi penyelesaian yang wajar dan segera lagi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, kedengaran kritik-kritik bahawa pindaan-pindaan ini adalah bukti bahawa Kerajaan anti kesatuan sekerja, dan menekan buruh. Nyata ini satu takrif yang salah sama sekali. Rekod menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa bersikap adil dalam mengendalikan perimbangan di antara kapital dan buruh, dan juga dalam perkembangan trade unionisma dan kepentingan buruh.

Piawaian-piawaian buruh telah dipertingkatkan dan akan terus dipertingkatkan lagi. Sistem perhubungan buruh yang dirangka untuk melindungi kepentingan buruh akan terus dimajukan melalui cara-cara

seperti runding damai dan timbangtara. Kesatuan sekerja yang teguh sektor perdagangan, perindustrian dan pengangkutan, yang mempunyai suara efektif, adalah ujud dari sistem-sistem ini. Sesungguhnya Kesatuan-kesatuan ini telah berjaya melahirkan beberapa orang pemimpin kesatuan sekerja yang bersuara lantang, dan yang juga telah memberi perkhidmatan baik dalam bidang buruh. Inilah dia pemimpin-pemimpin yang telah memperolehi jawatan melalui trade unionisma yang dipupuk oleh Kerajaan tetapi sekarang hendak melemparkan tuduhan terhadap Kerajaan. Segala kepujian terhadap perkembangan kesatuan sekerja dan keutuhan pemimpin-pemimpin mereka haruslah ditunjukkan kepada sistem ini. Akan tetapi pemimpin-pemimpin ini tidak berani mengakuinya.

Kita adalah lebih bertuah daripada kebanyakan negara-negara lain dalam aspek ini. Rangka bentuk dan peraturan perhubungan buruh kita tetap unggul di sepanjang zaman. Oleh yang demikian kita dapati tidak perlu dalam kajian ini membekalkan satu sistem yang baru. Akan tetapi, segala ketegangan dan tekanan yang telah berlaku dan masalah-masalah yang kini ada dan yang akan timbul menunjukkan bahawa kita haruslah berhati-hati. Hanya dengan itu sahaja bahawa kita akan dapat menghadapi keadaan yang kompleks; hanya dengan itu sahaja kita akan dapat membendung masalah-masalah perhubungan buruh daripada pecah dan melarat menjadi krisis negara, yang bukan sahaja tidak memberi apa-apa faedah pun kepada suasana ekonomi dan politik negara kita tetapi juga sebarang kebaikan kepada pihak-pihak yang terlibat. Kita terpaksa mencari jalan yang lebih baik untuk mengendali dan membendung krisis tersebut sebelum ianya tercetus supaya kepentingan semua pihak, terutama sekali pekerja-pekerja kita, tidak akan terjejas. Kita terpaksa membekalkan peraturan-peraturan yang seberapa boleh dapat memberi jaminan ini. Cadangan-cadangan di hadapan kita sekarang ini adalah semata-mata bertujuan demikian.

Jika cadangan-cadangan tertentu itu dibicarakan dengan logik tanpa emosi, Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapati bahawa pada keseluruhannya cadangan-cadangan itu adalah positif dan tidak menafikan hak kebebasan dan keistimewaan rakyat Malaysia

seperti termaktub di dalam Perlembagaan. Kerajaan tetap bertanggungjawab untuk mempertahankan hakikat ini. Yang demikian, Kerajaan telah dan akan terus melibatkan perjuangannya demi untuk kebaikan pekerja-pekerja di Malaysia di dalam konteks kepentingan awam dan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membincangkan falsafah di sebalik pindaan-pindaan di hadapan kita ini. Falsafah ini meliputi juga undang-undang sosial yang lain seperti Ordinan Pekerjaan 1955, Akta Keselamatan Sosial 1969 dan Akta Jentera dan Kilang, 1967, sebagai contohnya. Pindaan-pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja ini adalah berhubung rapat dengan pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perhubungan Perusahaan dan tidak boleh diasingkan daripada undang-undang sosial yang lain. Segala ini ada kena-mengena dengan kedudukan perhubungan perusahaan dan dengan kebajikan pekerja-pekerja kita. Falsafah ini tidak akan jelas kiranya tidak disebutkan secara ringkas aspek-aspek Undang-undang Sosial tersebut. Dewan yang mulia ini berhak mendapat suatu gambaran yang selengkapnya dalam perkara ini, dan saya akan cuba menunaikannya sekarang.

Kerajaan bercadang dalam beberapa hari lagi hendak mengemukakan kepada wakil-wakil majikan dan pekerja dalam Mailis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan satu set cadangan yang lengkap untuk meminda Ordinan Sekeria 1955. Ordinan ini memperuntukkan perlindungan asas kepada tiap-tiap individu-individu pekerja memperuntukkan syarat-syarat pekerjaan mereka, masa bekerja, cuti rehat dan bayaran-bayaran semasa sakit dan kerja lebih masa, dan juga memperuntukkan faedah-faedah persaraan dan pengnejian kerja, serta syarat-syarat buruh kontrak. Hasil perundingan ini, akan dikemukakan di Parlimen melalui Jumaah Menteri mengikut amalan biasa. Beberapa perubahan besar akan dibuat terhadap had dan syarat-syarat pekerja-pekerja individu sama ada mereka ahli Kesatuan Sekerja atau tidak. Cadangan-cadangan ini untuk memberi faedah kepada pekerja-pekerja kontrak dan untuk memberikan satu kadar faedah kerja yang minima telah juga diputuskan dan hanya menunggu kelulusan Penggubal Undang-undang Parlimen.

Kita telah juga di dalam kajian semula ini, meninjau kepada faedah-faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang bertujuan untuk melindungi pekerja-pekerja sekiranya pendapatan mereka terhenti, terjejas atau berkurangan dari kecederaan ilat. Kita telah dapat memperolehi perkhidmatan seorang actuary daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk mengkaji serta menasihati kita atas faedah-faedah ini memandangkan kepada pengalaman dan suasana yang kita hadapi sekarang dalam menguruskan skim Keselamatan Sosial Pekerja. Dan saya sukacita menyatakan di sini bahawa kadar-kadar faedah di bawah Skim ini akan ditingkat dan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Kita juga telah menialankan satu pemeriksaan yang intensif terhadap beberapa aspek undang-undang dan peraturan kita di dalam bidang kesihatan dan keselamatan perusahaan. Ini adalah terkandung di dalam Akta Kilang dan Jentera tahun 1967. Rancangan-rancangan baru akan diperkenalkan dan peneakan yang meningkat akan diberi kepada bidang yang penting ini untuk melindungi pekerja-pekerja Malaysia. Secara spesifik satu peraturan-peraturan baru untuk mengawasi keselamatan pekerja dalam bidang pembinaan, satu kumpulan tenaga buruh kita yang kritikal, telah pun disediakan dan hanya menunggu kelulusan undang-undang untuk menguatkuasakannya.

Sudah tentulah tidak benar sama sekali jika seseorang menganggap bahawa semua ini mencerminkan sentimen Kerajaan yang anti-pekerja. Anggapan yang sama juga perlulah diperkatakan terhadap pindaan yang telah dihantar ini kerana falsafah yang sama adalah diumumkan kepada semua undang-undang sosial ini.

Malaysia mempunyai potensi pertumbuhan yang banvak pihak merasai iri hati. Kita mempunyai hasil bahan-bahan utama dan tanah yang subur, hasil minyak dan kemahiran tenaga pekerja untuk menghadapi cabaran-cabaran. Akan tetapi ini hanya akan tercapai jika kita berwasnada dan jika kita berusaha dan berdedikasi. Perhubungan Buruh tidak dapat tidak akan memainkan peranan yang luas di dalam usaha-usaha ini. Secara ringkas adalah merupakan alasan-alasan bagi cadangan-cadangan yang ada di

hadapan kita sekarang. Dengan itulah perubahan-perubahan dan kebaikan terhadap rangka perundangan buruh kita akan diperbuat. Kerana, di dalam penyediaan dan keupayaan kita secara menyeluruh untuk menghadapi cabaran ini, peranan perhubungan buruh adalah sangat kritikal.

Sesungguhnya di dalam peranan yang penting ini bukan sahaja kumpulan-kumpulan pekerja yang diorganise di dalam kesatuan sekerja tetapi juga kumpulan yang lebih juga kumpulan yang lebih besar yang tidak berkesatuan dan mereka yang masih menunggu untuk memasuki pasaran buruh, semuanya mempunyai peranan. Keadaan perhubungan perusahaan akan menentukan keupayaan kita, untuk menghadapi impian semua golongan-golongan ini. Kita tidak dapat menghadapi cabaran tahun-tahun lapan puluhan ini dengan cara ataupun jentera tahun lima puluhan kita terpaksa dilengkapkan dengan sewajarnya dan berwaspada setiap masa.

Adalah jelas dalam semua ini bahawa Kerajaan memandang berat terhadap kebajikan pekerja-pekerja kita dan tidak akan menghalang kemajuan dan kesejahteraan mereka. Pekerja-pekerja kita di semua bidang terus menikmati hasil kemerdekaan dan pembangunan. Kerajaan berharap bahawa di dalam kajian semula yang lengkap terhadap undang-undang buruh ini kita akan dapat meletakkan satu asas yang lebih kukuh bagi kemajuan yang lebih pesat dan pantas untuk kebaikan mereka. Kita berasa yakin bahawa potensi tenaga pekerja kita akan dapat dikumpul dan ditumpukan terhadap usaha-usaha pembangunan dan pertumbuhan negara.

Sekarang saya akan menghuraikan fasal-fasal penting dalam Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1980, yang ada di hadapan kita ini mengandungi 43 fasal-fasal pindaan. Walau bagaimanapun, sejumlah besar daripada peruntukan tersebut adalah merupakan percantuman peruntukan-peruntukan yang sekarang terdapat di dalam Jadual Kedua kepada Ordinan 1959 itu dan juga Akta Kesatuan Sekerja 1959. Beberapa perkara yang sekarang perlu diperuntukkan di

dalam peraturan-peraturan kesatuan sekerja telah juga dimasukkan ke dalam Ordinan 1959. Tujuan berbuat demikian ialah untuk menyenangkan pentadbiran dan mencapai cara yang seragam dari segi pemakaian dan interpretasi terhadap peruntukan-peruntukan ini dan juga untuk menjelaskan selanjutnya beberapa peruntukan ini secara perinci. Berikutan dengan peruntukan ini Jadual Kedua kepada Ordinan 1959 dan Akta 1965 adalah dibatalkan, sebagaimana dicadangkan dalam fasal 42 dan 43 Rang Undang-undang tersebut.

Takrif "strike" dan "lock-out" yang telah diubahsuai dan terkandung di dalam fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah sama seperti yang terdapat di dalam Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1980, yang juga dibentangkan dalam Dewan ini. Dengan demikian persamaan dalam takrif-takrif tersebut adalah tercapai dan ini akan memudahkan pengertian dan juga pematuhan terhadap kehendak-kehendak undang-undang.

Mengenai "strike" dan "lock-out", ingin saya menegaskan di sini bahawa seksyen baru 25 (A) yang dicadangkan dalam ini di samping memasukkan seksyen 26 (3) Ordinan sekarang, memperuntukkan beberapa perkara yang sekarang perlu disatukan dalam peraturan-peraturan kesatuan sekerja, juga beberapa peruntukan harus dimasukkan yang difikirkan penting. Yang demikian seksyen 25A yang harus dibaca bersama-sama dengan seksyen 40 dalam fasal 22 menggariskan peraturan-peraturan yang biasanya diikuti dalam tindakan mogok ataupun "lock-out". Disyaratkan bahawa kesatuan sekerja tidak dibenarkan melancarkan mogok atau mengisytiharkan "lock-out"—

- (i) Tanpa mendapat persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga ahli-ahli yang layak mengundi—berkaitan dengan mogok atau "lock-out" yang dimaksudkan itu. Syarat ini yang sedia terdapat di dalam peraturan hampir-hampir semua kesatuan sekerja pada hari ini, bukanlah merupakan suatu syarat yang tidak menasabah memikirkan bahawa mogok atau "lock-out" itu adalah satu tindakan perusahaan yang serius dan yang memerlukan mandat besar sebelum ia dilancarkan.

- (ii) Mogok atau "lock-out" tidak boleh dilancarkan atau diisytiharkan sehingga lepas 7 hari dari tarikh Pendaftar Kesatuan Sekerja diberitahu akan keputusan undi sulit berkaitan dengan mogok atau "lock-out" itu.

Di bawah cadangan seksyen 40 (5) dalam fasal 22 sesebuah kesatuan sekerja adalah dikehendaki mengemukakan keputusan undi sulit kepada Pendaftar dalam tempoh 14 hari undi sulit itu diambil. Syarat ini terdapat dalam 26 Peraturan Kesatuan Sekerja, 1959, di mana keputusan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar di dalam borang tertentu iaitu Borang U.

Walau bagaimanapun, had masa tidak dikenakan untuk mengemukakan Borang U itu. Peruntukan-peruntukan yang diubahsuai ini akan membolehkan Pendaftar memberitahu lain-lain pegawai Kementerian tentang mogok ataupun "lock-out" yang dicadangkan itu supaya pegawai-pegawai itu dapat menasihatkan dan membantu kedua-dua pihak yang berkenaan supaya dapat mengelakkan berlakunya pertikaian itu. Pemberhentian kerja atau gangguan dalam pengeluaran disebabkan mogok kilat dengan ini dapat dielakkan melalui tindakan campurtangan segera dari pegawai-pegawai Kementerian saya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

- (iii) Tuan Yang di-Pertua, tanpa mematuhi seksyen 40 seperti dicadangkan dalam fasal 22 yang antara lain menetapkan bahawa undi sulit akan hanya sah bagi tempoh 90 hari sahaja. Undang-undang sekarang tidak mempunyai syarat ini, dan syarat yang akan dikenakan ini adalah difikirkan wajar dan menasabah.
- (iv) Seksyen 40 juga menetapkan bahawa tiap-tiap ahli kesatuan sekerja hendaklah diberi hak dan peluang yang sama untuk mengundi dengan bebas. Lain-lain langkah yang perlu juga diambil menentukan bahawa undi tersebut benar-benar sulit dan pengiraannya betul.

- (v) Seksyen 40 juga menentukan bahawa ahli-ahli itu mengetahui sepenuhnya isu-isu yang mana mereka diminta mengundi, dan mogok atau "lock-out" tidak boleh dilancar atau diisytiharkan jika sesuatu undi sulit yang diambil atas isu-isu tersebut adalah tidak sah ataupun jika cadangan tindakan perusahaan itu bertentangan dengan mana-mana undang-undang yang bertulis. Pada masa lampau ahli-ahli kesatuan sekerja telah diminta mengundi atas isu-isu, butir-butir yang tidak diterangkan dengan jelasnya. Ini mengakibatkan satu keadaan di mana eksekutif sesebuah kesatuan sekerja telah diberi mandat untuk tindakan perusahaan tanpa ahli-ahli biasanya diberi penerangan penuh mengenai isu-isu tersebut terlebih dahulu. Cadangan pindaan ini cuba untuk mengatasi kelemahan Undang-undang ini.

Inilah sahaja peruntukan-peruntukan di dalam Rang Undang-undang Ordinan Kesatuan Sekerja (Pindaan) dikemukakan dalam Dewan ini yang bertujuan mengendalikan hal-hal mogok dan "lock-out" oleh kesatuan sekerja. Peruntukan-peruntukan baru ini menjelaskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi sebelum satu-satu pemogokan atau "lock-out" dimulakan. Yang demikian ianya mengujudkan penyelesaian pertikaian-pertikaian perusahaan yang mungkin timbul secara teratur. Sebagaimana jelas dilihat, tidak terdapat peruntukan-peruntukan yang melarang mogok atau "lock-out".

Seterusnya kategori pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan soal peraturan serta cara-cara menyelesaikan masalah yang timbul akibat daripada pergeseran di antara kesatuan sekerja (inter-union rivalry) termasuk mencuri keahlian di kalangan kesatuan-kesatuan sekerja tersebut.

Sungguhpun Akta Kesatuan Sekerja tahun 1965 mengandungi peruntukan-peruntukan bagi menghadapi masalah ini didapati tidak begitu mencukupi. Peruntukan-peruntukan ini sekarang adalah diperkuatkan lagi dan diperbaiki serta dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini di dalam Fasal 9 seksyen 15 (2) dan seksyen 15 (2A). Kelonggaran yang diperuntukkan di dalam cadangan

pindaan ini membolehkan Pendaftar bertindak tegas untuk mengelakkan pergeseran di antara kesatuan sekerja di dalam sebuah perusahaan atau tempat kerja, di mana pihak-pihak tersebut telah gagal berbuat demikian. Cadangan-cadangan ini adalah didapati dalam fasal 9 yang memperuntukkan seksyen kecil baru 15 (2) dan 15 (2A). Di bawah Akta 1965 jika terdapat dua kesatuan sekerja bertanding untuk mewakili satu kumpulan pekerja yang sama di dalam sesuatu perusahaan, pekerjaan atau perindustrian tindakan yang hanya boleh diambil oleh Pendaftar ialah membatalkan pendaftaran kesatuan yang mempunyai perwakilan kecil di dalam satu-satu tempat kerja atau perusahaan ini sama ada jumlah keahlian kesatuan sekerja tersebut mungkin besar dari kesatuan sekerja yang satu lagi itu.

Di bawah cadangan pindaan ini Pendaftar sekarang diberi kuasa untuk mengarahkan kesatuan yang mempunyai perwakilan yang kecil di dalam sesebuah perusahaan atau tempat kerja untuk memotong daripada daftar keahlian pekerja-pekerja di dalam perusahaan atau dalam kerja itu dengan tujuan membenarkan kesatuan yang mempunyai keahlian yang lebih besar itu hak mewakili pekerja-pekerja. Kesatuan sekerja yang mengalami akibat itu akan juga diberi peluang untuk membuat rayuan jika difikirkan perlu di tiap-tiap peringkat tindakan ini. Yang demikian dapat dilihat bahawa cadangan pindaan ini sebenarnya lebih longgar dan berfaedah kepada kesatuan sekerja dan pekerja kita pada keseluruhannya oleh kerana Pendaftar sekarang tidak lagi terikat sangat mengikut peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1965. Peruntukan baru dalam fasal 9 akan dapat membantu dalam memperteguhkan kesatuan sekerja, dan ini adalah merupakan satu langkah yang wajar ke arah pertumbuhan pergerakan kesatuan sekerja yang teratur di negara ini.

Rang Undang-undang ini, dengan cara memperteguhkan lagi dan mengubahsuai kegiatan pengawasan dan pengawasan tabung kewangan kesatuan sekerja, dapat memberi kesan yang efektif. Pindaan kepada takrif "funds" dalam fasal 2 adalah termasuk kutipan keuntungan-keuntungan dari pelaburan yang dibuat oleh sesuatu kesatuan sekerja supaya sumber-sumber kewangan sedemikian adalah juga diambil kira oleh

kesatuan sekerja yang berkenaan dan adalah bertanggungjawab terhadap ahli dari mana wang tersebut dikumpulkan pada mulanya. Kuasa Pendaftar di seksyen 49 Ordinan ini adalah diperluaskan dalam fasal 25 untuk membolehkan beliau mendapat semua dokumen dan kira-kira berkaitan dengan pelaburan kesatuan sekerja itu. Ingin saya tegaskan di sini bahawa kesatuan sekerja pada akhir tahun 1978 telah mempunyai 19 juta ringgit harta tidak termasuk pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat kerjasama dan syarikat-syarikat yang dimiliki penuh atau oleh mereka atau secara usahasama.

Peruntukan Fasal 26 berkaitan dengan menggunakan tabung kewangan kesatuan sekerja adalah hampir sama dengan yang terdapat di dalam Jadual Kedua Ordinan tersebut. Bidang tambahan bagi kegunaan kewangan kesatuan sekerja juga diperuntukkan, misalnya item (1) seksyen 5 (1) Fasal tersebut, iaitu mengenai bayaran premium insuran. Satu peruntukan telah juga dibuat untuk membenarkan perbelanjaan daripada tabung kewangan kesatuan sekerja terhadap pertikaian perusahaan hanya jika pertikaian tersebut melibatkan ahli-ahli kesatuan tersebut dan tidak bertentangan dengan undang-undang.

Fasal 16 Rang Undang-undang memperuntukkan satu seksyen baru 27 (2) mengenai kedudukan pegawai-pegawai awam dan kakitangan badan-badan berkanun di dalam keahlian kesatuan sekerja. Fasal ini memberi penjelasan lanjut mengenai seksyen 27 Ordinan sekarang dan memasukkan peruntukan-peruntukan di dalam Trade Union (Exemption of Public Officers) Order, 1971. 4 kumpulan pegawai-pegawai di bawah ini sekarang tidak dibenarkan menubuhkan atau menjadi ahli kesatuan sekerja :

- (i) ahli-ahli Polis Di Raja Malaysia
- (ii) ahli-ahli Angkatan Bersenjata
- (iii) ahli-ahli Perkhidmatan Penjara
- (iv) pegawai-pegawai di dalam kedudukan tugas rahsia atau keselamatan.

Mereka yang memegang jawatan-jawatan di dalam kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas (atau Kumpulan A) merupakan kumpulan

kelima pegawai-pegawai awam yang dilarang menubuhkan atau menjadi ahli kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun Ketua Setiausaha Negara kepada Kerajaan adalah diberi kuasa menggunakan budibicaranya di dalam kumpulan ini supaya dikecualikan daripada larangan ini. Ketua Setiausaha Negara juga adalah diberi kuasa untuk memutuskan apa-apa persoalan sama ada seseorang pegawai itu adalah bertugas di dalam kedudukan tugas rahsia atau keselamatan.

Satu fasal peralihan yang penting adalah diperuntukkan berkaitan dengan pelaksanaan Fasal 16 iaitu:

- (i) mana-mana orang yang tidak layak menjadi ahli-ahli kesatuan sekerja disebabkan tidak ada arahan daripada Ketua Setiausaha Negara dalam kes pegawai-pegawai dalam kumpulan iktisas, boleh terus menjadi ahli kesatuan sekerjanya bagi tempoh 6 bulan dari kuatkuasa pindaan ini; dan
- (ii) dan di mana seseorang itu adalah pegawai kesatuan sekerja, beliau boleh terus memegang jawatan tersebut dan mengekalkan keahliannya sehingga tamat tempoh jawatan itu walaupun lebih daripada tempoh 6 bulan seperti disebutkan awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 juga membolehkan seseorang yang gagal mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Negara merayu dalam tempoh 30 hari kepada Menteri yang bertanggungjawab atas perkhidmatan awam bagi memperolehi keputusan terakhir.

Dapat dilihat bahawa Fasal ini tidak melarang sepenuhnya seseorang itu menjadi ahli kesatuan sekerja kecuali mereka yang dari 4 golongan pegawai-pegawai yang disebutkan tadi. Di dalam kes pekerja-pekerja dari Kumpulan Pengurusan dan Iktisas terdapat kelonggaran yang luas dalam Fasal ini untuk menentukan bahawa hanya pegawai-pegawai yang memegang jawatan-jawatan yang sensitif atau penggubalan dasar dan pengurusan sahaja yang dihalang dari menjadi atau menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja. Dalam pada itu pun terdapat satu kelonggaran fasal peralihan mengenai peruntukan-peruntukan untuk rayuan. Tidak ada pengharaman secara menyeluruh! Tidak ada kesatuan sekerja yang dikehendaki atau dipaksa supaya ditutup!

Tidak siapapun dapat menafikan merit peruntukan-peruntukan ini. Adalah menjadi bertentangan kepada fungsi Kerajaan kiranya terdapat kesetiaan berbelah bagi dan perancangan kepentingan di kalangan pegawai tinggi awam. Sebab inilah Konvensi 151, yang baru-baru ini diluluskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) memperuntukkan dalam fasalnya berbunyi, *dengan izin*, Tuan Yang di-Pertua, "the extent to which the guarantees provided for in the Convention shall apply to high-level employees when functions are normally considered as policy making or managerial, also employees whose duties are of highly confidential nature shall be determined by national laws or regulations". Jelas ini menunjukkan pengiktirafan betapa pentingnya perkhidmatan awam, sepertimana yang dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini.

Di dalam Fasal 16 (seksyen 27), perenggan (c) memperkenalkan satu peruntukan baru, bagi mengubahsuai-sekatan yang ada sekarang berkaitan dengan kesatuan sekerja dalam badan-badan berkanun. Dengan peruntukan ini, kesatuan-kesatuan sekerja di dalam pihak-pihak berkuasa ini perlu mendapat kelulusan Menteri untuk mewujudkan persekutuan kesatuan sekerja sebagaimana yang diperuntukkan di dalam bahagian XII Ordinan berkenaan. Jelas ini adalah suatu kebaikan kerana ini dapat mengatur sepenuhnya semua peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pengujudan persekutuan kesatuan sekerja di bawah undang-undang ini.

Sekarang ini sampai ke Fasal 40, Rang Undang-undang ini memperkenalkan satu bahagian baru XIIIa untuk mengendalikan soal badan-badan perundingan (Consultative Bodies). Bahagian baru ini di dalam Ordinan adalah sebenarnya memasukkan seksyen 5 Akta Kesatuan Sekerja 1965 ke dalam Ordinan ini dengan beberapa pembaruan tertentu.

Untuk tujuan Bahagian ini, sebuah badan perunding atau badan yang seumpama adalah ditakrifkan di dalam seksyen baru 76(F) seperti berikut:

"Sesuatu badan perunding atau badan yang seumpama itu" adalah termasuk majlis kesatuan sekerja atau lain-lain organisasi terdiri dari kesatuan sekerja selain daripada persekutuan kesatuan sekerja yang berdaftar atau perlu didaftarkan di bawah Bahagian XII Ordinan ini.

Sebuah kesatuan sekerja adalah dibenarkan untuk menubuhkan atau bergabung dengan, atau menjadi ahli Badan Perunding, di dalam ataupun di luar Malaysia, dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pendaftar Kesatuan Sekerja. Walau bagaimanapun, Pendaftar mungkin tidak akan memberi kelulusan tersebut di mana Badan Perunding yang berkenaan memperjuangkan atau bertujuan untuk memperjuangkan mana-mana matlamat atau tujuan sesebuah kesatuan sekerja sebagaimana terkandung di bawah Seksyen 2 Ordinan tersebut. Tujuan ini adalah jelas. Jika sesebuah kesatuan sekerja atau satu kumpulan kesatuan sekerja ingin menyatukan dirinya dengan lain-lain kesatuan sekerja untuk memperjuangkan matlamat-matlamat kesatuan sekerja mereka haruslah memohon untuk menubuhkan sebuah "persekutuan kesatuan sekerja", Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang terlibat dalam kes ini adalah diturunkan di dalam Bahagian XII Ordinan ini, yang telahpun wujud sejak Ordinan ini diperbuat pada tahun 1959. Bahagian XII A melalui seksyen 76 (A1) akan menahan mana-mana pertubuhan kesatuan sekerja yang bertujuan untuk menjalankan fungsi-fungsi sebagai persekutuan kesatuan sekerja dari mengelakkan dirinya dari kehendak-kehendak Bahagian XII ini dengan bertopengkan sebagai Badan Perunding.

Seksyen 76 (C) menetapkan bahawa Pendaftar mungkin menarik balik apa-apa kelulusan yang telah diberi sekiranya sesebuah kesatuan sekerja atau badan perunding melanggar peruntukan undang-undang atau apa-apa juga syarat yang dikenakan olehnya semasa memberi kelulusan tersebut.

Di mana sebuah kesatuan sekerja telahpun bergabung dengan, atau menjadi ahli sesebuah Badan Perunding sebelum berkuatkuasa pindaan ini, penggabungan atau keahlian yang sedemikian tidak terlibat. Seksyen 76 A (2) dan 76 C (2) di dalam Bahagian XII A membolehkan mereka untuk terus bergabung atau menjadi ahli, akan tetapi mereka dikehendaki memberitahu Pendaftar dalam tempoh 60 hari dari berkuatkuasa pindaan ini. Penggabungan atau keahlian yang sedemikian adalah bertujuan memperbetulkan kedudukan sekarang kerana undang-undang yang ada sekarang ini didapati samar-samar mengenai

perkara ini dan didapati beberapa kesatuan telah bergabung dengan badan-badan di luar negeri tanpa mendapat kelulusan Pendaftar atau Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah begitu lama mengasingkan trade unionisma dan politik sebagai satu prinsip panduan kepada pergerakan kesatuan sekerja dan perhubungan buruh. Sebelum tahun 1969, kesatuan sekerja yang ingin memperjuangkan matlamat-matlamat politik adalah dikehendaki di bawah seksyen 52 berkenaan menubuhkan "tabung politik" yang berasingan. Semenjak Ordinan ini diperbuat pada 1959 tidak terdapat kesatuan sekerja yang menubuhkan tabung sedemikian. Maka dalam tahun 1969 peruntukan yang tertentu ini telah dihapuskan. Satu pindaan juga telah diperkenalkan dalam tahun 1969 kepada seksyen 28 Ordinan ini untuk menentukan bahawa seseorang itu tidak perlu bertindak sebagai seorang pegawai kesatuan sekerja atau cawangannya jika sekiranya ia juga seorang "pegawai" parti politik. Syarat yang sama juga adalah dikenakan kepada kakitangan-kakitangan parti-parti politik.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa parti-parti politik adalah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan tidak ada takrif "pegawai" di dalam Akta itu. Orang-orang yang diberi kuasa untuk menguruskan hal-hal parti politik adalah dikenali sebagai "office-bearers" dan bukan "officers" sebagaimana terdapat di dalam kesatuan sekerja. Rang Undang-undang ini, di dalam Fasal 2 (f) membetulkan keadaan ini dengan cara mentakrifkan "office-bearer" untuk seksyen 28 dan 29. Rang Undang-undang ini di dalam fasal 27 melarang menggunakan tabung kesatuan sekerja untuk tujuan-tujuan politik.

Takrif "employee" dalam Fasal 2 Rang Undang-undang sekarang bertujuan bahawa seseorang "employee" parti-parti politik yang termasuk pekerja-pekerja separuh masa, tidak dibenarkan memegang jawatan atau digaji oleh sesebuah kesatuan sekerja.

Peruntukan-peruntukan ini, kita rasa, mengasingkan kesatuan sekerja dengan parti politik. Pengasingan ini mengikut pengalaman kita dan juga pengalaman di tempat-tempat lain, dapat membantu kita untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai di dalam kesatuan

sekerja menumpukan tenaga dan masa mereka dalam tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja yang sah di mana mereka dilantik, dan tidak menghabiskan usaha mereka atau membiarkan kepentingan-kepentingan politiknya sendiri atau partinya untuk mempengaruhi urusan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab dan berkesan. Politik unionisma, di dalam sesebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang bangsa dan ideologi politik akan hanya melahirkan perpecahan di kalangan pergerakan kesatuan sekerja yang akan menjejaskan keupayaan untuk memperjuangkan matlamatnya. Perhubungan buruh akan hanya dapat diuruskan dengan secara teratur jika politik dan kesatuan sekerja dapat dipisahkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menyentuh soal yang telah dibincangkan dengan panjang lebar, iaitu kuasa-kuasa Pendaftar Kesatuan Sekerja dan Menteri di dalam Rang Undang-undang ini.

Pertama Pendaftar Kesatuan Sekerja adalah seorang pegawai yang dilantik untuk mentadbirkan peruntukan Ordinan ini. Kedudukan ini juga sama di dalam lain Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di mana pegawai-pegawai adalah dilantik dengan cara yang sama.

Fasal 3, 4 dan 5 dalam Rang Undang-undang ini menjelaskan dan membuat peruntukan yang lebih lengkap mengenai perkara ini. Peruntukan-peruntukan adalah dibuat dalam Fasal 4 untuk menghadkan secara peraturan, kuasa-kuasa semua pegawai-pegawai selain Pendaftar Kesatuan Sekerja itu sendiri supaya ia sejajar dengan taraf berbagai-bagai pegawai berkenaan di dalam bidangkuasa dan tugas.

Kedua Adalah tujuan Rang Undang-undang ini untuk menjelaskan bahawa Pendaftaran Kesatuan Sekerja supaya mempunyai bidang yang luas dari segi kuasa dan tanggungjawab, akan tetapi beliau tidak diberi kuasa yang lebih besar daripada yang terdapat sekarang dalam Undang-undang ini. Di bawah Rang Undang-undang sekarang, beberapa keputusan Pendaftar adalah muktamad, akan tetapi peruntukan-peruntukan adalah dibuat sekarang supaya semua keputusan Pendaftar itu boleh dirayu kepada Menteri. Ini terdapat di dalam Fasal 39.

Ketiga Kuasa Pendaftar untuk memeriksa kesatuan sekerja adalah dijelaskan dengan lanjutnya dalam Fasal 34 (seksyen 64) dan Fasal 38 (seksyen 31) Rang Undang-undang. Ini adalah merupakan hanya perlanjutan kuasa yang telahpun terkandung di berbagai-bagai bahagian Undang-undang tersebut. Melalui Fasal ini Pendaftar (ditakrifkan sebagai seorang pegawai pada peringkat yang sesuai) boleh pada bila-bila masa yang menasabah memeriksa pejabat berdaftar sesuatu kesatuan sekerja atau mana-mana tempat yang digunakan oleh sesebuah kesatuan sekerja itu. Walau bagaimanapun di mana beliau mempunyai alasan mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan, beliau boleh memasuki kawasan tersebut pada bila-bila masa selepas beliau mendapat waran menggeledah dari seorang Majistret yang mana akan dikeluarkan oleh Majistret itu selepas Pendaftar memberi keterangan dan alasan yang bertulis. Peruntukan-peruntukan ini tidak sepatutnya mencemaskan sesiapa pun yang tidak mempunyai alasan untuk berasa takut.

Kuasa-kuasa untuk mengeluarkan saman di dalam Fasal 38 hanyalah merupakan satu penjelasan sahaja atas kuasa yang sama yang telahpun diberikan kepada Pendaftar di dalam seksyen 71 Ordinan sekarang.

Kuasa Pendaftar di bawah 34 (seksyen 64), untuk mendakwa terhadap orang-orang perseorangan di bawah Undang-undang ini, adalah tertakluk kepada persetujuan bertulis daripada Pendakwa Raya. Saya akan mengemukakan satu pindaan baru mengenai soal ini di peringkat Jawatankuasa.

Keempat Kuasa Pendaftar di bawah Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah saya nyatakan dari awal tadi, adalah dalam beberapa kes lebih longgar dengan tujuan menyenangkan pentadbiran dan menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang timbul di dalam pihak-pihak kesatuan sekerja. Sebagai contoh, di dalam perkara ini Pendaftar memotong nama ahli-ahli di dalam sesuatu perusahaan atau tempat kerja di dalam kes pergeselan kesatuan sekerja (Fasal 9); atau untuk mengarahkan sesebuah kesatuan supaya tidak memulakan mogok atau "lock-out" yang mungkin haram dengan tidak menunggu sehingga pelanggaran undang-undang itu dilakukan di mana hukuman terhadapnya adalah

berat; atau memeriksa semua buku-buku dan dokumen kesatuan sekerja hanya pada masa-masa yang menasabah (Fasal 34), tidak bila-bila masa seperti yang terkandung dalam seksyen 33 sekarang; atau mengikut budibicaranya enggan memberi kelulusan kepada mana-mana orang untuk memeriksa atau menyalin atau mencabut mana-mana dokumen sesebuah kesatuan sekerja di dalam miliknya di mana jelas bahawa bukanlah untuk kepentingan kesatuan itu jika sekiranya permohonan itu diluluskan (Fasal 37), dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harus mengatakan di sini bahawa Fasal 21, yang mencadangkan section 39 yang baru, bertujuan untuk menentukan bahawa Peraturan-peraturan kesatuan Sekerja adalah jelas dan menyeluruh, dan tidak mengandungi bahan-bahan yang bertentangan dengan Ordinan ataupun Regulations di bawahnya. Fasal itu juga mengesyorkan bahawa Pendaftar Kesatuan Sekerja diberi kuasa "reserve" untuk mengarahkan penubuhan cawangan-cawangan Kesatuan yang tertentu, di mana beliau berpendapat bahawa tindakan itu adalah satu yang penting dari segi Kesatuan ataupun ahli-ahlinya.

Kuasa seperti ini, yang boleh digunakan apabila sesuatu Kesatuan enggan membetulkan Peraturannya ataupun menerima cadangan untuk decentralise pentadbirannya dengan mewujudkan cawangan-cawangan, telah difikir perlu dan sesuai dengan kepentingan undang-undang dan kepentingan ahli-ahli juga.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kami telah mengkaji semula Fasal ini, dan bercadang, dengan izin Tuan Speaker, membatalkan Fasal ini pada peringkat Jawatankuasa. Adalah dirasakan bahawa tindakan seperti ini bolehlah diambil secara administrative dan keperluan pindaan seperti yang terkandung dalam Fasal ini bolehlah diberi pertimbangan semula jika pengalaman dalam perkara ini terus merunsingkan. Pembatalan Fasal 21 ini akan menunjukkan dengan lebih jelas lagi bahawa tidaklah tujuan Kerajaan untuk memberi kuasa yang tidak berpatutan kepada pihak Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Kesemua ini, di samping hakikat bahawa semua keputusan Pendaftar sekarang boleh dirayu kepada Menteri, menunjukkan dengan jelasnya bahawa bukanlah tujuan Rang

Undang-undang ini untuk menjadi Pendaftar itu sebagai seorang pegawai yang tidak boleh dipersoalkan. Beliau tidak sekali-kali boleh membuat keputusan melulu bagi apa-apa yang tertentu. Beliau perlulah pada setiap masa bertindak sejajar mengikut had-had yang dinyatakan di dalam Undang-undang.

Kuasa-kuasa Menteri di bawah pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam fasal 12 dan 39. Fasal 39 berkaitan dengan kuasa-kuasa Menteri untuk membuat keputusan kepada semua rayuan atas keputusan Pendaftar.

Di dalam Fasal 12 satu peruntukan adalah diperkenalkan sebagai seksyen baru 18, di mana Menteri boleh dengan budibicaranya, akan tetapi dengan persetujuan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan perintah, menggantung sesebuah kesatuan sekerja bagi tempoh tidak lebih dari 6 bulan, di mana pada pendapatnya sesuatu kesatuan sekerja itu telah bertindak atau digunakan bagi maksud-maksud yang menandatangani mudarat atau bertentangan dengan keselamatan atau ketenteraman awam. Perintah penggantungan oleh Menteri ini boleh diubah atau dibatalkan olehnya pada bila-bila masa.

Tujuan dan kegunaan kuasa-kuasa baru darurat yang diberi kepada Menteri ini hendaklah jelas kepada sesiapa yang membacanya. Ia bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membeku (freeze) sesuatu keadaan yang telah merebak lebih dari pertikaian perusahaan dan mengancam atau telah menjadi satu krisis kepada keselamatan atau ketenteraman awam. Proses biasa di mana Pendaftar membatalkan pendaftaran kesatuan di dalam kes yang sedemikian adalah merupakan terlalu lama untuk menghadapi satu keadaan darurat yang sedemikian rupa. Menteri mestilah, di dalam kes seperti ini, berupaya untuk bertindak segera dengan tegas, jika tidak keadaan ini boleh menjadi buruk, seterusnya mengakibatkan kerosakan besar kepada negara serta menjejaskan dengan seriusnya keselamatan, atau nyawa dan harta benda. Kuasa yang dinyatakan ini ialah untuk menggantung, satu pembekuan sementara keadaan tersebut, tanpa perlu membatalkan kesatuan tersebut yang merupakan satu tindakan kasar. Apabila fikiran telah kembali tenang dan wujud pula perasaan yang baik, dan semua pihak telah dapat terlibat faedah penyelesaian yang pantas itu

maka, penggantungan itu akan ditarik balik. Ini adalah merupakan peruntukan yang sungguh berhati-hati, sebahagian daripada proses berjaga-jaga yang biasanya kebebasan diperlukan.

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa kuasa simpanan untuk menggantung kesatuan sekerja ini akan memberikan kelonggaran terhadap berbagai-bagai tindakan dan penyelesaian yang ada pada kita sekarang. Undang-undang seperti yang terdapat sekarang, pilihan yang ada kepada Pendaftar dan Menteri di dalam keadaan ini hanyalah dengan cara membatalkan pendaftaran kesatuan sekerja. Penggantungan sementara aktiviti-aktiviti kesatuan dalam kebanyakan kes barangkali setakat ini sahaja diperlukan.

“Fasal-fasal Muktamad” terhadap keputusan yang dibuat di bawah Ordinan ini, adalah terkandung di dalam fasal 16, dan 39 Rang Undang-undang ini.

Kita berpendapat bahawa keputusan Menteri sama ada di bawah Fasal 16, atau ketika bertindak sebagai satu badan rayuan atas keputusan-keputusan Pendaftar dalam Fasal 39, hendaklah muktamad dan konklusif. Mereka secara amnya adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan dasar awam, bertujuan untuk menyenangkan pentadbiran Undang-undang, atau hanya merupakan sebagai amalan pentadbiran sahaja. Di dalam setengah-setengah kes, keputusan ini hanya memberi kesan yang sementara. Di kebanyakannya, ia membesarkan kedua-dua pihak yang terlibat untuk mengemukakan pendapatnya dan ulasan mereka terhadap tindakan-tindakan yang diambil. Pada pandangan kita, tidak perlulah diwujudkan badan rayuan selanjutnya. “Fasal muktamad” yang sedemikian telah sedia wujud di dalam seksyen 17 (4) Ordinan sekarang.

Saya mesti menegaskan di sini bahawa bukanlah tujuan Kerajaan supaya tindakan kuasa eksekutif yang tidak betul dan melanggar undang-undang diberi perlindungan dan kekal di luar daripada kuasa kehakiman Mahkamah negara ini. Kuasa-kuasa kehakiman Mahkamah itu, saya tahu dan percaya, akan terus dikekalkan di dalam sistem perundangan dan perlembagaan kita. Apa yang kita hendak pastikan ialah bahawa pengawalan dengan betul kuasa-kuasa yang

diberi oleh Parlimen kepada Eksekutif sepatutnya tidak seharusnya menjadi sasaran cemoohan dan cabaran, kerana ia dengan sendiri bertentangan dengan tujuan asal Parlimen membuat Undang-undang tersebut.

Inilah tujuan sebenarnya, tidak lebih dari itu. Saya bercadang di peringkat jawatan-kuasa, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengemukakan pindaan-pindaan kepada fasal-fasal ini supaya membolehkan tujuan ini diterangkan dengan jelasnya.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bolehlah dengan secara jujur menyatakan bahawa pindaan-pindaan ini adalah hasil daripada pemeriksaan yang mendalam dan teliti terhadap Ordinan Kesatuan Sekerja 1959, Akta Kesatuan Sekerja 1969, dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang mana peruntukan-peruntukan telah berada bersama dalam beberapa tahun yang lampau dalam konteks masyarakat kita yang berubah dengan pesatnya. Kita telah menimbang berbagai-bagai fasal dalam undang-undang ini dari segi keperluan mereka, dari segi kepentingan negara dan dari segi kepentingan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam perhubungan perusahaan. Kita telah berpandukan kepada pengalaman dan keperluan masa hadapan, membuat beberapa peruntukan-peruntukan yang tertentu yang lebih longgar dan memperuntukkan beberapa kuasa simpanan untuk menghadkan kemungkinan yang tertentu.

Dalam secara jujur Kerajaan boleh menyatakan bahawa kita telah bertindak secara jujur dan telah menimbangkan kepentingan tenaga buruh kita dengan sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah membincangkan pindaan ini di dalam mesyuarat-mesyuarat tiga pihak Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan, di peringkat Jawatankuasa dengan pihak-pihak pekerja dan majikan dan di dalam dua sesi penuh Majlis tersebut. Beberapa pandangan yang berguna daripada pergerakan pemuda UMNO, pergerakan pemuda MCA dan pergerakan pemuda MIC telah juga diberi pertimbangan sepenuhnya. Terdapat berbagai pandangan dari para-para akademik, pemimpin masyarakat, politik yang juga diberi pertimbangan yang wajar. Majlis Jawatankuasa Agong MTUC telah juga berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membentangkan kes mereka. Kesemua yang lahir daripada perbincangan

ini adalah merupakan panduan kepada Kerajaan, dan Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas usaha-usaha mereka masing-masing. Usaha-usaha ini tidaklah menjadi kehampaan. Beberapa cadangan yang sedemikian sebenarnya telah diterima di dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan. Sesungguhnya, walaupun di peringkat yang akhir-akhir ini selepas Rang Undang-undang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan terus sanggup menerima cadangan-cadangan yang membina. Hasil dari ini sebagaimana yang dinyatakan dahulu tadi, beberapa pindaan akan dibuat lagi terhadap Rang Undang-undang ini, yang akan dibentangkan di Peringkat Jawatan-kuasa lewat mesyuarat ini.

Oleh yang demikian Kerajaan adalah dengan bangganya menyatakan di sini bahawa pertumbuhan pergerakan Kesatuan Sekerja yang berterusan tidak akan menghampakan dan tidak akan menjejaskan kelulusan Rang Undang-undang ini. Sesungguhnya dengan lulusnya Rang Undang-undang ini akan terdapat peraturan-peraturan yang lebih baik di dalam aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja kita. Kita juga akan melihat di tahun-tahun akan datang Kesatuan-kesatuan Sekerja Malaysia yang lebih ber-tenaga dan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.54 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, sungguhpun satu notis yang rasmi telah dihantar kepada Setiausaha Dewan Rakyat mengenai cadangan pindaan saya kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan petang ini.

Tuan Speaker, tadi kita ada mendengar berlagi alasan dan kenyataan telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tentang sebab musabab

Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja ini perlu diadakan.

Tuan Speaker, saya fikir perlulah kita mempunyai satu fikiran yang rasional untuk membahas Rang Undang-undang yang begitu mustahak yang mungkin akan membawa satu risiko yang serius terhadap pergerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia hari ini.

Dari pintu gerbang masuk ke Dewan Rakyat kita semua boleh dapati bahawa bagaimana reaksi kemarahan naluri daripada kaum pekerja yang berkumpul di depan bangunan Dewan Rakyat untuk menunjukkan bahawa perasaan mereka terhadap pindaan Rang Undang-undang ini. Memang Kerajaan mempunyai satu motif untuk meminda Rang Undang-undang ini tetapi bolehkah peristiwa pertikaian MAS/AEU ini dijadikan sebagai pengajaran untuk membalas dendam terhadap pergerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia hari ini. Satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan ialah Rang Undang-undang ini adalah diadakan untuk mempertekan dan membalas dendam daripada pengajaran yang mereka pelajari daripada pertikaian di antara MAS/AEU. Tuan Speaker, sebab itu Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat ada mempertikaikan bahawa bagaimana memerseimbangkan kedudukan kapital dan buruh. Memang ini adalah satu keadaan yang rumit bagi Kerajaan untuk memerseimbangkan. Tetapi dari rekod, dari sejarah pergerakan Kesatuan Sekerja, Malaysia kita boleh dapati bahawa tidak pernah setiap pindaan undang-undang yang diadakan terhadap Undang-undang Buruh di Malaysia hari ini adalah pro pekerja kita. Semuanya boleh dikatakan adalah anti kaum pekerja, anti Kesatuan Sekerja sungguhpun kenyataan Yang Berhormat Menteri telah menafikan kenyataan daripada pihak MTUC dan orang ramai bahawa katanya Rang undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah tidak anti Kesatuan Sekerja. Kita lihat fasal demi fasal. Umpamanya Fasal 12 Seksyen 18 dan 39. Ini telah menunjukkan bagaimana Kerajaan cuba melalui satu pindaan undang-undang terhadap Ordinan Kesatuan Sekerja untuk memberi kuasa kepada Menteri yang mempunyai hak muktamad untuk mengekalkan untuk memutuskan masa depan dan nasib Kesatuan Sekerja pada masa yang akan datang.

Tuan Speaker, kedudukan dan kuasa yang ada pada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menunjukkan bahawa Menteri adalah sebagai seorang super judge, kedudukannya lebih tinggi daripada mahkamah untuk menjahanamkan kebebasan pergerakan Kesatuan Sekerja. Di manakah perginya prinsip rule of law, dimanakah prinsip natural justice.

Tuan Speaker, saya rasa sangat keciwa melihat hari ini kerana hari ini adalah merupakan satu hari yang bersejarah bagi Kesatuan Sekerja di Malaysia khasnya bagi kaum pekerja. Mereka yang merasa satu pukulan yang sangat hebat akan tertimpa pada nasib mereka. Bolehkah pindaan ini akan memperlindungi kepentingan kaum pekerja?

Tuan Speaker, kalau di bawah fasal-fasal yang kita halusi hari ini juga kita boleh lihat juga kuasa yang diberikan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja. Memang di bawah Akta ini berbagai alasan boleh diberikan untuk membatalkan dan menghapuskan satu-satu Kesatuan Sekerja. Juga boleh menolak sesuatu permohonan pendaftaran Kesatuan Sekerja. Sungguhpun satu Seksyen diperuntukkan bagi pihak yang berkenaan untuk merayu tetapi bila kuasa rayuan sampai kepada Menteri maka "mampuslah" nasib mereka. (*Ketawa*)

Kalaulah katanya pergerakan kesatuan sekerja ini perlu dipisahkan daripada politik, saya hendak bertanya di mana logiknya bahawa bukannya Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sebagai politikus. Bukankah Menteri sebagai seorang politikus ini yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal kesatuan sekerja? Di mana boleh politik dipisahkan daripada kesatuan sekerja, mana logiknya? Kalau kesatuan sekerja (trade union movement) perlu dipisahkan daripada politik, maka ianya tidak sesuai diletak di bawah tanggungjawab seorang Menteri yang terdiri daripada politikus. Kalaulah trade union terletak di bawah jagaan seorang Menteri yang berkedudukan politikus maka bolehkah pengaruh politik dapat dibebaskan daripada urusan kesatuan sekerja. Saya harap Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat boleh

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong tunggu sebentar.

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Untuk penjaslankah atau apa?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya minta penjelasan sekiranya diberi jalan.

Tuan Chan Teck Chan: Kali ini saya minta maaf kerana masa tidak mengizinkan. Itulah saya katakan, Kerajaan membuat satu dasar, membuat satu kenyataan bahawa kesatuan sekerja perlu dipisahkan atau diasingkan daripada politik tetapi dia sendiri yang mencampuri politik dan mencampuri kesatuan sekerja. Sebenarnya Menterilah yang akan mentadbirkan nasib dan masa depan pergerakan kesatuan sekerja. Sebab itu alasan yang katanya pindaan ini ialah cuba mengasingkan pergerakan kesatuan sekerja daripada politik ini langsung tidak boleh diterima oleh masyarakat negara kita. Ini hanya sebagai helah daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional yang cuba menekan dan memampuskan pergerakan kesatuan sekerja.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan atau

Tuan Hussein bin Mahmood: On a point of order.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: On a point of order, ya.

Tuan Hussein bin Mahmood: On a point of order 36 (4). Saya ingin minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada perkataan "mampus" atau "memampuskan" itu bahasa biadap ataupun tidak. (*Tepuk*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam perkataan "mati" atau "mampus" kelaziman yang saya tengok dalam Dewan ini, oleh kerana kurangnya kepintaran menggunakan bahasa, kadang-kadang ada masanya perkataan-perkataan yang digunakan itu salah ataupun tidak menepati jikalau kita ikut

betul-betul kamus, tetapi memandangkan bahawa keadaan dalam Dewan ini kadang-kadang berkehendakkan kita ini bertolak ansur dalam menggunakan bahasa, maka dari segi konteksnya ucapan itu maka perkara itu saya tidak kira biadap. Teruskan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, saya memang merasa keciwa dan hari ini adalah merupakan hari negara bagi kaum pekerja kita. Sebab itu saya, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Peraturan 53 (4) ingin sekali mencadangkan satu pindaan kepada Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja yang telah dibentangkan bagi Bacaan Kali Yang Kedua sekarang ini digantikan dengan perkataan-perkataan "iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua enam bulan dari hari ini", iaitu perkataan "sekarang" ditinggalkan dan diganti dengan perkataan "enam bulan dari hari ini".

Alasan-alasan bagi pindaan tersebut yang dicadangkan ini adalah seperti berikut:

- (1) Memandangkan Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu pindaan yang sangat serius yang menjejaskan prinsip kebebasan pergerakan kesatuan sekerja, semangat demokrasi perindustrian (spirit of industrial democracy) dan Rule of Law serta mecerobohi hak asasi kaum pekerja sehingga membawa-kan satu konfrantasi di antara pihak kesatuan sekerja, majikan dan Kerajaan.
- (2) Memandangkan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28-3-80 selepas Yang Amat Berhormat mengadakan perjumpaan dengan MTUC, bahawa Yang Amat Berhormat sendiri adalah mengakui. Saya quote ". some of the points raised by them were valid and due consideration would be given to them when the Cabinet meets on Wednesday. If they are accepted by the Cabinet they will be put up as amendments to the Bills when they come up for debate in Parliament on April 3 and 4" Nampaknya, pindaan-pindaan yang dicadangkan hari ini adalah terburu-buru dan perlu diperlengkapkan bukan sahaja dalam mesyuarat Kabinet, tetapi

juga diperlengkapkan dalam peringkat Kementerian Buruh sendiri sebelum ianya dibentangkan untuk pertimbangan di Dewan yang mulia hari ini.

Memandangkan negara hari ini tidak menghadapi apa-apa keadaan emergency yang memerlukan Rang Undang-undang ini dijenterakan (bulldoze,) melalui menyalahgunakan majoriti kerusi Barisan Nasional yang ada di Dewan ini, maka Rang Undang-undang ini perlulah dikaji dengan lebih mendalam dan menyeluruh serta diperlengkapkan dengan dibentangkan ke NJLAC terlebih dahulu untuk perbincangan ketiga-tiga pihak yang berkenaan. Bila ianya dipersetujui di NJLAC dan Kabinet barulah ianya perlu dibentangkan di Dewan ini. Cara pembentangan ini akan dapat mengelakkan berlakunya keadaan kebuntuan (deadlock) yang dialami sekarang. Sebaliknya, Rang Undang-undang ini hanya dibentangkan ke NJLAC dua kali sahaja, maka pertimbangan dan perundingan yang sewajarnya masih belum lagi diadakan dengan mencukupi.

- (3) Demi kepentingan keharmonian perusahaan dan kestabilan pembangunan sosio-ekonomi dan politik negara kita, maka satu tempoh 6 bulan adalah sangat-sangat diperlukan bagi ketiga-tiga pihak, iaitu kesatuan sekerja, majikan dan Kerajaan untuk memecahkan kebuntuan perundingan hari ini supaya satu penyelesaian (solution) yang sempurna dapat ditemui sebelum Rang Undang-undang ini dicadang dan dibahaskan dalam persidangan Dewan hari ini. Saya merayu serta mencadangkan Rang Undang-undang ini ditangguhkan selama 6 bulan untuk dibentangkan, supaya keadaan kepentingan perusahaan hari ini dapat disejukkan juga pergerakan trade union negara kita ini tidak akan dilumpuhkan dan pemimpin-pemimpin trade union tidak dieunuchkan (eunuch) untuk memperlindungi kepentingan kaum pekerja.

Terima kasih (*Tepuk*).

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa usul ini dipinda, iaitu usul asal yang berbunyi:

“Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang”, ini dipinda kepada perkataan “enam bulan dari hari ini”.

Sekarang terbuka untuk dibahaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.09 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menentang usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka sekejap tadi berdasarkan beberapa pendapat. Yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini yang bertanggungjawab untuk mengemukakan Rang Undang-undang pada hari ini telah mengambil masa yang lama, setakat yang saya difahamkan Rang Undang-undang ini telah difikirkan, telah disemak dan diteliti oleh semua pihak yang berkenaan tidak kurang daripada tiga tahun. Maka dengan hal yang demikian, maka tidak lojikkah, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ditangguhkan walaupun sehari lagi selepas pada hari ini apatah lagi untuk diminta selama 6 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak NJLAC telahpun diberi dua kali dalam mesyuarat penuhnya untuk menimbangkan perkara-perkara yang terdapat di dalam pindaan-pindaan ini di samping mereka juga tidak kurang daripada sebelas kali telah diberi peluang untuk membincang di dalam standing committee yang mana kesemuanya itu seperti mana yang saya telah sebutkan awal-awal tadi telah memakan masa kira-kira tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan Malaysia yang serba membangun, serba mencabar dan serba menghadapi perkembangan di rantau ini tiap-tiap sesuatu tindakan yang hendak dibuat itu tidak boleh ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu pihak Kerajaan kita khasnya melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bermurah hati untuk berhadapan, bertemu muka dan mendengar pendapat-pendapat daripada pihak-pihak yang kita anggap mewakili

sebahagian besar daripada ahli-ahli kesatuan sekerja di negara ini. Kalau tak silap saya Yang Amat Berhormat dua kali telah menemui wakil-wakil mereka ini, yang pertama pada 25hb Mac dan yang kedua pada 28hb Mac, 1980. Hasil daripada perjumpaan-perjumpaan ini telah diakui oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sekejap tadi telah menghasilkan beberapa pindaan-pindaan atau telah menghasilkan beberapa inspirasi untuk pindaan-pindaan selanjutnya yang mana akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap lagi di dalam peringkat Jawatankuasa.

Jadi dengan ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya tidak perlu Rang Undang-undang ini ditangguhkan walaupun sehari apatah lagi selama 6 bulan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab tidak ada lagi perbahasan maka sekarang saya akan kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang ini saya minta Ahli Yang Berhormat dari Damansara teruskan perbahasan.

5.13 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, telah lama kita dengar dekat 1½ jam macammana mahu jual ubat dalam negara kita. (*Ketawa*). Ini saya sudah dengar selalu, lama dahulu, bukan baru. Ada satu peribahasa (proverb) saya hendak sebut: Berbau wangi bunga jasmin. Serupa juga kalau dalam taman kita ataupun taman Barisan Nasional, tidak boleh lain. Bau wangi itu serupa juga bunga jasmin, mana dia tidak nampak pun. Berapa lama kita sudah jumpa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, kita beritahu macammana negara kita boleh rosak ataupun Rancangan Malaysia Ketiga boleh rosak kalau mesyuarat ini luluskan pindaan itu. Sebab hari ini kaum pekerja bukan datang dari bandar tetapi pekerja luar bandar masuk ke bandar. Kilang-kilang baru siap yang masuk bekerja? Orang-orang luar bandar, orang-orang kampung yang masuk bekerja. Ini undang-undang, boleh dikatakan kita beri tali gantung kepada orang yang masuk kilang-kilang baru yang datang dari kampung-kampung.

Saya sudah lama dalam kesatuan tetapi saya tidak nampak seorang Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat membawa pindaan macam itu. Kita tidak boleh tahu barangkali Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga yang baru tidak suka duduk lama atas jawatan Menterinya, barangkali beliau mahu hapuskan kesatuan-kesatuan kemudian beliau mahu lepaskan jawatan itu.

Walau macammanapun, Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya, bila saya kata rakan-rakan, saya nampak muka ini ada juga ramai yang datang daripada luar bandar mewakili pekerja tetapi tidak mahu tunjuk dalam Dewan ini.

Macammanapun, semenjak merdeka kaum pekerja negeri ini telah tertakluk kepada berbagai penyangkalan melalui kuatkuasa perundangan. Harapan untuk meninjau kecerahan hidup dari kegelapan telah menjadi hancur lebur kerana Kerajaan tidak bersedia untuk mengatasi masalah pokok yang dihadapi oleh kaum pekerja dari kacamata kebangsaan. Zaman pemerintah koloni Inggeris telah mengikat dan membelenggu pergerakan Kesatuan Sekerja di dalam enakmen 1940 yang mana banyak dipengaruhi dengan gaya dan corak pentadbiran Inggeris. Perundangan yang dibekalkan mengandungi terlalu banyak bentuk dan langkah penyesatan yang menjadi amalan Koloni Inggeris dalam mana Malaya juga tidak terkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, kaum pekerja menaruh harapan yang tinggi untuk menikmati era yang baru pada menjelang 31hb Ogos, 1957. Akan tetapi harapan itu diselubungi dengan awan mendung yang gelap gelita. Apa yang dihadapi oleh kaum pekerja ialah kekecewaan, kehampaan dan kesal yang berlarutan kerana harapan itu hanya tinggal suatu impian disebabkan tindak tanduk dan sikap Kerajaan terhadap kaum pekerja. Seperkara yang lebih dikesalkan ialah keseluruhan tenaga kaum pekerja turut berganding bahu memperjuangkan kemerdekaan sebuah negara tetapi kemudiannya terus diketepikan.

Hasil dari perjuangan yang membawa ke arah tercapainya Kemerdekaan hanya menjadi satu syurga idaman kepada golongan yang berada. Kaum pekerja yang berkorban telah langsung tidak dihiraukan malahan diketepikan begitu saja oleh negara yang dicintainya.

Tuan Yang di-Pertua, kaum pekerja yang tersusun telah menerima tamparan hebat yang pertama dalam tahun 1959 semasa apa yang

disebutkan sebagai sebuah Kerajaan yang merdeka dan berdaulat dan bebas dari pengaruh fahaman koloni dan imperialis memperkenalkan Ordinan Kesatuan Sekerja 1959, pada 23hb April, 1959 di dalam Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) pada ketika itu sebagai menggantikan Enakmen Kesatuan Sekerja 1940. Penggantian ini menghancurkan harapan dan keyakinan kaum pekerja pada keseluruhannya kerana ia mengandungi perbekalan-perbekalan yang lebih buruk dan menyekat dari yang terdapat di dalam Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 yang wujud di zaman pemerintahan Inggeris.

Semenjak dari tarikh itu fungsi Kesatuan Sekerja terus disekat dengan teratur oleh jentera pentadbiran. Ketika Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 di perkenalkan di dalam Majlis Perhimpunan Perundangan Persekutuan, Encik K. V. Thaver, ketika itu Setiausaha Agung Majlis Kesatuan Sekerja Malaya telah membuat ulasan-ulasan yang berikut di Majlis Perhimpunan itu:

(Dengan izin) "I shall, for the information of the House, quote ILO Convention No. 87 to show how far we have conceded to bring this Ordinance into being:

"The ILO Convention No. 87 is not likely to be ratified by the Federation of Malaya Government for several reasons. The provisions in the law for compulsory registration is certainly contrary to Article 2, which require that workers and employers should be completely free to join organisations of their own choosing; to Article 3 which required that workers' and employers' organisation should be completely free to draw up their own Constitutions and to run their affairs as they thought fit and without any intervention from the authorities; and to Article 4 which required that workers' and employees' organisations should not be liable to be dissolved or suspended by administrative authority."

"It is unfortunate that circumstances do not permit pressures to be brought to bear for the removal of the restrictions of the freedom of association embodied by the provisions in the law. In the light of development, the Malaysian Trade Union Congress would later agitate for the ratification of ILO Convention No. 87 but they fully realise that they cannot agitate for ratification at the present time."

"The Malaysian Trade Union Conference Council is not happy with the provisions embodied in the Trade Union Ordinance 1959, and I must emphasise that it has accepted them in good faith as a temporary measure. We hope to be in a position later, in the future, to declare that ILO Convention 87 could be safely ratified."

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Darurat yang diperkenalkan pada 2hb Jun 1948 telah dibatalkan dalam tahun 1960 dan digantikan oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), 1960. Hak untuk menangkap dengan sewenangnyanya dan menahan tanpa perbicaraan telah menjadi seperkara yang tetap di dalam Perlembagaan negeri ini. Selanjutnya Akta ini telah menanam rasa bimbang dan takut di dalam pemikiran kaum pekerja yang tertindas bahawa sebarang langkah untuk menyuarakan hak-hak mereka akan menuju ke arah penangkapan sewenang dan penahanan tanpa perbicaraan seperti yang terdapat di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ordinan yang mengelirukan kaum pekerja yang tersusun, berlaku pula peristiwa perkauman pada 13hb Mei, 1969 yang hanya tertumpu di kawasan Kuala Lumpur. Akan tetapi hasil dari situasi yang buruk itu, Kerajaan telah mengambil kesempatan untuk menyangkal keadilan pada kaum pekerja melalui pengisytiharan Peraturan-peraturan Darurat. Berikutan dari Peraturan Darurat ini, dan dengan ketiadaan Parlimen, maka pada 9hb Oktober, 1969, perubahan-perubahan yang drastik telah dilakukan pada Undang-undang melalui proses diskriminasi. Meskipun pemberitahu warta mengikut arahan-arahan yang berikutan dengan menjanjikan bahawa "status quo" akan dikembalikan semula sebaik saja Peraturan-peraturan Darurat dibatalkan, akan tetapi Kerajaan telah dengan sengaja enggan mematuhi janjinya. Saya minta izin untuk quote—

EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS)
ORDINANCE, 1969

ESSENTIAL (MODIFICATION OF THE TRADE
UNIONS) (EXEMPTION OF PUBLIC OFFICERS)
ORDER, 1967 REGULATIONS, 1969

"Citation. 1. These regulations may be cited as the Essential Modification of the Trade Union (Exemption of Public Officers) Order, 1967 Regulations 1969.

Modifica-
tion P. U.
448.67.

For so long as the Emergency is in force, the Trade Union (Exemption of Public Officers) Order 1967, shall have effect subject to the modifications set out in the Schedule hereto.

ESSENTIAL (TRADE UNIONS) REGULATIONS
1969

Citation. 2. These regulations may be cited as the Essential (Trade Unions) Regulations 1969.

Amend-
ments of
Trade
Unions
Ordinance
23/59.

For so long as the Emergency is in force the Trade Union Ordinance 1959, shall have effect subject to the amendments made thereto specified in the Schedule hereto".

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan pada Undang-undang Buruh ini mengembalikan keadaan 20 tahun yang silam. Berbagai bentuk penyekatan telah dikenakan ke atas fungsi-fungsi dan aktiviti-aktiviti Kesatuan Sekerja. Bersabit dengan undang-undang ini kaum pekerja telah melancarkan serangan yang pahit dan bertindak mendesak penarikan dan pembatalannya.

Tuan Yang di-Pertua, pukulan terakhir yang ditamparkan ke atas kaum pekerja berlaku pada 9hb Oktober 1969. Ini telah menghancurkan sama sekali pertubuhan dan kemajuan demokratik pergerakan Kesatuan Sekerja. Sekatan ke atas kebebasan asasi individu dan kebebasan sivil yang merupakan asas bentuk perjalanan Kesatuan Sekerja telah digugat dengan hebatnya oleh Kerajaan. Kehancuran dari kekejaman yang dikenakan terhadap pergerakan Kesatuan Sekerja kini meninggalkan satu parut yang kekal di hati sanubari buruh yang tersusun.

Keadaan darurat telah lama berlalu. Akan tetapi undang-undang yang diperkenalkan semasa kemuncak kehebatan darurat tetap wujud dan tidak ditarik balik. Sama ada disadari ataupun tidak, sama ada di sengaja ataupun tidak, undang-undang Buruh yang dipinda secara meluas dan tergesa-gesa 9hb Oktober 1969 tetapi dikekalkan. Hingga dewasa ini, Kerajaan tidak berusaha malahan jauh sekali dari memberi alasan yang wajar tentang perlunya diwujudkan pindaan-pindaan buruh yang terkandung di dalam Warta Pemberitahu 9hb Oktober 1969, ini ialah kerana ia jelas menyarankan bahawa selagi darurat berterusan, kaum buruh yang tersusun akan menjadi mangsa pindaan-pindaan yang kejam itu.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan tindakan memperkenalkan pindaan-pindaan pada Undang-undang Buruh yang sedang dijalankan khususnya pada Ordinan Kesatuan Sekerja, DAP kuat mempercayai bahawa keranda yang telah disediakan bagi menghancurkan buruh yang tersusun di dalam negara yang sedang membangun ini akhirnya siap dipaku bagi memastikan kelenyapannya. Di dalam meneliti dan mengkaji 2 set pindaan-pindaan pada Undang-undang Buruh itu, kami penuh yakin bahawa sesiapa saja yang berfikiran waras nescaya menyedari bahawa kehancuran pergerakan Kesatuan Sekerja akhirnya berjaya dicapai dengan kejam.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mari kita beri pandangan menyeluruh ke atas pindaan-pindaan itu. Ordinan Kesatuan Sekerja — pindaan-pindaan pada undang-undang itu adalah bertujuan menjadikan pergerakan buruh yang terorganais lumpuh sama sekali dan tidak berupaya menjalankan fungsi-fungsi biasanya yang sepatutnya merupakan fungsi-fungsi yang sah. Bahagian-bahagian yang tertentu dari pindaan-pindaan itu memberikan kuasa-kuasa bebas sewenangnyanya kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa yang sedemikian adalah jauh mengatasi amalan-amalan biasa keadilan dan menjejaskan malahan seolah-olah mempersendakan kuasa-kuasa keadilan kehakiman yang dikira sebagai bebas dengan kuasa mutlak sepenuhnya.

Selepas 22 tahun merdeka Pendaftar Kesatuan Sekerja masih lagi dilengkapi dengan kuasa-kuasa yang berleluasa dalam mana beliau diperuntukkan hak untuk memutuskan nasib kesatuan-kesatuan sekerja. Ahli-ahli yang menganggotai pergerakan kesatuan sekerja telah menjadi hilang kerana telah dilumpuhkan dengan penyerahan kuasa-kuasa yang diperuntukkan pada Pendaftar Kesatuan Sekerja yang mempunyai ketinggian kuasa mengatasi perlembagaan mana-mana kesatuan.

Di samping itu Pendaftar Kesatuan-kesatuan Sekerja berkeadaan untuk menyelaraskan fungsi-fungsi Kesatuan Sekerja malahan dibolehkan merumus tujuan-tujuan dan matlamat-matlamatnya.

Seksyen 25A dari pindaan-pindaan itu menyebut:

“Kesatuan Sekerja dan ahli dari mana-mana Kesatuan Sekerja tidak boleh pergi mogok atau mengisytiharkan satu lock-out.”

Seksyen-kecil (a):

“Tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga dari jumlah ahli dari kesatuan sekerja yang terlibat dan layak mengundi dengan undi sulit.”

Seksyen-kecil (b):

“Sebelum tamat tempoh tujuh hari setelah menfailkan dengan Pendaftar, keputusan undi sulit yang sedemikian.”

Syarat-syarat ini telah disarankan ke atas Kesatuan untuk mendapatkan sokongan dua pertiga dari ahli-ahli dalam mana satu majoriti sudah mencukupi. Keadaan ini jelas diperhitungkan untuk menghalang keputusan di atas tindakan perusahaan dalam memperjuangkan tuntutan-tuntutan kesatuan. Kerumitan teknik ini telah ditambah dengan satu lagi pindaan iaitu kiranya kesilapan dilakukan dalam mematuhi keperluan teknik yang mengelirukan itu, maka kesatuan akan dipersalahkan dan boleh didenda tidak melebihi \$2,000 dengan satu denda selanjutnya sebanyak \$100 bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan. Seksyen itu menjangkau kepada mana-mana pekerja yang menyertai di dalam suatu pemogokan yang sedemikian tidak layak untuk meneruskan keahliannya. Pindaan itu bertujuan untuk membantutkan tindakan perusahaan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Pendaftar Kesatuan Sekerja memainkan peranan sebagai kuasa tertinggi di dalam menentukan tindakan-tindakan menghukum terhadap kesatuan sekerja. Di atas kedudukan beliau ialah Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang mana setelah mengemukakan rayuan, merupakan penimbangtara yang terakhir dalam mana keputusannya tidak boleh ditentang di dalam mana-mana mahkamah perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, tamparan terakhir telah pun dikenakan dan perjalanan biasa keadilan dilenyapkan dalamana terdahulunya

Kesatuan-kesatuan Sekerja bebas untuk mendapatkan perbaikan penyelesaian kehakiman. Tidak perlu disarankan bahawa Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang dilantik oleh parti politik yang berkuasa, adalah condong ke arah tujuan politik di mana beliau boleh menganiaya, melumpuh dan menghancurkan lawan politik yang difikirkannya membahayakan kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua, kami dari DAP menyatakan bahawa Kerajaan yang memerintah pada hari ini, bersenjatakan satu perlembagaan sebagai alat kemudahannya, menikmati kata pemutus di dalam semua perundangan dan perkara eksekutif, khususnya di dalam memperuntukkan perundangan Draconian yang berat sebelah yang mana memberikan para majikan cemeti untuk digunakan terhadap pekerja dan pertubuhan mereka yang sah. Tuan Yang di-Pertua, pemberian kuasa yang meluas kepada seorang pemimpin politik adalah sangat membahayakan kerana ia memberikan senjata kepadanya untuk menghentam pekerja-pekerja yang telahpun terancam. Selain dari itu ia membantukan kaum kapitalis, majikan yang mementingkan keuntungan dan dengan itu memenuhkan motif-motif politiknya.

Seksyen (39)—mencadangkan bahawa Pendaftar boleh:

“(a) Jika beliau berpuas hati bahawa mana-mana peraturan sesebuah Kesatuan Sekerja itu tidak mencukupi, meragukan, atau kemungkinan mengelirukan, atau ia berlawanan dengan atau tidak konsisten dengan perbekalan-perbekalan dari Ordinan atau peraturan ini;

(b) Di mana Kesatuan Sekerja berjalan tanpa cawangan dan pada hemat beliau bahawa adalah perlu atau diinginkan bagi kepenting Kesatuan Sekerja itu atau ahlinya yang Kesatuan Sekerja itu patut menubuhkan cawangan;

mengarahkan Kesatuan Sekerja itu untuk meminda peraturannya mengikut masa yang akan ditentukan.”

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kesatuan Sekerja gagal mematuhi arahan Pendaftar maka beliau boleh meminda peraturan-peraturan itu mengikut budibicaranya sendiri dan pindaan yang demikian akan dikira sebagai suatu pindaan yang berdaftar

dan pendaftar akan memberitahu pindaan yang dibuat itu kepada Kesatuan Sekerja yang berkenaan.

Pendaftar Kesatuan Sekerja atau Timbalannya adalah berhak untuk memasuki premis mana-mana Kesatuan Sekerja untuk memeriksa dokumen-dokumen yang pada hemat beliau perlu diperiksa dan beliau juga berhak untuk memanggil saksi-saksi untuk memberi keterangan atas mana-mana perkara yang difikirkannya perlu. Kuasa-kuasa meluas sebenarnya menjadikan beliau seorang pendakwah.

Seksyen 12 (3)

Pindaan itu adalah serupa di mana Malaysia telah mengisytiharkan sebuah kesatuan tidak sah Pendaftar boleh juga enggan mendaftarkan Kesatuan itu. Satu lagi sebab tambahan ialah jika nama sesebuah Kesatuan Sekerja itu didapati menyerupai dengan yang lain dan jika nama yang sama ditukar kepada sesuatu yang diterima oleh Pendaftar, beliau boleh mendaftarkan nama itu.

Seksyen 13

Satu sijil pendaftaran adalah keterangan yang konklusif kecuali jika dibatalkan. Pindaan itu sekarang termasuk bahawa sekiranya ia ditarik balik, sijil itu akan terhenti dari berkuasa. Ini adalah cara untuk menghentikan sebuah Kesatuan dari menjadi sebuah Kesatuan jika pendaftar menarik balik sijil.

Seksyen 17 (4)

Seksyen lain, perbekalan-perbekalan itu bertujuan untuk menghalang keputusan-keputusan yang dibuat oleh Menteri di atas pembatalan sijil pendaftaran dari dibawa ke Mahkamah Keadilan biasa (common Law Courts) dengan merayu melalui proses perundangan certiorari, prohibition, mandamus atau injunction.

Seksyen 18 (A)

Seksyen yang baru ini memberikan Menteri kata pemutus yang sepenuhnya untuk mengisytiharkan sesebuah Kesatuan tidak sah jika pada hemat beliau ia digunakan bagi tujuan merugikan atau tidak sejajar dengan kepentingan dan keselamatan negara atau ketenteraman awam. Dalam hubungan ini perintah Menteri boleh berkuatkuasa serta merta tanpa perlu diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, di mana perintah yang sedemikian dibuat, maka sijil pendaftaran bagi kesatuan itu akan dibatalkan dan kesatuan yang berkenaan tidak boleh memohon pendaftaran semula. Perintah Menteri yang mengisytiharkan sesebuah kesatuan tidak sah tidak boleh ditentang di dalam mana-mana Mahkamah "Common Law" di bawah perjalanan certiorari, prohibition, mandamus atau injunction. Ini merupakan suatu pindaan serius yang membawa kaedah buruk yang berpanjangan.

Seksyen 27 (2)

Ahli-ahli dari Perkhidmatan Awam boleh dikecualikan dari perbekalan Seksyen Kecil (1) yang melarang pegawai-pegawai awam dari menjadi ahli Kesatuan Sekerja oleh Yang di-Pertuan Agong akan tetapi bagi mereka dalam kategori Superscale "F" dan ke atas adalah dilarang menganggotai Kesatuan Sekerja. Bagi mereka di dalam Superscale "G" dan ke bawah, mereka diperlukan untuk memperolehi kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah dan tertakluk pada syarat-syarat yang akan dikenakan oleh beliau.

Seksyen 29 (3)

Seksyen ini membekalkan rayuan kepada Menteri atas keputusan-keputusan yang dibuat oleh Pendaftar bersabit dengan pekerja-pekerja Kesatuan Sekerja. Keputusan Menteri adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh ditentang melalui certiorari, prohibition, mandamus atau injunction.

Seksyen 64 (3)

Pendaftar mempunyai kuasa untuk menyaman, mentadbir sumpah dan membuat mereka menjawab soalan-soalan. Akan tetapi orang-orang yang berkenaan, kecuali di mana jawapan-jawapan itu tidak benar, boleh menyebabkan orang itu ditahan atau pendakwaan jenayah bagi sebarang kenyataan yang dibuat.

Seksyen 64 (2)

Di bawah Seksyen ini Pendaftar boleh masuk ke dalam bangunan Pejabat untuk mendapatkan maklumat di atas semua perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya dan menjalankan pemeriksaan, mengambil artikel-artikel dan dokumen dan lain-lain barang di pusat itu.

Seksyen 71

(i) Melarang penubuhan badan-badan perundingan sama ada di Malaysia atau di luar negeri kecuali dengan kebenaran Pendaftar. Bagaimana pun jika badan perunding itu memperjuangkan tujuan-tujuan seperti:

- (a) Peraturan/Penyelarasan hubungan di antara para majikan dan pekerja;
- (b) Perwakilan pekerja atau majikan di dalam Pertikaian Perusahaan; atau
- (c) Memperjuangkan mogok atau lock-out melalui bantuan kewangan atau bayaran kaedah pada ahli-ahli.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen yang di atas, Pendaftar boleh untuk tidak membenarkan pergabungan dengan sesebuah pertubuhan antarabangsa Kesatuan Sekerja.

Pindaan-pindaan pada Ordinan Kesatuan Sekerja sebenarnya telah menarik keupayaan fungsi Kesatuan Sekerja dan ahli-ahlinya. Konvensi ILO No. 87 di atas kebebasan berpesatuan telah dengan jelas mencatatkan prinsip-prinsip yang luhur dan prinsip-prinsip ini telah dinodai dengan begitu rupa melalui berbagai bentuk pindaan yang berlawanan pada Konvensi ini dan menjadikan pergerakan Kesatuan Sekerja sebagai suatu institusi yang tidak bermaya, yang tertekan oleh perundangan yang menyekat. DAP dengan sekuatnya menyuarakan rasa kesal dan sesungguhnya menentang pindaan-pindaan yang dibentangkan di Dewan ini yang bertujuan untuk menyiksa kaum pekerja yang miskin lagi lemah dan tidak bermaya.

Sebagai suatu ganjaran kepada para majikan, izinkan saya memohon budi bicara Dewan yang mulia ini untuk mengetahui dengan sebenarnya sama ada menjadi keinginan Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali pergerakan Kesatuan Sekerja. Dengan yang demikian dapat memuaskan para penggubal undang-undang negara ini bahawa Kesatuan-kesatuan telah ditutup atau dilumpuhkan sama sekali atau dileburkan sehingga mereka boleh menyuarakan pada dunia sejagat bahawa Malaysia tidak lagi mempunyai sebarang bentuk masalah perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, saya dengan hormat takzim menyatakan kepada Dewan ini bahawa dengan pemberian kuasa-kuasa yang menekan, menindas dan keras ke atas Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan eksekutif utamanya, Pendaftar Kesatuan Sekerja, maka hukuman mati telah dikenakan ke atas pergerakan buruh yang bebas di negara ini.

Seluruh kaum pekerja negeri ini dengan sekuatnya mengecam dan sesungguhnya menyesali cadangan pindaan-pindaan itu yang merupakan satu langkah tindakan yang sengaja dilakukan untuk menekan dan menjejaskan kebebasan dan keadilan individu.

Kerajaan boleh melaungkan kepada dunia luar yang ia telah merumuskan satu penawar bagi segala penyakit perhubungan perusahaan dan memasukkan ke dalam pergerakan Kesatuan Sekerja untuk melemahkannya dari segala bentuk penentangan perusahaan. Jika dengan cara yang demikian Kerajaan berharap agar dunia sejagat akan mempercayai kedongengan harapan yang karut ini, maka ia akan hanya merupakan cerita tahyul dan hanya bersikap seperti peribahasa "katak di bawah tempurung", atau mengikuti tanggapan kucing yang menutup matanya

Tuan Yang di-Pertua: Kucing yang apa?

Tuan V. David: Kucing kalau hendak menutup matanya, dia fikirkan dunia ini semuanya sudah gelap (*Ketawa*).

Pindaan ini kita nampak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat barangkali dia fikirkan dunia ini telah gelap bila dia hendak tidur. Saya minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat boleh jelaskan soal ini.

Negara Malaysia adalah terbahagi kepada dua bahagian; satu Semenanjung dan satu lagi Malaysia Timur. Adakah pindaan ini meliputi kedua-dua bahagian ataupun Malaysia Timur tidak diliputi oleh pindaan ini. Saya minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat boleh memberi keterangan.

Lagi satu harapan saya ialah saya minta Ahli-ahli Parlimen sama ada dari kawasan bandar ataupun luar bandar jangan lupa bahawa kita semua adalah mewakili pekerja-pekerja dan orang-orang miskin. Bila undi dijalankan untuk meluluskan Rang Undang-undang ini saya minta pindaan-pindaan ini

akan dibawa kepada Jawatankuasa Kecil kerana Parlimen ada kuasa penuh mengikut Perlembagaan kita untuk mengadakan satu Jawatankuasa Kecil bagi menyasat dan selepas tempoh 6 bulan Jawatankuasa itu boleh mengemukakan satu laporan dan kita boleh bincangkan atas perkara itu.

Saya tidak tahu mengapa Kerajaan tidak mahu menolak semua cadangan-cadangan pindaan, tetapi sebaliknya minta diluluskan dalam Dewan ini. Kita tidak ada darurat, tidak ada konfrantasi, tidak ada satu threat kepada keselamatan negara, tidak ada satu mogok yang besar di Malaysia di mana semuanya terikat dan ekonomi kita boleh rosak. Kita tidak dapat satu alasan mengapa Kerajaan mahu meluluskan pindaan ini dengan tergesa-gesa. Barangkali ada motif-motif lain tetapi walau bagaimanapun ini bukanlah satu contoh boleh ditunjukkan kepada dunia bahawa ini adalah modal negara kita.

Kita sudah merdeka hampir 23 tahun. Kita bebas, dan kalau ada orang hendak menanam modal dalam negara kita, mereka hendaklah hormat kepada pekerja dalam negara ini. Kalau mereka tidak hormat ataupun mereka fikirkan boleh dapat exploitasi yang tinggi di negara kita, motif kita itu tidak boleh berjaya dalam negara kita.

Saya nampak pindaan ini memberi kuasa yang kuat kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dan yang kedua memberi kuasa kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Kalau satu negeri ataupun negara kita boleh beri kuasa kepada orang yang tidak ada bersangkutan dengan Judiciary yang mana kita menghormati Judiciary kita yang bebas dalam negara kita, tetapi kita sudah sekat. Jika satu individu dilantik dalam political party, kalau dia tidak suka orang bangkang, barangkali dia boleh hapuskan kesatuan itu. Ini boleh jadi satu asas merosakkan kebebasan kita dalam negara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat boleh mengatakan kesatuan-kesatuan tidak boleh mencampuri politik tetapi dia sendiri berpolitik. Kalau tidak berpolitik dia tidak boleh jadi Menteri, kalau tidak berpolitik dia tidak boleh jadi Ahli Parlimen. Nyawa kita semua sekali adalah politik. Kalau nyawa kita diperiksa tiap-tiap hari, kita bangun pagi sampai petang semuanya politik. Sebab itu

janganlah kita ingat seperti kucing bila menutup matanya dia fikirkan semua gelap, jangan kita fikirkan macam itu.

Saya sekali lagi minta Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini meneliti pindaan-pindaan ini dengan berperingkat-peringkat kerana ini boleh menghapuskan kesatuan. Dalam Parlimen ini kita selalu berucap dengan suara yang tinggi untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil tetapi di manakah masyarakat adil itu? Ada ramai pekerja tidak sampai ke pintu itu kerana rakyat dari luar bandar yang datang ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang tidak ada kesatuan. Bila kita tanya Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengatakan mestilah mendapat sokongan daripada majikan, tetapi kalau majikan memegang perintah itu, kita tidak boleh cakap apa-apa. Kita percaya perintah ini bukan dari majikan atau lain-lain, itu adalah satu kebebasan tetapi sokongan majikan mesti didapati kalau mahu adakan kesatuan ataupun mahu daftarkan kesatuan. Daripada beribu-ribu pekerja di kilang-kilang elektronik boleh dikatakan 90% adalah terdiri daripada bumiputra yang miskin yang tinggal di dalam bandar dan mereka ini tidak ada kesatuan. Majikan-majikan menganiaya mereka, kadang-kadang banyak perbuatan kotor dilakukan dalam kilang-kilang itu, siapa pun tidak ada yang menjaganya. Walaupun ada Wanita UMNO tetapi saya tidak ada dengar suara yang mahu menjaga wanita-wanita ini.

Saya bukan kira parti, tetapi saya nampak barangkali beribu-ribu pekerja yang bekerja di kilang-kilang ini adalah ahli-ahli UMNO—itu saya tidak tahu. Bagaimana kita membela kehidupan mereka dalam Malaysia? Mereka datang dari luar bandar untuk bekerja di bandar, duduk di rumah setinggi dengan sewa sebanyak \$50, tetapi gajinya tidak sampai \$150 dalam mana termasuk semua perbelanjaan untuk makan, pakaian dan hantar wang kepada keluarga mereka di kampung. Inilah kesusahan mereka pada hari ini. Kalau mereka dibuang kerja atau dianiaya dalam factory itu, tidak ada siapa pun boleh menyuarakan sebab mereka tidak ada kesatuan kerana majikan-majikan tidak mahu menyokong untuk mendaftarkan kesatuan. Mengapa Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tidak boleh daftarkan kesatuan untuk pekerja-pekerja di kilang elektronik. Soal itu Yang Berhormat Menteri sahajalah yang boleh menjawab.

Kalau UMNO adalah satu parti untuk orang miskin, saya mahu bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat barangkali dia bebas sebab MCA adalah terdiri dari orang-orang yang kaya, barangkali dia tidak mahu daftarkan kesatuan. Itu perkara partinya sendiri. Saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ini sudah keluar daripada tajuk di bawah Peraturan 36 (1). Teruskan.

Tuan V. David: Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat di sini

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar. Hendak apa?

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dia hendak beri jalan di bawah Peraturan 37 (b). Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan V. David: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh, duduklah.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dalam ucapannya mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjual satu ubat. Saya hendak mendapat penerangan apakah nama ubat yang dijual oleh Yang Berhormat sekarang ini (*Ketawa*).

Tuan V. David: Ini sangat senang. Dalam radio dan televisyen iklan 'Colgate' pun dari pagi sampai petang dia kata Colgate ini bagus dan lain-lain barang. Kalau barang itu baik dia tidak akan cakap banyak, jadi fasal pindaan ini tidak baik Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah bercakap banyak memberi keterangan macam-macam. Perkara yang tidak bersangkutan dengan pindaan pun Yang Berhormat Menteri berucap. Saya minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, kalau kita percaya kepada Undang-undang Buruh kita mestilah berunding dengan pihak majikan dan kaum pekerja, kita mesti menghormati fikiran mereka. Tadi mula-mula saya

telah memberi satu peribahasa, "bunga jasmnin itu baunya sangat wangi". Kalau dia ada di sebelah sini atau sebelah sana wanginya pun serupa juga.

Tuan Yang di-Pertua: Itu kalau duduk di bawah angin (*Ketawa*).

Tuan V. David: Oleh itu saya merayu kepada semua Ahli-ahli Parlimen bila kita membincangkan perkara ini diharapkan kita memandang jauh ke hadapan kepada generasi baru yang keluar sekolah dan generasi yang masuk bekerja di kilang-kilang dari kampung jangan dilupakan. Kalau kita lupa dengan meluluskan pindaan ini hari ini kita sudah tahu bahawa pindaan ini boleh memberi kerosakan kepada generasi baru, iaitu sebagai kita membuang pasir ke dalam nasi mereka. Itu terpaksa kita jaga sedikit. Undang-undang ini kita nampak senang, kita boleh lulus dengan senang di sini tetapi ini lama-lama, generasi baru mesti tidak akan lupa akan perkara ini. Saya minta bila mengundi janganlah ingatkan kita yang ada sekarang tetapi mestilah mengingatkan dan memikirkan orang yang duduk di luar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

6.02 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya hampir terpengaruh dengan rayuan yang mendayu-dayu oleh Ahli dari Damansara itu supaya kita semua menyokong cakupnya dan menentang Rang Undang-undang ini. Tetapi kami di sini mempunyai satu tugas iaitu tugas untuk memelihara kaum pekerja daripada cengkaman pemimpin-pemimpin MTUC (*Tepuk*), seperti Ahli dari Damansara dan kerana itu kami tidak akan bertolak ansur untuk menyokong usul pindaan yang ada di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama yang perlu dipastikan di sini ialah bahawa MTUC hanya mewakili cuma 7% daripada jumlah pekerja di negeri ini.

Kedua, walaupun MTUC boleh mendakwa ia mendapat sokongan dari semua pekerja-pekerja yang berunion, ia masih belum dapat mengatakan ia telah menyuarakan pendapat semua pekerja-pekerja bergaji. Jumlah pekerja-pekerja yang menjadi ahli Kesatuan

Sekerja cuma tidak sampai setengah juta orang dari jumlah pekerja-pekerja bergaji seramai 3 juta orang.

Ketiga, walaupun MTUC masih mahu mendakwa bahawa ia mendapat simpati dari seluruh 3 juta pekerja-pekerja bergaji itu, namun jumlah ini tidak meliputi seluruh tenaga pekerja yang berjumlah 5 juta orang di negeri ini.

Sekarang jelaslah bahawa dalam keadaan apa sekalipun MTUC tidak boleh mendakwa ia mendapat sokongan dari seluruh kaum pekerja di negeri ini. Sebaliknya, kami dari parti yang memerintah telah diberi mandat oleh sebilangan besar rakyat negeri ini untuk mentadbirkan negeri ini menurut lunas-lunas yang telah ditentukan dengan penuh kebijaksanaan dan pada hemat kami sekarang sudah sampailah masanya untuk kami menggunakan kebijaksanaan kami untuk menyusun suatu order baru di dalam perhubungan perusahaan seperti yang dicerminkan di dalam Pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan suatu order baru di dalam perhubungan perusahaan ini hendaklah dilihat sebagai suatu lagi manifestasi keinginan Kerajaan untuk membentuk suatu bangsa Malaysia yang berdisiplin iaitu suatu syarat utama untuk membangun sesebuah negara. Tentunya kita masih ingat bahawa rakyat negeri ini telah bersetuju untuk mengorbankan kebebasan mereka apabila mereka menerima pindaan Perlembagaan yang melarang mereka mengingkit lima perkara sensitif.

Sebilangan besar rakyat juga telah mula menghayati falsafah disiplin yang terkandung di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri walaupun pada mulanya mendapat tentangan hebat daripada orang-orang seperti Ahli dari Damansara dan rakan-rakannya. Akta itu sekarang ternyata telah memberi sumbangan yang besar kepada wujudnya keadaan yang tenteram di dalam negeri sehingga sekarang ini setiap orang merasa bahawa mereka lebih selamat daripada masa dahulu.

Sekarang tibalah masanya giliran kaum buruh pula untuk membuat pengorbanan itu. Dan oleh kerana kaum buruh mempunyai hubungan secara langsung dengan pembangunan negara akan keperluan untuk mewujudkan satu order baru dalam bidang perhubungan perusahaan menjadi bertambah penting.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya penentangan MTUC terhadap pindaan ini adalah berkisar kepada dua perkara. Pertama, peraturan-peraturan baru yang mengawal proses tindakan mogok, dan kedua, kuasa-kuasa yang luas yang diberikan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dalam soal gabungan Kesatuan Sekerja.

Mogok adalah suatu senjata yang sah dan halal bagi kaum pekerja. Kita semua akui hal ini. Masalah di hadapan kita sekarang ialah bagaimana dan dalam keadaan apa senjata itu patut digunakan. Pindaan kepada kedua-dua Rang Undang-undang ini adalah jelas bahawa yang hendak ditentukan ialah cara dan dalam keadaan apa senjata itu boleh digunakan. Selepas membaca kedua-dua pindaan ini, pindaan kepada Ordinan Kesatuan Buruh ini, saya berpuashati bahawa hak asasi kaum pekerja tidak diambil balik daripada kaum pekerja dan kerana itu saya terpaksa menyokong dengan kuatnya cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa lepas, mogok telah digunakan bukan sebagai senjata terakhir oleh para pekerja, tetapi sebagai senjata pertama dan bila-bila masa juga. Memang benar data-data menunjukkan bahawa tindakan mogok telah berkurangan dari 85 kejadian dalam tahun 1974 menjadi hanya 28 dalam tahun 1979 iaitu tahun lalu dan jumlah mereka yang terlibat dan hari-hari kehilangan kerja juga telah jauh berkurangan. Tetapi ini berlaku bukan kerana ancaman mogok telah berkurangan sebaliknya ia berlaku kerana pihak Kementerian Buruh telah berjaya campur tangan dan menyelesaikan kes-kes tersebut sebelum ia merebak menjadi mogok.

Meletakkan tanggungjawab yang begitu besar kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sebagai penyelamat keadaan sepanjang masa adalah satu risiko yang mesti dielakkan. Pindaan-pindaan yang dikemukakan sekarang adalah satu langkah supaya kesatuan-kesatuan buruh dan para majikan dapat mendisiplinkan diri mereka supaya dengan demikian keperluan untuk pihak yang ketiga campur tangan akan menjadi berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, kaum pekerja di negeri ini harus merasa bersyukur bahawa mereka bekerja dalam sebuah negara yang demokratik. Bahawa Kerajaan yang memerin-

tah sekarang adalah sebuah Kerajaan yang menghormati prinsip-prinsip utama demokrasi. Mereka masih boleh mengamalkan hak-hak mereka yang demokratik sebagai kaum pekerja. Malaysia adalah menghormati prinsip-prinsip seperti yang terkandung dalam piagam Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Rang Undang-undang ini hanya bertujuan untuk membuat ketentuan yang jelas mengenai kekeliruan antara yang hak dan yang tidak hak, antara yang halal dan tidak halal.

Kalau kaum pekerja merasa terkongkong dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada sekarang ini dan yang akan dipinda ini maka itu ialah kerana mereka sering melihat negara-negara Eropah Barat dan Amerika sebagai contoh. Mereka sedikit-pun tidak mahu memandangi hak-hak yang diperolehi oleh pekerja-pekerja negara-negara lain yang jumlahnya melebihi pekerja-pekerja di Eropah Barat dan Amerika. Bahkan kalau mereka melihat hak yang dinikmati oleh para pekerja di negara-negara sekeliling kita, mereka akan mendapati mereka menikmati hak bergerak yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, kaum pekerja mestilah berhenti dari mengambil Eropah Barat sebagai contoh oleh kerana mereka sebenarnya adalah contoh yang amat buruk dan bukan suatu contoh yang baik. Tindakan perusahaan yang terus terusan di negara tersebut menyebabkan inflasi melambung naik. Ia juga telah menimbulkan rasa benci rakyat negara-negara tersebut terhadap gerakan kesatuan sekerja. Adakah pemimpin-pemimpin MTUC mahu keadaan yang serupa berlaku di sini? Dan adakah mereka mahu keadaan yang serupa berlaku ke atas negara ini.

Sejak tahun 1976 Tuan Yang di-Pertua, dua negara Eropah yang mempunyai gerakan sekerja yang kuat iaitu United Kingdom dan Italy terus menerus mempunyai kadar inflasi dua digit dengan kadar purata masing-masing 13.6 dan 15.6 peratus setahun. Dalam tahun 1979 United States dan France ikut pula mengalami kadar inflasi dua digit iaitu

masing-masing 11.3 dan 10.7 peratus. Malah kalau kita pergi lebih jauh ke negara-negara Latin Amerika akan melihat statistik inflasi yang lebih menggerunkan. Menurut World Development Report 1979 kadar inflasi di Uruguay ialah 68 peratus; di Argentina 107 peratus dan di Chile 268 peratus. Ini adalah angka-angka purata dari tahun 1970 hingga 1977.

Tahun lalu kadar inflasi di Malaysia adalah yang terendah di dunia iaitu menyamai Jepun pada kadar 3.6 peratus. Kadar purata peningkatan inflasi di Malaysia cuma 4.1 setahun.

Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di negeri ini tentu tahu mengapa inflasi di negara-negara yang saya sebutkan tadi begitu tinggi. Pilihan yang ada di hadapan mereka sekarang amat senang, Tuan Yang di-Pertua, iaitu sama ada mereka mahu kebebasan yang tidak terkawal atau inflasi yang melambung tinggi yang nanti akan menenggelamkan kebebasan yang mereka dapati dan bahawa kebebasan itu akan menjadi satu barang yang tidak bermakna apa-apa bukan sahaja kepada mereka tetapi kepada seluruh rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, melihat satu demi satu negara-negara Eropah yang menjadi sebuah kuasa ekonomi menjadi sebuah negara yang lemah dan berada di ambang kehancuran ekonomi. Kita dapat mengerti bahawa sebab-sebab utamanya ialah kerana kaum pekerjaanya diberi kebebasan yang tidak ada batasnya. Terlalu banyak keistimewaan hingga mereka tidak lagi perlu untuk bekerja kuat, untuk menambah pengeluaran negara menyebabkan harga barangan-barangan yang dikeluarkan dari negara mereka melambung tinggi. Kita rakyat negara yang membangun terpaksa membeli barang-barang yang mereka keluarkan itu dengan harga yang tinggi. Sebaliknya mereka mendesak Kerajaan mereka menutup pintu serapat mungkin kepada kemasukkan barangan-barangan yang dikeluarkan oleh pekerja-pekerja dari negara-negara kecil seperti di Malaysia ini yang pada umumnya dapat dijual dengan harga yang lebih murah.

Jelaslah ada satu pertelagahan kepentingan yang amat jelas di sini, Tuan Yang di-Pertua, antara kepentingan kaum pekerja di negara-negara membangun dengan kepentingan kaum pekerja di negara-negara yang maju. Tetapi,

apa yang amat memedihkan hati perut ramai orang di negara ini ialah bahawa sementara para pekerja di negara-negara maju mengumpul tenaga untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan pekerja-pekerja di negeri ini, itulah pula tempat para pemimpin kesatuan sekerja kita menimba inspirasi mereka. Adalah suatu hal yang menyedihkan rakyat negeri ini Tuan Yang di-Pertua, melihat 56 buah kesatuan sekerja kita bergabung dengan kesatuan-kesatuan sekerja antarabangsa yang dikuasai oleh pemimpin-pemimpin kesatuan dari negara-negara yang telah maju tadi. Bagi mereka, bergabung dengan kesatuan-kesatuan sekerja antarabangsa itu merupakan satu tambahan kekuatan yang boleh mereka gunakan apabila keadaan terdesak. Hakikatnya ialah mereka ini sedang digunakan oleh kesatuan-kesatuan antarabangsa tadi sebagai pelakun untuk merosakkan ekonomi negara-negara membangun pada jangka panjangnya demi untuk melanjutkan pergantungan kita kepada ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu rakyat di negeri ini merasai amat sangsi apakah sebenarnya sebab-sebab di belakang bantahan yang amat kencang oleh pemimpin-pemimpin MTUC terhadap kuasa yang diberi kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja mengenai gabungan kesatuan dengan kesatuan-kesatuan luar dan dalam negeri. Mungkin dengan adanya kuasa seperti itu pihak Pendaftar boleh menggunakan kuasanya untuk tidak membenarkan gabungan bergabung dengan gabungan luar negeri tadi dan dengan demikian mereka tidak lagi menimba kekuatan daripada kesatuan-kesatuan gabungan daripada luar negeri.

Ini adalah satu kebimbangan yang realistik, Tuan Yang di-Pertua, kalau benarlah selama ini kesatuan-kesatuan gabungan luar negeri ini memberi kekuatan kepada kesatuan sekerja dalam negeri ini dan bukannya menjadikan mereka sebagai suatu scheme jangka panjang untuk menghancurkan ekonomi negara ini dan kerana itu menghancurkan periuk nasi kaum pekerja-pekerja di negeri ini sendiri. Tetapi rakyat di negeri ini syak sebab utama penentangan itu ialah gabungan seperti itu tidak dapat dibuat sebeb dulu lagi maka ramailah nanti jagoh-jagoh kesatuan sekerja negeri ini yang akan kehilangan kedudukan mereka di dalam kesatuan-kesatuan buruh antarabangsa. Kejagohan mereka di dalam negeri juga akan turut malap.

Rakyat negeri ini juga tahu bahawa pemimpin-pemimpin MTUC sebok keluar negeri malah menghabiskan masa lebih banyak di luar negeri, setengah-setengah mereka, untuk menghadiri persidangan demi persidangan, seminar demi seminar, forum demi forum dan mengabaikan tugas mereka kepada ahli-ahli kesatuan yang mereka pimpin di negeri ini. Apabila tidak ada lagi gabungan luar negeri maka peluang seperti ini akan tiada lagi.

Rakyat negeri ini bertanya sekarang apakah penentangan ahli-ahli Exco MTUC terhadap Bahagian XIIA Section 76 rang pindaan Undang-undang Buruh ini didorong oleh kepentingan kaum pekerja di negeri ini atau kepentingan peribadi segelintir pemimpin-pemimpin MTUC?

Bahkan kaum pekerja sendiri sekarang sudah mula bertanya apakah yang mereka dapat dengan adanya gabungan-gabungan seperti itu selain daripada melihat pemimpin-pemimpin mereka sebok keluar negeri menghadiri persidangan, seminar dan forum-forum. Dan apakah pula faedah yang didapati oleh ahli-ahli biasa kesatuan buruh dari seminar, persidangan dan forum itu?

Rekod telah menunjukkan bahawa apabila timbul krisis perusahaan di negeri ini maka yang cepat bertindak menyelesaikan krisis tersebut ialah Kerajaan sendiri melalui Kementerian Buruh, bukannya badan-badan gabungan antarabangsa. Krisis pekerja-pekerja MAS baru-baru ini pun tidak ada kecualinya.

Rekod juga telah menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan yang ada ini adalah sebuah Kerajaan yang bersimpati dengan masalah buruh dan ingin melihat mendapat pembahagian rezeki yang adil dari kekayaan negara.

Bagaimanapun keadilan bagi kaum pekerja tidak bererti mereka boleh mempunyai hak yang lebih dari pekerja-pekerja yang tidak berunion seperti petani dan nelayan, seperti penaja dan peniaga-peniaga kecil. Petani, nelayan, penaja dan peniaga-peniaga kecil juga merupakan kumpulan manusia yang memberi sumbangan kepada ekonomi negara. Tanpa sumbangan mereka kaum pekerja tidak akan dapat hidup. Bilangan mereka juga lebih besar daripada bilangan kaum pekerja bergaji ataupun berunion.

Oleh yang demikian, kiranya pihak kaum pekerja mahu bercakap mengenai kebebasan yang luas untuk mereka maka adalah adil untuk kita juga bercakap tentang kebebasan yang lebih luas untuk kaum petani dan nelayan. Kesejahteraan kaum buruh perlulah dipertalikan dengan kesejahteraan kaum tani dan kaum nelayan. Kesejahteraan yang berat sebelah dan tidak menyeluruh adalah kesejahteraan yang palsu dan tidak akan kekal.

Tuan Yang di-Pertua, hak untuk mogok yang diberi kepada kaum pekerja yang bergaji adalah suatu keistimewaan yang tidak terdapat pada kaum petani dan nelayan. Oleh itu hak tersebut hendaklah dibatasi oleh kerana penggunaannya secara sebarangan akan menjejaskan bukan sahaja kehidupan para pekerja sendiri, tetapi juga nelayan, petani dan seluruh rakyat negara ini.

Adalah juga mustahak diperhatikan bahawa hak mogok itu dipergunakan sebagai jalan keluar yang akhir dalam hal-hal yang hanya menyentuh kepentingan kaum pekerja, bukan sebagai satu cara untuk mencapai cita-cita politik pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja.

Rekod dimasa lepas telah membuktikan bahawa setengah-setengah pemimpin kesatuan sekerja di negeri ini tidak dapat memisahkan kepentingan pekerja dengan kepentingan politik mereka yang juga menjadi tokoh-tokoh politik parti Pembangkang seperti Ahli dari Damansara yang tadi baharu sahaja bercakap, beliau juga menjadi Setiausaha Agung MTUC.

Orang-orang seperti ini tidak akan teragak-agak untuk berpaling kepada kesatuan-kesatuan sekerja di luar negeri oleh kerana beliau tahu bahawa kesatuan-kesatuan sekerja di luar negeri itu lebih merupakan satu badan politik dari sebuah badan pekerja.

Dalam keadaan demikian melalui kesatuan-kesatuan sekerja yang dipimpin oleh Ahli dari Damansara itu rakyat di negeri ini melihat dengan perasaan yang amat dukacita bertambahnya campurtangan oleh pemimpin-pemimpin kesatuan buruh luar negeri dalam hal ehwal negeri ini.

Tidak syak lagi, Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak yang menentang kedua-dua pindaan yang ada di hadapan ini di kalangan

MTUC melihat hanya ciri-ciri yang negatif di dalam kedua-dua pindaan tersebut tanpa sedikit juga cuba menilai keperluan jangka panjang pertubuhan ekonomi negara dan faedah-faedah yang akan diperolehi oleh kaum pekerja di negeri ini melalui pertumbuhan seperti itu.

Mereka gagal menghuraikan kepada ahli-ahli mereka tentang pentingnya diwujudkan suatu suasana yang tenteram sebagai pre-condition kepada pertumbuhan seperti itu. Mereka gagal menjelaskan kepada ahli-ahli mereka tentang objektif sebenar kedua-dua pindaan yang ada di hadapan kita ini iaitu untuk mewujudkan keadaan tenteram itu. Mereka sebaliknya menggunakan kesempatan ini untuk menaikkan sentimen kaum pekerja untuk menentang Kerajaan yang kononnya mahu merampas hak mereka sedangkan hakikat yang sebenarnya sebahagian besar dari perjuangan mereka ialah untuk memelihara kepentingan selfish mereka sendiri dan juga kepentingan politik kepertanian beberapa orang daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini dan sebilangan besar kaum pekerja yang berfikiran rasional sedang memerhatikan dengan teliti tindak-tanduk Setiausaha Agung MTUC merangkap Ahli DAP dari Damansara yang baharu sekejap tadi bercakap dalam usahanya untuk men-DAP-kan MTUC dan gerakan buruh di negeri ini. (*Tepuk*).

Dalam satu ucapan dipersidangan ILO di Geneva dalam bulan Jun tahun lalu Setiausaha Agung MTUC merangkap Ahli DAP dari Damansara yang sekarang tidak ada dalam Dewan antara lain telah mengkritik Kerajaan dengan hebatnya mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri dan issue pelajaran. Kedua-dua issues ini lebih merupakan issues parti DAP daripada issues buruh.

Rakyat dan kaum pekerja di negeri ini bertanya sama ada beliau ke Geneva bagi memperjuangkan kepentingan kaum pekerja atau menyebarkan dakwah DAP? (*Tepuk*) Apakah beliau ke sana sebagai seorang pemimpin buruh atau seorang ahli politik?

Kalau beliau ke sana sebagai wakil kaum pekerja, mengapa dan siapa memberi beliau hak untuk campuradukkan issue kaum pekerja dengan issue politik DAP?

Penyusupan politik (political subversion) DAP di dalam kesatuan sekerja bertambah jelas apabila kita baca laporan ketujuh yang dikeluarkan tiga tahun sekali oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan yang Ahli DAP dari Damansara itu menjadi penasihatnya. Sedutan dari laporan itu bertarikh 2hb September, 1979 itu berbunyi, dengan izin, saya quote:

“Negara telah menyaksikan pilihanraya umum 1978 di mana beberapa orang anggota kesatuan sekerja telah turut bertanding. Setiausaha Agung, V. David dan Penolong Setiausaha Agung, Zainal Rampak serta Pegawai Luar Ali Rahman telah bertanding dalam pilihanraya 1978. Satu kesedaran baru perlu diwujudkan di kalangan kaum pekerja bahawa kesatuan sekerja dan politik tidak dapat dipisahkan. Untuk mengubah penyusunan sosial dewasa ini maka kekuasaan politik adalah sangat diperlukan.”

Inilah kenyataan yang menunjukkan bahawa usaha mempolitik dan men-DAP-kan MTUC ini sedang berjalan dengan amat terperencana. Apakah ini disadari oleh ahli-ahli biasa kesatuan sekerja dinegeri ini? Adakah mereka rela melihat pemimpin-pemimpin mereka mengorbankan perjuangan sebenar kaum buruh untuk menegakkan objektif politik mereka? Adakah kaum pekerja dinegeri ini rela mereka dijadikan alat orang-orang yang berpura-pura memperjuangkan kepentingan kaum pekerja sedangkan hakikat sebenarnya mereka berjuang untuk memenuhi tujuan objektif mereka. Apakah tujuannya?

Tuan Yang di-Pertua, ketika mengumumkan niat MTUC hendak berdemonstrasi di hadapan bangunan Parlimen pada 1hb April lalu, Setiausaha Agung MTUC merangkap Ahli DAP dari Damansara berkata: “We will identify the enemies and friends of labour”.

Kita tahu siapa sahabat mereka. DAP tentunya, dan kita tahu juga PAS sahabat mereka. Tetapi siapa musuh pekerja? Siapa musuh trade union? Saya cabar Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu supaya mengumumkan siapa musuh mereka sekarang, saya akan beri jalan walaupun beliau tidak ada, kawannya boleh menyambut cabaran saya.

Apakah UMNO musuh mereka? Apakah MCA atau MIC atau semua parti komponen dalam Barisan atau Kerajaan Barisan Nasional ini musuh trade union? Kalau ada yang mahu menjawab cabaran ini, saya beri jalan sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hak itu saya menentukan dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, untuk penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia beri jalan, bahawa orang yang menyokong Rang Undang-undang ini musuh kesatuan dan kaum pekerja. (*Disampuk*).

Tuan Alias bin Md. Ali: Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan kita bersedia

untuk menghadapi tindakan-tindakan daripada orang yang menganggap kita sebagai musuh itu.

Tuan Yang di-Pertua: apakah sebenarnya maksud beliau membuat kenyataan seperti itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Alias bin Md. Ali: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya boleh beri sambung sedikit sahaja lagi esok, kerana mungkin esok saya akan hadkan masa untuk bercakap. Perbahasan atas Rang Undang-undang ini akan disambung hari esok.

Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari Jumaat, 4hb April, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.